

DR.20.11.2000

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 20 November 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada nisbah keanggotaan polis di sesuatu kawasan juga mengikut kadar kes jenayah yang perlu dibanteras, serta purata kadar jenayah secara perbandingan antara tahun 1998 dan 1999 serta yang terkini dalam Daerah IPD Sentul, khususnya di kawasan Parlimen Wangsa Maju.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, nisbah keanggotaan polis di sesuatu kawasan adalah bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya:

- (i) kepadatan penduduk di sesuatu kawasan;
- (ii) keluasan kawasan;
- (iii) kemudahan infrastruktur;
- (iv) kadar jenayah yang dilaporkan;
- (v) kepesatan ekonomi;
- (vi) kawasan perindustrian; dan sebagainya.

Berhubung dengan jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara, pada tahun 1999 adalah berjumlah 169,115 kes. Sementara pada tahun 1998 adalah berjumlah 158,859 kes iaitu peningkatan sebanyak 10,256 atau 6.46% di seluruh negara. Bagi daerah Sentul pula, Tuan Yang di-Pertua, jenayah indeks yang dilaporkan dari Januari hingga September 2000 adalah berjumlah 5,502 kes berbanding dengan 6,227 kes sepanjang tempoh yang sama pada tahun 1999. Polis Kuala Lumpur amnya, dan IPD Sentul khususnya telah berjaya menurunkan kadar

jenayah sebanyak 11.64%. Kejayaan polis mengawal dan seterusnya menurunkan kadar jenayah adalah hasil kerjasama yang erat dari orang ramai semasa operasi pencegahan dijalankan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang jelas tadi. Dalam daerah IPD Sentul terdapat lebih kurang 1.2 juta penduduk dan jumlah anggota polis seramai lebih kurang 650 orang yang meliputi semua balai polis termasuk Balai Polis Wangsa Maju. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan jumlah anggota polis di seluruh negara supaya keselamatan negara lebih terjamin. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang adalah hasrat Kerajaan untuk menjalankan keamanan dan pada masa yang sama memastikan jenayah-jenayah indeks tidak meningkat dari setahun ke setahun. Dan, selama ini tugas yang dijalankan oleh pihak polis ialah kita masih dapat mengawal jenayah indeks walaupun terdapat tahun lepas dan tahun ini ada sedikit sebanyak peningkatan. Ini adalah juga dalam jangkaan kita. Walau bagaimanapun, pihak Polis Diraja Malaysia pada setiap tahun mengambil lebih ramai anggota polis supaya menyertai PDRM sebab bidang tugas bagi pihak polis semakin luas. Pada tahun depan juga, pihak Polis Diraja Malaysia telah pun membuat satu kertas yang agak terperinci kepada kerajaan supaya pengambilan anggota-anggota baru dapat dilakukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut jawapan dari Yang Berhormat, kadar kes jenayah bertambah mengikut jawapan. Saya telah difahami bahawa di Kuala Lumpur hanya ada 5,000 anggota polis sahaja. Adakah kerajaan berhasrat menambahkan anggota di Wilayah Persekutuan sebab Kuala Lumpur adalah satu tempat pelancongan dan juga pusat bandar berbudaya dan juga berekonomi. Soalan saya, apakah kesan setelah pihak polis mendirikan pondok-pondok polis di beberapa tempat khususnya dalam Kuala Lumpur dan bagaimanakah sambutan penduduk dalam membantu polis mencegah jenayah khususnya di Kuala Lumpur ini. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memanglah kerajaan juga harap dengan adanya pasukan polis di seluruh negara maka kita dapat menjaga keamanan, dapat menjaga supaya pada keseluruhannya negara kita adalah crime free, dengan izin. Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, jika kita hendak mengambil lebih ramai anggota polis yang baru untuk menyertai pasukan polis Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya dan ibu kota pada negara akan diberikan keutamaan. Kuala Lumpur ini adalah memang mendapat pertimbangan keutamaan jika terdapat sebarang pertambahan pihak polis.

Bagi soalan tambahan yang kedua, mengenai pondok polis, memang satu cadangan yang cukup baik. Sebenarnya pihak polis telah mempunyai perancangan untuk mengadakan lebih banyak pondok-pondok polis di tempat-tempat tiada balai-balai polis. Tetapi kadang-kadang kita menghadapi masalah kewangan. Kalau peruntukan tidak mencukupi maka agak lambat sedikit untuk mengadakan pondok-pondok polis. Pihak polis sentiasa bekerjasama dengan orang ramai dan ada setengah tempat pihak swasta sendiri memberi sumbangan kepada polis supaya mengadakan lebih banyak pondok polis. Yang Berhormat mungkin dapat membantu juga ke arah ini. Pihak orang awam menyambut baik tentang pondok-pondok polis. Sebab kalau kita mempunyai pondok-pondok polis sekurang-kurangnya kita dapat menempatkan seorang atau dua anggota polis di situ. Dan ini akan membantu menjaga keamanan dan penjenayah-penjenayah di tempat-tempat di mana ada pondok-pondok polis pun tidak begitu beranilah untuk membuat jenayah. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang mengeluarkan ijazah kejuruteraan yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Apakah yang menyebabkan ianya berlaku?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang tidak diiktiraf ijazah kejuruteraannya kecuali program-program kejuruteraan yang masih di dalam proses

penilaian dan IPT yang belum selesai penilaiannya. Ijazah luar negara yang tidak diiktiraf adalah disebabkan ianya tidak diiktiraf oleh badan profesional negara berkenaan. Bagi negara yang tidak mempunyai badan profesional, ia perlu mendapat penilaian terus dari Majlis Akreditasi Jurutera atau *Engineer Accreditation Council*. Sekian.

**Dato' Yap Piau Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat tadi itu. Apakah kriteria yang ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia untuk mengiktirafkan ijazah-ijazah kejuruteraan dalam negara dan luar negara. Apakah kriterianya?

**Datuk Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan ijazah kejuruteraan, memang dibuat oleh Lembaga Engineer atau Lembaga Jurutera Malaysia dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan) 1987, keperluan akreditasi adalah dalam seksyen 4(1)(b), 10(1)(a), saya baca untuk contoh sahaja.

Tertakluk kepada Akta ini seseorang yang mempunyai kelayakan yang dikehendaki untuk menjadi anggota siswazah Institusi Jurutera Malaysia atau apa-apa kelayakan lain yang mendapat lembaga setaraf dengannya, adalah berhak atas memohon untuk didaftar sebagai seorang jurutera siswazah. Ada satu lagi kriteria – pengiktirafan. Pengiktirafan Ijazah Kejuruteraan akan diberi sekiranya penilaian memenuhi kriteria yang berikut:

- (i) program akademik seperti jam kredit; kandungan kursus; latihan industri; makmal, projek tahun akhir; perhubungan dan sebagainya;
- (ii) nisbah kakitangan akademik dan pelajar;
- (iii) kemudahan pembelajaran;
- (iv) kualiti sistem pengurusan.

Ini adalah contoh-contoh. Terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan negara kita pesat membangun dalam bidang industri dan kita telah menghadapi kekurangan kakitangan technician terutama jurutera. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan bilangan jurutera dalam negara dan

juga adakah program yang dianjurkan untuk meningkatkan taraf technician kepada Jurutera. Terima kasih.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, institut pengajian tinggi memang banyak ada kursus kejuruteraan seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UNIMES), Institusi Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Multimedia, Kolej Bandar Utama dan kita sudah pun bertambah beberapa universiti, pengiktirafannya belum dibuat atau masih dalam penilaian. Ianya Universiti Multimedia Cyberjaya, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Kolej INTI, Stamford College, Kolej Srijaya, Kolej Prima Yayasan Perak, Kolej FRIM, Kolej Taylor. Bertambah lagi untuk technician bukan kejuruteraan, kita ada CIDB yang memberikan latihan kepada teknikal.

3. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah perancangan yang telah dan akan diambil untuk memberi lebih insentif berupa elaun khas (*hardship allowance*) bagi menarik minat guru-guru terlatih untuk berkhidmat di luar bandar terutamanya di Sarawak dan Sabah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa tindakan untuk menggalakkan guru berkhidmat di kawasan luar bandar atau pedalaman, khususnya di Sabah dan Sarawak. Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah:

- (i) memberi bayaran insentif pedalaman dengan kadar 10% daripada gaji pokok pegawai berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2000;
- (ii) memberi imbuhan tetap perumahan kepada guru-guru di kawasan pedalaman yang mendiami rumah atau kuarters yang disediakan tetapi jika tidak memenuhi kriteria sebagai kuarters kerajaan maksudnya di sini ialah sub-standard berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2000;

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 756 projek rumah guru, maknanya 4,777 unit telah siap, dan 465 projek di mana terdapat 5,604 unit dalam pembinaan. Jadi, jumlah tersebut sebanyak 854 projek iaitu 5,450 unit rumah guru diperuntukkan di kawasan luar bandar. Kebanyakan tapak pembinaan rumah guru tersebut terletak di kawasan sekolah;

- (iii) memberi keutamaan kepada pembinaan rumah guru di kawasan luar bandar.

Terima ka sih.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Selain daripada elaun-elaun khas, adakah kementerian mengambil kira pengalaman guru-guru yang sudah berkhidmat di luar bandar sebagai kriteria bagi kenaikan pangkat mereka.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Walaupun ini tidak ada kena-mengena dengan penggalakan guru-guru pergi ke luar bandar memang kita ada beberapa kriteria di dalam hal untuk kenaikan pangkat dari segi perkhidmatan itu dilakukan secara biasa. Untuk mengatakan bahawa dia telah pun berkhidmat di luar bandar sekian-sekian lama apakah ini mempunyai sedikit sebanyak – orang kata markah untuknya itu, mungkin kita akan masuk dalamnya. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen. Ramai guru yang lepasan, tamat latihan guru ini daripada Semenanjung takut hendak pergi ke Sarawak, lebih-lebih lagi yang ke luar bandar. Ini kerana apabila mereka pergi ke Sarawak, di luar bandar berjalan kaki tiga jam, naik bot tiga jam, lima jam dan sebagainya, hulu sangat. Yang ditakuti ialah kerana tidak ada kemudahan yang boleh menyelesaikan masalah kehidupan, kerana mereka berlatarbelakangkan keadaan yang agak sederhana, bandar atau pekan ini. Tiba-tiba masuk ke pedalaman, tandas tak ada. Budayanya agak bercanggah sangat dengan kehidupan mereka sehari-hari. Bolehkah kementerian guru-guru lepasan maktab ini dari Semenanjung tak payahlah tukar ke pedalaman Sabah dan Sarawak. Kalau hendak tukar ke Sabah dan Sarawak carilah yang dekat-

dekat bandar. Ataupun di Sarawak ada pusat perguruan, hantar orang Sarawak di Sarawaklah, orang Sabah di Sabah, jadi tak timbul masalah Wakil-wakil rakyat didatangi oleh ibu bapa kadang-kadang menangis. Lebih-lebih lagi anak perempuan hendak dihantar ke pedalaman di Sarawak yang menakutkan dia. Hendak langgar takut melanggar arahan kementerian, tak langgar ini masalahnya. Saya minta sedikit penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang faham dan juga prihatin mengenai dengan guru-guru Semenanjung yang sesudah tamat latihan yang akan dihantar ke Sabah dan Sarawak. Memang juga saya terima banyak rayuan dan sebagainya supaya mereka tidak dihantar ke Sabah dan Sarawak. Sekiranya kita tidak ambil langkah itu, maknanya Sabah dan Sarawak tidak ada guru. Kita cuba juga daripada dari kalangan mereka yang datang daripada Sabah dan Sarawak untuk mengikuti kursus guru, itu pun tidak mencukupi. Dan di masa yang sama juga oleh kerana adanya terlalu banyak kekosongan ini kita tidak ada jalan yang lain selain untuk menghantar mereka daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

Kita sudah pun mengambil langkah, dan saya sendiri meminta pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Sarawak supaya sekiranya mereka sampai di sana jangan dihantar ke tempat-tempat yang terlalu dianggap pedalaman. Kalau boleh kita cuba sedaya-upaya dihantar di kawasan-kawasan di mana terdapatnya bandar-bandar kecil. Itu yang diusahakan. Tetapi buat masa yang akan datang oleh kerana Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada Malaysia, jadi guru-guru tadi telah pun diberitahu bahawa mereka akan dihantar di mana-mana sahaja di bumi Malaysia ini.

Walau bagaimanapun, daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kita akan mengambil kira. Malah kita telah buat sedikit-sebanyak kelonggaran sekarang, kita telah pun menetapkan supaya tiga atau empat tahun khususnya kita akan hantar dia balik. Sebab itu kita ada kursus orientasi di sini dan juga apabila mereka sampai di sana, mereka juga diberi orientasi, bermacam-macam. Dengan lain perkataan kita kata *to prepare their mind*, dengan izin, untuk menghadapi segala macam kesusahan ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya ucap syabas dan

terima kasih kepada mereka yang ramai yang sanggup berkhidmat di mana-mana sahaja di bumi Malaysia ini. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah projek dan nilai pinjaman yang dicadangkan melalui pembiayaan luar dari pakej Miyazawa dan Japan Bank For International Cooperation (OFCF). Apakah status terkini setiap projek termasuk jumlah perunding dan kontraktor yang dilantik serta cara pelantikannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah memperolehi 15 pinjaman bernilai RM14,538 juta daripada Japan Bank for International Corporation (JBIC) di bawah pakej Miyazawa bagi membiayai 23 projek dalam pelbagai sektor. Daripada jumlah tersebut, sembilan pinjaman bernilai RM8,089 juta ialah pinjaman yang dibuat secara langsung kepada kerajaan yang sedang digunakan untuk membiayai 15 projek di sektor pendidikan, kesihatan, industri kecil dan sederhana dan infrastruktur yang strategik seperti projek jalan raya, tenaga elektrik, pementasan, pelabuhan dan empangan.

Baki sebanyak enam lagi pinjaman bernilai RM6,469 juta merupakan pinjaman yang dijamin oleh kerajaan kepada agensi-agensi dan syarikat kerajaan seperti Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad., Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad bagi membiayai lapan projek dalam sektor infrastruktur, tenaga elektrik, industri kecil dan sederhana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan perunding dan kontraktor bagi semua projek yang menerima pinjaman dari JBIC perlu mengikut prosedur perolehan yang ditetapkan oleh JBIC dan prosedur perolehan Kerajaan Malaysia. Pihak JBIC telah menetapkan bahawa tender bagi semua projek yang dibiayai dari pinjamannya hendaklah berdasarkan *international competitive leading*, dengan izin, di mana tender terbuka perlu dipanggil di kalangan kontraktor tempatan dan antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar tadi projek-projek yang dilakukan melalui pinjaman ini adalah satu jumlah yang begitu besar iaitu RM4000 juta kalau tidak salah saya. Walaupun



kerajaan ada menetapkan cara perundingan dan kontraktor yang dilantik, tetapi dari segi menjalankan projek ini saya dengar tadi ada disebut tender dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan lebih lanjut lagi tentang cara kita mengendalikan tender ini supaya ia lebih telus dan transparent. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi bahawa projek-projek ini dilakukan secara tender terbuka dan mengikuti segala prosedur sama ada yang telah ada dalam negara kita oleh kerajaan ataupun prosedur yang digariskan oleh JBIC tadi. Saya hendak betulkan Yang Berhormat tadi bahawa pinjaman bukan RM4,000 juta, RM14,538 juta keseluruhan pinjaman kita.

Di samping itu, JBIC juga memberikan satu kelonggaran kepada kita supaya diadakan secara *direct nego*. ataupun rundingan terus tetapi dengan syarat justifikasi rundingan terus itu mestilah dipersetujui oleh JBIC. Ertinya, mereka mesti mempersetujui terlebih dahulu justifikasi *direct nego*. itu, dengan izin, sebelum diluluskan. Dari segi transparansi, memang di samping kita terpaksa memenuhi syarat-syarat yang ada dalam negara kita, iaitu syarat-syarat kerajaan negeri sendiri, kita juga terpaksa memenuhi garis panduan dan syarat-syarat yang digariskan oleh JBIC, dan mereka punya panel khusus yang menilai setiap projek yang kita cadangkan dan mereka juga bertanggungjawab kepada Parlimen mereka, Diet, Jepun supaya tidak ada *hanky-panky*, dengan izin, dalam urusan memberikan projek ini.

Jadi, dari segi ketelusan, dari segi *accountability* saya rasa projek-projek yang diluluskan oleh JBIC melalui pinjaman yang dibuat kepada kita adalah begitu telus, begitu mantap dan saya rasa begitu bertanggungjawab. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Amar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah nisbah perbandingan antara perunding dan kontraktor tempatan dan perundingan dan kontraktor luar negara daripada segi bilangan dan juga dari segi peratus.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi peratus berapa projek yang diluluskan kepada kontraktor tempatan dan luar negara, saya tidak mempunyai angka yang tepat. Tetapi dari segi pengagihan projek itu sendiri kita melihat bahawa sama ada kita memberikan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri kita yang berwibawa untuk melaksanakan projek-projek yang telah

diluluskan oleh JBIC. Di samping itu, jikalau ada sesuatu projek yang memerlukan satu kepakaran yang khusus, kemahiran yang khusus dan kita didapati kontraktor luar negara lebih berwibawa dan dapat melaksanakan projek ini dengan sempurna, maka kita juga mengagihkan projek ini kepada kontraktor-kontraktor luar negara. Dari segi angka saya akan cuba berikan secara bertulis.

5. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan projek-projek pembangunan luar bandar yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) bagi kawasan Parlimen Kapar.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan Rancangan Malaysia Kelapan secara keseluruhan masih dalam pertimbangan Kerajaan Pusat. Bagaimanapun bagi tahun 2001 kementerian ini telah diperakukan peruntukan sebanyak RM1,479,303,650 yang merupakan sambungan program projek Rancangan Malaysia Ketujuh. Agihan mengikut negeri bagi setiap program atau projek kini dalam tindakan kementerian dengan mengambil kira permohonan dan keperluan termasuk kawasan Parlimen Yang Berhormat sendiri.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua orang tahu dan percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sentiasa mengambil berat masalah pembangunan di luar bandar bukan sahaja di Kapar tetapi juga di kawasan-kawasan lain seperti di Lunas. Memandangkan pilihan raya kecil tidak lama lagi, dan kita percaya pembangkang akan terus menggunakan tipu helah dan muslihat untuk mempengaruhi rakyat bagi membenci dan memburuk-burukkan kerajaan, tetapi saya minta Menteri menyatakan rancangan-rancangan pembangunan seterusnya terutama Program Rakyat Termiskin, termasuk masalah orang-orang India seperti yang didakwa oleh pembangkang biar pun DAP dan KeADILan sedang bercakaran mengenai calon. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kerja fitnah itu memang kerja pembangkanglah, itu kerja dia. Tetapi kita apabila kita menjalankan sesuatu, kita menggunakan kaedah-kaedah yang saintifik. Kita menggunakan kebijaksanaan bagi mengatasi semua masalah bagi semua masyarakat dalam negara. Jadi, bagi

masyarakat India, kita juga ketahui di luar bandar mereka juga banyak berada di kalangan kelompok-kelompok termiskin dan tanggungjawab kerajaan ialah untuk membela kemiskinan bagi semua bangsa, semua suku kaum dan semua bilangan agama dan sebagainya. Maka khusus bagi kumpulan-kumpulan India, kerajaan telah mewujudkan atau melantik sebuah syarikat ataupun sebuah badan profesional untuk mengkaji kelompok-kelompok kemiskinan di kalangan masyarakat India, apakah jenis kelompok kemiskinan ini dan bagaimana kita akan dapat mencari jalan mengatasi masalah mereka.

**Puan P. Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri tolong memberitahu kepada kita agak bila kajian itu akan disiapkan?

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, kajian ini sepatutnya telah pun siap, tetapi mereka meminta supaya bidang kajian itu diperluaskan sedikit merangkumi masyarakat lain dan ini sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan dari segi pembiayaan dan sebagainya.

6. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah reaksi para peniaga terhadap seruan kerajaan yang meminta mereka menurunkan harga produk perisian komputer; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan penguatkuasaan yang dicapai oleh kementerian selepas Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 diluluskan dan nyatakan negeri yang sering terlibat dengan cetak rompak perisian komputer ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan,

- (a) Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak wakil pemilik *computer software*, iaitu Business Software Aliens bagi mendapatkan kerjasama dan komitmen mereka supaya menjual harga *software* dengan harga yang lebih

*affordable*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana dan juga golongan-golongan berpendapatan rendah. Pihak Business Software Aliens (BSA) telah memberi jaminan akan berusaha menjual *software* ini dengan harga yang berpatutan. Pihak kementerian sedang membuat pemantauan (*monitoring*) ke atas perkembangan mengenai hal ini.

- (b) Terdapat dua aspek dalam soalan tersebut, satu mengenai Akta Cakera Optik 2000, dan kedua, mengenai tindakan penguatkuasaan ke atas penggunaan dan penjualan perisian salinan langgaran. Akta Cakera Optik 2000 mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2000, manakala perundangan subsidiari di bawahnya iaitu Peraturan-peraturan Cakera Optik 2000 mulai 15 Oktober yang lepas. Walaupun tarikh pemakaian undang-undang tersebut telah ditetapkan, tindakan penguatkuasaan belum dilaksanakan kerana undang-undang tersebut memberi tempoh peralihan enam bulan kepada pekilang-pekilang yang sedia ada untuk mendapatkan lesen bagi mengeluarkan cakera optik dan enam bulan lagi bagi mematuhi sepenuhnya syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

Pada masa ini terdapat 38 pengilang yang mengeluarkan cakera optik. Sehingga ini enam syarikat telah mendapatkan borang pelesenan yang mana satu daripadanya telah mengemukakan permohonan.

Mengenai tindakan kes ke atas penggunaan dan penjualan *software* salinan langgaran, tindakan telah diambil terhadap 26 syarikat dan melibatkan rampasan bernilai kira-kira RM7 juta. Pecahan tindakan kes ialah 16 di Lembah Kelang; 4 di Pulau Pinang; 4 di Kuching; 1 di Ipoh; dan 1 di Johor.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Produk cetak rompak mendapat sambutan meriah para pengguna kerana harganya yang murah. Manakala etika seseorang pula yang menentukan sama ada dia membeli

produk cetak rompak atau tidak. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita semua ketahui etika sukar mengatasi wang kerana penurunan harga produk asli langsung tidak dapat menandingi harga murah produk cetak rompak. Justeru itu, bagaimanakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawabkan tadi, kita telah adakan perundingan dengan Business Software Aliens iaitu satu badan yang mewakili syarikat-syarikat yang menjual *software*. Kita hanya telah minta kerjasama daripada mereka oleh kerana tindakan-tindakan yang kerajaan ambil terhadap mereka yang menjual dan memakai *software* salinan langgaran, maka kita minta lebih ramai akan membeli *software* yang asli dengan menurunkan harga. Mereka kata mereka akan beri kerjasama dan kita sedang monitor apakah keadaan sebenarnya. Belum lagi kita mendapat maklumat-maklumat yang tertentu bahawa harganya telah menurun. Satu daripada masalah yang mereka hadapi adalah *headquarters* syarikat-syarikat ini adalah di luar negara dan mereka yang menentukan harga *software*, maka itu mungkin satu masalah. Walau bagaimanapun, kementerian akan terus berusaha dalam hal ini.

**Tuan Saupi dan Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kegiatan cetak rompak yang kita lihat hari ini adalah satu perusahaan baru dan melibatkan pengilang-pengilang haram di negara kita. Hari ini kita lihat ia bukan sahaja melibatkan warganegara kita tetapi melibatkan warganegara asing yang telah datang ke negara kita untuk mengadakan kegiatan ini. Saya ingin tahu dari kementerian, apakah tindakan yang telah diambil kepada warganegara asing yang terlibat dalam kegiatan ini dan juga tindakan kepada pemilik-pemilik premis yang telah membenarkan ataupun yang telah membiarkan kegiatan ini berlaku di negara kita. Terima kasih.

**Dato. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang kita dapat ambil baik terhadap warga negara asing mahu pun warga negara kita adalah sama mengikut Akta Cakera Optik 2000. Tetapi seperti saya katakan, walaupun akta itu telah diluluskan, bagi 38 pengilang yang terdapat mereka diberi masa peralihan selama enam bulan untuk memohon lesen dan enam bulan untuk mematuhi sepenuhnya syarat-syarat. Ini bagi kilang-kilang yang dilesenkan.

Bagi kilang-kilang yang tidak dilesenkan, kita mempunyai kuasa untuk merampas barang-barang, menutup kilang dan sebagainya yang dilakukan sekarang

pun, tetapi Akta Cakera Optik 2000 akan memberi lebih kuasa kepada kita supaya kita bertindak dengan lebih tegas terhadap orang-orang ini. Jika kita belum lagi mempunyai maklumat terperinci mengenai warga negara asing, tetapi kalau kita dapat warga negara asing selain daripada tindakan-tindakan yang boleh diambil di bawah akta, kita juga boleh rujuk kes kepada Imigresen supaya mereka dikeluarkan daripada negara.

*[Soalan No. 7 – Y.B. Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru] tidak hadir]*

**8. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah peruntukan yang akan diagihkan kepada kawasan luar bandar Sarawak, rumah panjang, sekolah-sekolah, kampung-kampung termasuk peruntukan dalam pembekalan bekalan elektrik di tempat-tempat tersebut.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperuntukkan kepada kawasan luar bandar termasuk rumah panjang di negeri Sarawak sebanyak RM133.476 juta bagi tahun 2000 untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur diteliti, penyusunan semula kampung, pembasmian kemiskinan, peningkatan ekonomi di luar bandar, pembangunan masyarakat dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tahun 2001 dan agihan mengikut negeri-negeri masih lagi dalam peringkat pertimbangan kementerian ini.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri berkenaan dengan pengagihan dan pembangunan luar bandar negeri Sarawak. Tetapi setakat ini, saya ingin minta penjelasan, berapa banyakkah rumah panjang dan juga sekolah di negeri Sarawak telah dibekalkan dengan solar dan *generator set* dan juga apakah masalahnya yang telah dibekalkan dengan solar, bila ia rosak, mekanik ataupun *spare-partnya* terpaksa dibawa atau dibeli dari Semenanjung ini.

Jadi, apakah tindakan kementerian Dato' berkenaan dengan yang telah rosak, di kawasan saya ada dua buah rumah panjang di mana solarnya telah rosak tetapi belum diperbaiki. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bagi banyak kawasan di negeri Sarawak khasnya bagi masyarakat pedalaman, oleh kerana negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang amat besar dan penduduk-penduduk pedalaman berselerak, bertaburan dan tempat-tempat tinggal mereka juga di kawasan-kawasan pedalaman di mana antaranya tidak ada kemudahan sungai yang boleh kita gunakan untuk diwujudkan sebuah dikatakan mini hidro dan di mana tidak ada mini hidro, kita gunakan kaedah solar. Di mana ada sungai-sungai yang boleh kita membawa minyak dan spares dan sebagainya, kita gunakan dikatakan *generator set*. Jadi, soalan Yang Berhormat mengenai solar-solar yang rosak, ini telah pun dikenal pasti oleh kementerian.

Sebenarnya, penduduk luar bandar apabila dibekalkan dengan kononnya bekalan elektrik yang menggunakan sistem cells solar, ia hanya boleh digunakan untuk lampu dan satu lagi peralatan yang lain sedikit, tidak boleh menggunakan kuasa yang besar. Tetapi di kawasan Sarawak ada banyak masyarakat yang masih menganggapkan sistem solar itu mereka boleh menggunakan bermacam alat termasuk cooker, rice cooker, termasuk televisyen dan sebagainya, maka berlaku *overloading*. *Overloading* bermaknanya kuasanya tidak cukup maka sistem itu *jammed*. Apabila *jammed*, kita memerlukan alat-alat ganti dan sistem membekalkan alat ganti ini juga ada masalah logistik untuk dibawa masuk ke pedalaman. Inilah yang menjadi masalah yang kita cuba mengatasi, tetapi antara yang paling susah hendak diajar ialah supaya mereka mempunyai disiplin agar tidak meng*overload*kan ataupun menggunakan pelbagai alat kemudahan seolah-olah ia sebagai bekalan elektrik biasa. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Menteri. Negara kita sudah 43 tahun merdeka dan saya perhatikan Orang-orang Asli agak diabaikan sedikit oleh kerajaan bilamana majoriti Orang Asli masih lagi hidup secara berpindah randah. Bagaimanakah rancangan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk memastikan dalam

tempoh-tempoh yang terdekat, kehidupan Orang-orang Asli melalui peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak lagi hidup seperti mana keadaan mereka sekarang yang berpindah randah dan dapat mengintegrasikan diri mereka dengan masyarakat lain kerana di Parlimen ini sendiri pun belum ada Orang Asli, di Senat sana pun belum ada Orang Asli. Jadi, mereka jauh ketinggalan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** Ada.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini kurang peka tentang jumlah ahli Senat. Ada wakil Orang Asli yang dulunya namanya Datuk Itam Wali, yang sekarang ini Datuk Long Jidin mewakili Orang Asli, jadi minta Yang Berhormat tolong buat kajian sedikit.

Dari segi pendekatan kementerian, Orang Asli juga menjadi kumpulan sasar kita. Kalau Yang Berhormat pergi ke tempat-tempat ada Orang Asli mendapat rumah PPRT yang paling cantik, saya menggunakan kaedah PPRT yang baru mulai tahun 2001 menggunakan jenis rumah konkrit berasaskan apa yang saya lihat di Negeri Sembilan, rumah Orang Asli adalah rumah konkrit yang cantik dan bahagia masyarakatnya. Jadi, masyarakat Orang Asli merupakan warga contoh yang kita akan gunakan bagi rumah-rumah PPRT di seluruh negara.

Jadi, bermakna Orang Asli bukan diabaikan, malah ada tempat-tempat Orang Asli lebih daripada orang lain. Walau bagaimanapun, pada umumnya kita akui bahawa Orang Asli, oleh kerana budayanya masing-masing ada yang sukar hendak dibawa ke dalam aliran arus perdana, tetapi pada umumnya pemimpin-pemimpin mereka memang mahu Orang Asli diberi pendidikan, diberi segala kemudahan bagi mereka menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan ini komitmen kerajaan, kita tidak mengasingkan mereka malah di mana sahaja mereka yang kita dapati ingin mengikuti arus pembangunan, kita akan beri tumpuan dengan sebanyak mungkin. Terima kasih.

**9. Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam perancangan melaksanakan pembinaan rumah-rumah guru di setiap sekolah serta mewajibkan pembinaan rumah-rumah guru di setiap sekolah baru khasnya yang berada di luar bandar.



**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada pilihan raya di Lunas ada ataupun tidak, kita Kerajaan Barisan Nasional tetap prihatin dan kita akan teruskan segala macam projek dan perancangan yang kita telah lakukan. Di sini ingin saya nyatakan bahawa 4,777 unit telah pun siap dan 5,604 unit lagi dalam pembinaan, ini bermakna kita telah pun dapat sediakan 10,381 unit rumah guru.

Selain dari itu, kerajaan juga telah melaksanakan pembinaan rumah guru melalui projek penswastaan yang melibatkan sebanyak 10,000 unit rumah guru di 110 tapak di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 65 tapak iaitu 5,264 unit terletak di kawasan luar bandar. Melalui projek ini, rumah guru dibina secara kompleks perumahan dan kebanyakannya terletak di kawasan berhampiran dengan sekolah-sekolah yang terlibat. Kerajaan juga sedang melaksanakan projek rumah guru secara reka dan bina (*design and build*), dengan izin, yang melibatkan 19 projek iaitu sebanyak 1,900 unit di seluruh negara.

Selain daripada projek-projek di atas, kerajaan sedang melaksanakan projek pembelian terus yang melibatkan tujuh projek iaitu yang mengandungi 508 unit dan daripada tersebut lima projek di mana yang mengandungi 360 unit di kawasan luar bandar dan dua projek di mana terlibat 148 unit di kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Philip Benedict Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pendidikan merupakan strategi utama untuk membasmi kemiskinan. Apakah pembinaan rumah-rumah guru dan elaun khas ataupun elaun *hardship* di luar bandar terutama sekali yang tidak mempunyai langsung prasarana seperti jalan raya, elektrik, minuman air bersih seperti di Kinabatangan dan Larut, apakah rancangan kerajaan untuk mengkaji semula ataupun menghapuskan terus masalah rumah guru ini di kawasan-kawasan yang langsung tidak mempunyai prasarana sebab di luar bandar ini memang mempunyai masalah yang tidak ada langsung prasarana, klinik-klinik tidak ada, jadi adakah rancangan untuk memberi keutamaan dahulu kepada kawasan-kawasan ataupun kampung-kampung seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tadi seperti mana yang telah saya sebutkan, kita beri pengkhususan kepada luar bandar.

Tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebagai soalan tambahan mengenai dengan segala macam infrastruktur, kita harus lihat segala macam pembangunan dan infrastruktur ini melibat beberapa buah agensi, kita tidak boleh hanya mengatakan bahawa tidak ada kemudahan-kemudahan asas yang lain, ini melibatkan kementerian kita – tidak.

Bagi saya, kita sekarang sedang berusaha sedaya upaya untuk melibatkan semua agensi yang terlibat dalam soal pembangunan untuk mewujudkan segala macam kemudahan. Tetapi sekiranya kemudahan-kemudahan asas ini tidak ada, kita akan cuba sedaya upaya yang mana telah berkali-kali kita sebutkan di sini, kita adakan *genset* macam di Sarawak dan juga dalam masa yang sama, kita adakan juga air minum yang bersih. Saya berharap dalam pembinaan rumah dalam hal ini kita beri pengkhususan kepada luar bandar seperti mana yang telah saya sebutkan tadi dan Sabah dan Sarawak tidak juga ketinggalan dalam pembinaan ini. Terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Ada sedikit dimohon jawapan, soalnya ialah berkait dengan standard rumah guru yang dibina di luar bandar ini untuk memastikan guru yang bertugas jauh di pedalaman khususnya di kawasan kepentingan Orang-orang Asli dan lebih khusus lagi bagi kawasan Parlimen Gua Musang di Kelantan kerana Yang Berhormat Ahli Parlimen Gua Musang tidak ada, saya tolong bangkitkan.

Lebih kurang 20 orang tenaga guru yang bertugas di kawasan pedalaman Gua Musang ini daripada kawasan Parlimen saya yang telah bertukar awal tahun baru lalu, apa yang mereka sungutkan ialah standard rumah yang disediakan itu didapati tidak sesuai untuk mereka membawa anak isteri untuk kekal lama di situ, oleh kerana itu, mereka selalu berulang alik setiap hujung minggu mereka balik kampung, kemudian awal minggu akan hadir bertugas.

Jadi, saya hendak tahu ialah apakah standard yang ada pada hari ini memenuhi kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk guru itu tinggal lebih lama di pedalaman bagi menyumbangkan sedikit sumbangan dalam bidang pendidikan dan keselesaan untuk mereka menguruskan tugas-tugas. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini di Gua Musang?

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya telah pun diberitahu bahawa setiap rumah yang kita bina, yang baru ini, yang hak lama itu soal lain, yang hak baru yang kita bina adalah memenuhi segala piawaian yang begitu sesuai sekali dan ini telah diiktiraf oleh jurubina dan harapan kita ialah macam Yang Berhormat kata, kita akan cuba beri segala macam yang dianggap sesuai bagi seseorang guru itu dan kita tidak pernah menghampakan mana-mana pihak untuk mengadakan rumah-rumah tersebut.

Walau bagaimanapun, seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, kita akan mengambil perhatian sekiranya itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

*[Soalan No. 10 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]*

**11. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian di dalam mengekalkan tahap profesionalisme di kalangan guru dan pensyarah agar mereka tidak melibatkan elemen politik di dalam proses pengajaran di sekolah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengekalkan tahap profesionalisme di kalangan guru dan pensyarah. Antaranya ialah:-

- (i) Memberikan taklimat dari semasa ke semasa dan mengedarkan pekeliling-pekeliling supaya mematuhi Perintah Am sebagai penjawat awam;
- (ii) Pensyarah-pensyarah jemputan yang dijemput memberikan ceramah akan diteliti latar belakang mereka terlebih dahulu; dan
- (iii) Menyediakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi menerangkan dan membincangkan dasar-dasar awam kerajaan.

Kementerian Pendidikan juga telah menggunakan beberapa pendekatan dan kaedah bagi melahirkan guru yang lebih bermotivasi, berprestasi tinggi, dedikasi dan

profesional. Antaranya ialah menyediakan kursus latihan guru yang mantap yang melibatkan aspek kurikulum dan kokurikulum, kursus-kursus jangka pendek dan kursus dalaman. Latihan yang dijalankan menjurus kepada pembinaan guru yang bermotivasi tinggi dan berketrampilan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya hendak bertanya sedikit lanjutan susulan kepada ulasan Yang Berhormat tadi, bahawa kementerian memang sentiasa terus mengekalkan profesionalisme tahap akademik di kalangan pensyarah dan guru-guru kerana ini adalah agenda negara. Saya ingin bertanya bagaimana dengan pandangan kerajaan, yang sebelah sana itu sanggup mengorbankan akhlak anak-anak, korbankan kepentingan ilmiah dan mungkin masa depan anak-anak itu sendiri kerana kepentingan sempit politik, saya minta sedikit pandangan kerajaan dalam perkara ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Memang kita tidak dapat nafikan kebelakangan ini pihak-pihak tertentu khususnya parti-parti pembangkang khususnya PAS terlalu begitu cuba mempolitikkan semua kalangan guru-guru supaya memihak kepada mereka. Tetapi harapan kita ialah supaya benda ini tidak berterusan dan berlanjutan. Saya minta supaya sekolah-sekolah tidak dipolitikkan. Baru-baru ini juga kita terdapat beberapa kes-kes tertentu di mana fahaman politik kepartian dibawa masuk ke dalam sekolah. Oleh itu kita mengambil pandangan yang amat serius dan kita akan kenakan tindakan disiplin kepada guru-guru yang terlibat dalam soal politik partisan di dalam sekolah. Harapan kita ialah sekolah itu dijadikan satu institusi di mana anak-anak muda kita dapat menimba segala macam ilmu dan sebagainya. Malah di samping itu kita juga mahukan peribadi mereka itu diasuh sebagai seorang insan yang kamil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Terengganu.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memang cantik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu sekolah tidak dipolitikkan. Tetapi apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa di negeri Terengganu sekarang ini sekolah-sekolah digunakan sebagai platform untuk UMNO mengadakan program-program malahan guru-guru dipaksa hadir ke dalam program-program di sekolah-

sekolah di negeri Terengganu. Dan sebagai contohnya saya telah menghantar surat kepada Kementerian Pendidikan di negeri Terengganu untuk membuat beberapa sekolah angkat di kawasan Parlimen saya tetapi permohonan saya ditolak sedangkan UMNO dibenarkan untuk mengadakan sekolah-sekolah angkat untuk membantu terutamanya mereka yang memerlukan bantuan. Jadi apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar akan hal ini bahawa permohonan kami terutamanya daripada pembangkang untuk memberikan bantuan yang baik kepada sekolah-sekolah yang ada dalam kawasan Parlimen kami ditolak secara bulat-bulat.

Yang keduanya tentang program-program di sekolah di kawasan Parlimen kami, kami tidak dibenarkan untuk hadir sama sekali mahalan untuk membuat lawatan rasmi pun tidak dibenarkan. Apakah ini suatu yang logik? Siapa sebenarnya yang bermain politik dalam hal pendidikan ini? Terima kasih. [*Tepuk*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya rasa daripada hal itu oleh kerana Yang Berhormat telah bangkit perkara itu sebenarnya pihak kami sama ada UMNO ataupun siapa kita tidak main politik. Kita pergi di situ sebagai wakil pihak kerajaan. Oleh yang demikian, tidak timbullah sama ada kami menggunakan sekolah platform sebagai mengembangkan segala macam fahaman UMNO. Tetapi daripada apa yang telah kami tinjau pada masa yang lalu ialah bahawa apabila dia datang dari kalangan PAS mereka kerap kali menyalahgunakan kedudukan dan keadaan yang sebenarnya. Dan saya berharaplah permohonan itu dan mereka ada hak untuk sama ada menerima jemputan itu ataupun tidak. Itu hak mereka, kita tidak pernah pun keluar apa-apa arahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Dato' Tiong Thai King.....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak dijawab mengenai sekolah angkat. Dan saya mahu penjelasan tentang sekolah angkat. Apakah dibenarkan kami daripada pembangkang untuk mendapatkan sekolah angkat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia sudah jawab yang pertama sekurang-kurangnya.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Sekolah angkat tidak dijawab untuk dijadikan sekolah angkat kepada ahli-ahli Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Telah saya sebutkan tadi itu terpulang kepada sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Jadi saya tidak ada untuk mengatakan sama ada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ada kaitan atau tidak. Kita tidak bangkit dalam soal ini. Terima kasih. Kita boleh bangkit perkara yang lain.

**12. Dato' Tiong Thai King (Lanang)** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kemajuan projek pembinaan Jambatan Batang Rajang di Durin ketinggalan selama sepuluh bulan mengikut jadual yang ditetapkan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya projek ini dapat disiapkan menepati jadual.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama dengan soalan Yang Berhormat bagi Sibu yang telah dijawab pada 30 Oktober tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lanang, pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Durin, Sibu, Sarawak sedang dalam peringkat pembinaan di mana kemajuan fizikal sebenarnya sehingga akhir September ialah 36.6% berbanding 99.5% mengikut jadual iaitu kelewatan kira-kira lapan setengah bulan. Kelewatan ini adalah berpunca dari kegagalan subkontraktor yang melaksana kerja-kerja kritikal pembinaan cerucuk di dalam Sungai Batang Rajang sehingga kontraknya terpaksa ditamatkan. Kontraktor utama iaitu Konsortium Galan telah mengambil alih kerja-kerja tersebut dan telah melantik perunding baru bagi membantu melaksana kerja-kerja kritikal tersebut. Pihak kontraktor juga telah mengubah kaedah pembinaan cerucuk sungai yang bermasalah di samping menambah tenaga kerja bagi mempercepatkan perlaksanaannya.

Di peringkat Kementerian dan JKR Sarawak langkah-langkah pemantauan projek yang lebih kerap telah juga dijalankan. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dalam program turun ke padang telah melawat projek ini pada bulan Julai dan September yang lalu. Suatu lagi program lawatan dicadangkan untuk diadakan sebelum akhir tahun ini. Kementerian berharap dengan pindaan teknikal dan langkah-langkah pemantauan yang lebih kerap akan

dapat membantu mempercepatkan semula jadual pembinaan jambatan ini bagi membolehkan penduduk negeri Sarawak menggunakan jambatan ini mengikut jadual penyiapannya iaitu tahun 2002. Sekian.

*[Soalan No.13 – Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] tidak hadir]*

**14. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pertanian menyatakan tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dalam memperbaiki sistem pengairan dan saliran di negara ini memandangkan kebanyakannya tidak mengalirkan air (stagnant) disebabkan masalah kecerunan yang sekali gus membahayakan kesihatan orang ramai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerja-kerja penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran sentiasa dikendalikan bagi meningkatkan kecekapan dan memastikan sistem tersebut berfungsi dengan tahap yang baik. Pada lazimnya kecerunan sistem saliran adalah mencukupi untuk mengalirkan air keluar ke sesuatu kawasan. Bagaimanapun, di kawasan pertanian yang rata seperti berhampiran dengan pantai kecerunannya adalah rendah dan masalah takungan air berlaku sekiranya aras permukaan tanah lebih rendah daripada paras pasang surut. Namun demikian, masalah ini dapat diatasi dengan penyelenggaraan sistem tali air yang sempurna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selesailah masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan .

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.7, 10, 13 dan 15 hingga 25 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang undang-undang Perbekalan 2001 dan Anggaran Pembangunan 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1 hingga B.13 [Jadual]-**

**Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan 2001]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Anggaran Perbelanjaan yang termasuk di bawah Jabatan Perdana Menteri, minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyambung jawapan.

**11.09 pagi.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyambung penggulungan saya pada hari Khamis yang lepas di mana saya telah nyatakan pada hari Khamis yang lepas seramai 27 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan di peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya cuba menjawab secara ringkas yang boleh segala isu-isu yang dibangkitkan mengikut jabatan-jabatan yang terdapat di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Hari Khamis yang lepas saya telah menyentuh mengenai Biro Tata Negara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Pendang dan juga Yang Berhormat bagi Shah Alam. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam yang telah memberikan gambaran yang betul mengenai Biro Tata Negara dan juga peranan-peranannya. Sebaliknya saya ingin merakamkan rasa kekesalan saya ke atas kenyataan-kenyataan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang. Kalau benda ini tidak betul Yang Berhormat bagi Parit



Buntar pun dia faham Biro Tata Negara . Beliau dulu juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Biro Tata Negara.

Yang Berhormat bagi Pendang nampaknya cuba mengelirukan Dewan dengan mengatakan Biro Tata Negara meniup semangat perkauman. Saya ingin menjelaskan tuduhan berkenaan adalah tidak benar kerana Biro Tata Negara mengadakan kursus-kursus untuk meniupkan semangat patriotisme cintakan negara kepada rakyat Malaysia. Kursus BTN juga diadakan bukan hanya untuk satu-satu kaum sahaja malah ianya juga diadakan untuk semua kaum. Biro Tata Negara telah pun mengadakan beberapa kursus di mana pada tahun 1999 BTN telah melaksanakan sebanyak 841 kursus dan seminar. Untuk tahun 2000 ini telah diprogramkan sebanyak 970 kursus dan seminar kumpulan sasarannya ialah kursus bina negara asas, kursus bina sahsiah pekerja, kursus bina negara mahasiswa dan seminar-seminar.

Begitu juga dakwaan Yang Berhormat bagi Pendang yang mengatakan biro Tata Negara meniup lilin sewaktu penutupan kursus seolah-olah mengamalkan kebudayaan ala Freemason. Ini juga adalah tidak benar kerana upacara seperti itu tidak ada di dalam program kursus-kursus BTN. BTN mengadakan kursus-kursus kuliah subuh dan sembahyang berjemaah dan di akhir kursus program yang diadakan ialah program penilaian terhadap kursus dan juga penyertaan daripada peserta. Sekiranya ada upacara seperti ini saya harap Yang Berhormat bagi Pendang dapat nyatakan di mana dan kalau ianya betul-betul berlaku mungkin ianya adalah usaha di luar pengetahuan pihak BTN.

Tuan Pengerusi, begitu juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh mengenai Jabatan Parlimen. Yang Berhormat bagi Pendang, Tambun, Kepong, Larut, Kuala Kedah, Seputeh, Batang Lupar, Kuala Terengganu, Kota Melaka, Selangau, Bukit Mertajam, Bentong, Batu, Arau dan Sipitang telah pun menyentuh Jabatan Parlimen. Saya ingin menyentuh mengenai pandangan daripada Yang Berhormat bagi Pendang yang membangkitkan seolah-olah kewibawaan dan kebebasan di dalam Parlimen ini dihadkan kerana kita menerima arahan-arahan tertentu. Beliau juga membangkitkan tidak puas hati dengan masa yang telah

disebutkan oleh Tuan Pengerusi mengenai masa-masa tertentu dalam kita membahaskan jabatan-jabatan dalam peringkat jawatankuasa ini.

Saya ingin nyatakan bahawa kita di dalam Parlimen ini kita ada Peraturan Mesyuarat iaitu 16(5) yang mana memberikan maksimum 18 hari, ertinya terpulung kepada pihak Pengerusi untuk menentukan berapa hari untuk diberi peluang kepada kita untuk berbahas. Saya ingin nyatakan bahawa Dewan ini bukanlah tempat untuk kita lepaskan geram seperti pernah berlaku apabila pihak pembangkang bercakap panjang tetapi apabila Dewan ini disambung sehingga larut malam hanya ada tiga empat kerat sahaja daripada pihak pembangkang. Dan juga kita dapati apabila kita menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan tidak semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara ini tunggu di dalam Dewan. Sebaliknya kalau Menteri-menteri tidak hadir mereka mempersoalkan accountability Menteri-menteri.

Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat bagi Tambun yang telah pun memberikan berbagai cadangan bernas yang akan melibatkan keperluan meminda beberapa peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang berkuat kuasa masa ini. Semua cadangan ini termasuklah yang dicadangkan semasa perbahasan di peringkat dasar telah diambil catatan dan akan dikemukakan.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut bangun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Sekejap, hendak bagi habis ayat. ...telah diambil catatan dan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut yang memberikan pandangan yang begitu bernas supaya kewibawaan kita sebagai ahli-ahli Dewan Rakyat ini dihormati bukan sahaja oleh mereka yang hadir di dalam Dewan ini tetapi juga oleh rakyat yang telah memberi mandat kepada kita sebagai ahli Dewan Rakyat.

Dan daripada ucapan Yang Berhormat bagi Tambun, saya lihat selepas ucapan Yang Berhormat bagi Tambun, kita dapati keadaan dan suasana dalam Dewan ini begitu tenang kerana saya percaya masing-masing terpaksa menjaga reputasi supaya kita tidak lagi dianggap sebagai ahli politik sarkas. Dan kita merasa sedih kalau kita sebagai Ahli Dewan Rakyat ini dituduh dan dipanggil sebagai ahli politik sepertimana yang terdapat di dalam satu majalah ini [*Menunjukkan sebuah majalah*] yang mengatakan ahli politik sarkas. Tetapi saya amat berasa gembira pula kerana tidak semua ahli politik ataupun Ahli Dewan Rakyat ini dianggap sebagai ahli politik sarkas. Izinkanlah saya baca sedikit....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak baca sedikit ini sahaja. Saya hendak bacakan kurungan dalam ini. Ha, ... “Marilah kita berterus terang. Politik kita masih mundur kerana dipenuhi oleh ahli-ahli politik sarkas seperti Mahfuz Omar, Ketua Pemuda PAS dan juga Ahli Parlimen Pokok Sena. Nasib baik dia kata Pokok Sena seorang, tidak termasuklah daripada Tumpat, dia tidak sebutlah ahli politik sarkas. Jadi, Pokok Sena dan saya rasa kenyataan ini mungkin benar kerana kita lihat minggu lepas, bila Pokok Sena sudah ada dalam penjara, kita di Dewan ini, saya rasa begitu tenang apabila kita membahaskan kerana tidak ada budaya yang tidak sepatutnya ditunjukkan oleh seorang Ahli Parlimen yang telah tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat tidak termasuk dalam politik sarkas ini. [*Ketawa*] Ha, bukan. Yang Berhormat bukan ahli politik sarkas. Ha, okaylah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Pertama, saya hendak bertanya sedikit. Biasanya dalam sarkas ini, kalau binatang itu bukan seekor, dia ramai, baru panggil sarkas. Tidak akan Mahfuz seorang Parlimen jadi sarkas, mesti ramai. Yang kedua, adakah seperti mana yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Selangor itu, sarkasnya?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ini baca apa yang tercatat dalam majalah. Tetapi kalau Yang Berhormat juga rela dan

bersetuju digelar sebagai ahli politik sarkas, terpulanglah kepada Yang Berhormat. Mengenai di Selangor juga, saya hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat bagi Pendang dalam ucapan beliau tempoh hari yang mengatakan budaya samseng kononnya bermula daripada Selangor dan mungkin berjangkit dalam Parlimen dan beliau mengatakan penggunaan pistol berlaku dalam Dewan Undangan Negeri. Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya ingat boleh sahkan. Beliau juga ADUN Sungai Burung bahawa peristiwa di Selangor bukannya berlaku di dalam Dewan Negeri tetapi di luar Dewan dan perkara ini sepatutnya telah selesai apabila dipanggil oleh Menteri Besar tetapi nampaknya pihak Pembangkang, dia ingin meneruskan tindakan undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Dan saya hendak nyatakan kita sedia maklum kalau perkara ini berlaku di dalam Dewan Undangan Negeri, tentu ianya ada imuniti dan tidak perlu menjadikan isu untuk *direportkan* kepada polis. Ha, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama sekali, tentang sarkas ini saya bersetujulah dengan teman saya dari belakang. [*Merujuk kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang*] Sebenarnya kalau kita tengok di sini, kita berhujah dan dalam hujah ini ada orang yang meninggikan suara, ada orang yang emosi dan sebagainya, tetapi ini biasa dalam mana-mana Dewan dan secara peribadi, saya anggap kita masih berada dalam lingkungan yang ditetapkan dan dalam lingkungan yang diizinkan apabila kita berbahas tentang hal-hal yang sedemikian. Tidak bolehlah hendak mengatakan, kalau misal Yang Berhormat dapat mengawal emosi dengan baik, tidak semua 193 orang dapat mengawal emosi dengan baik.

Nombor dua, tentang kejadian di Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya sebenarnya berada di Dewan Undangan Negeri Selangor dan memperhatikan dengan kepala sendiri, wakil rakyat UMNO melempang wakil rakyat daripada DAP di Dewan Undangan Negeri, walaupun di luar Dewan. Dan yang kedua, wakil rakyat ini, membawa orang dia masuk ke dalam tempat berehat Ahli-ahli Dewan dengan

melangkahkan kaki, pijak sofa itu untuk mendapatkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri daripada DAP untuk melempang dan melempangnya di depan mata saya. *[Disampuk]* Dengan melempang yang kuat sehingga menimbulkan kesan bengkok muka, wakil rakyat daripada DAP itu. Kalau hendak mengatakan ini tidak perlu dilaporkan kepada polis, ini sebenarnya tidak pernah berlaku. *Uncultured, uncivilized*, perkataan benda-benda begini yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri.

Saya hendak sebut, benda ini pun sudah ada sebenarnya yang berlaku dalam Dewan Rakyat. Wakil dari Tampin mencabar untuk bergaduh dan bertumbuk dengan wakil dari Pokok Sena *[Tepuk]* Siapa yang memulakan? Saya hendak sebut, kalau sarkas itu pada saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** ....masih lagi dapat dipertahankan tetapi kalau sudah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** .....menggunakan fizikal begitu, saya rasa ini tidak pernah berlaku dan saya harap benda ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih. *[Disampuk]*

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap dari satu pihak tetapi saya rasa tidak ada orang yang normal dan fikiran waras, tiba-tiba hendak pergi menyepak orang. Kalau orang macam itu, dia memang orang yang tidak waras. Adakah Yang Berhormat ....

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Bagi saya jawab. Orang yang hanya pemikiran yang tidak waras sahaja yang tiba-tiba menyepak.

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** Itu orang UMNO sahajalah. Lempaung begitu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat beri dari pandangan yang lain. Saya juga mendapat laporan. Itu sebab saya berani bercakap di sini. Kalau kita

hendak ungkitkan perkara-perkara yang sebelum itu berlaku, dia ada perkara-perkara sensitif yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang daripada DAP. Sebab-sebab itu ada provokasi. Mana-mana peraturan dalam Dewan ini? Takkan kita tiba-tiba hendak menjerit tidak tentu hala. Itu orang gila namanya. Mesti ada sebab. Mesti ada provokasi. Mesti ada isu-isu tertentu yang menyebabkan orang hilang sabar. Jadi, Yang Berhormat, sebagai contoh, yang Yang Berhormat sendiri membuat kenyataan di dalam Dewan ini yang mengatakan Yang Berhormat bagi Tampin mencabar Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini, Yang Berhormat boleh buktikan dalam *Hansard* dan sebagainya [*Disampuk*] di dalam suasana itu?

**Beberapa Ahli:** Dalam *Hansard*!

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** Ada dalam *Hansard*, kita boleh semak dalam *Hansard*. Apa masalahnya? Sama ada Yang Berhormat telah menyemak dalam *Hansard* ataupun tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya sudah nyatakan tadi bahawa kalau kata suasana pada hari itu tidak diprovok dengan cara yang begitu tidak menunjukkan seorang Ahli Dewan Rakyat, saya fikir tidak akan menjadi perkara cabar-mencabar. Soalnya hari ini, yang saya hendak bangkitkan ini, apa gelagat yang ditunjukkan oleh pihak pembangkang dan hari pertama daripada Angkat Sumpah, sudah ditunjukkan satu suasana yang tidak pernah berlaku di dalam Dewan ini. Bila hendak angkat sumpah, semuanya keluar. Tetapi bila tahu bahawa dalam 60 hari tidak angkat sumpah, tidak akan jadi Ahli Dewan Rakyat, semuanya berderet-deret masuk. Itu yang pertama.

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang kedua, tidak pernah lagi kita lihat apabila Menteri Kewangan sedang membentangkan hujah belanjawan yang dibuat siaran langsung, tiba-tiba berlaku kekecohan, sedangkan peraturan ada menyatakan apabila orang lain bercakap, kita kena duduk dan dengar. Dan di dalam perbahasan kita ini, banyak peraturan mesyuarat tidak dipatuhi sewaktu kita berdebat. Seperti juga Yang Berhormat hari ini. Kalau ikut peraturan 14, apabila saya bercakap, Yang Berhormat kena duduk. Yang Berhormat berdiri juga. Jadi, bila saya kata Yang

Berhormat tidak mengikut peraturan Dewan, Yang Berhormat tidak akan setuju. Mana ada peraturan yang mengatakan saya bercakap, Yang Berhormat boleh berdiri. Saya boleh duduk bila saya bagi Yang Berhormat bercakap.

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** Saya minta laluan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat sendiri tidak sedar. Yang Berhormat melanggar peraturan Dewan. Bila saya kata beri laluan, saya duduk. Saya tengah bercakap, mana boleh orang lain bangun berdiri. Mengikut peraturan mesyuarat, bila saya bercakap, mesti kena duduk. *[Disampuk]* Jadi, inilah Ahli-ahli Yang Berhormat, kadang-kadang pihak pembangkang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila patuhi peraturan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Misalan kuman di seberang laut dia nampak, gajah depan mata dia tidak nampak. Dia kata dia tidak langgar peraturan, tetapi dalam masa yang sama dia tidak sedar, dia juga tidak mengikut peraturan mesyuarat. Jadi, inilah Yang Berhormat, saya percaya kita sebagai wakil rakyat yang diberi amanat oleh rakyat, mempunyai kualiti kita. Kalau kita semua mengikut peraturan-peraturan di dalam Dewan ini yang telah ada, banyak. Macam saya sedang bangkit, 16(5). Sebab apa pembangkang dari Seputeh, Cheras hendak bangkit dan sebagainya, undang-undang sudah kata maksimum 18 hari. Dia tidak kata mesti 18 hari. Kena faham.

Tetapi bila itu tidak difahami oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat, ini yang menjadi kalam-kabut. Bila peraturan mengatakan keputusan Pengerusi adalah muktamad, tetapi tidak diterima oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ini yang menjadikan Dewan kalam-kabut. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersetuju dengan....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jeli bangun.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** ...perkara yang dibangkitkan oleh....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jeli bangun.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** ...Yang Berhormat bagi Tambun, kita sama-sama menjaga kewibawaan Dewan yang mulia ini. Saya bagi..... Okay, Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Setiausaha Parlimen. Seolah-olah apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa apa yang telah ditetapkan oleh Parlimen, tidak boleh berubah sama sekali. Sebagai manusia tidak pernah yang lengkap. Sebab itu kita bangun dalam rangka hendak memperbaiki. Dalam rangka hendak memperbaiki, terutama di alaf yang baru. Umpamanya, 18 hari. Kalau satu hari, dua kementerian hendak bincang, satu orang boleh cakap 10 minit, kita sedia di rumah sampai satu malam, macam mana standard mutu Parlimen kita? Sebab itu saya cadangkan dan semua pembangkang cadangkan, supaya Parlimen ini kita biarkan siaran secara langsung kepada seluruh rakyat. Biar rakyat yang menentukan Ahli Parlimen mana yang hebat dan Ahli Parlimen mana yang mengampu. Jadi, saya cukup tidak setuju. Boleh tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa undang-undang kita tidak ada rigid sebab itu tiap-tiap kali ada pindaan-pindaan. Kalau macam ini beratlah. Yang sudah tetap 60 tahun dahulu, kita kena terima sampai bila-bila.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya faham.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ha, okay. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, terima kasih. Saya bersetuju benar dengan pendapat Yang Berhormat. Saya memang bersetuju. Memang inilah cara kita. Tetapi selagi undang-undang itu belum diubah, maka kita tertakluk kepada undang-undang yang terpakai. Oleh itu, cara kita untuk menyampaikan pandangan kita mengenai apa juga undang-undang yang kita lihat tidak sesuai dipakai dalam negara kita atau di dalam Parlimen ini, kita diberi peluang untuk berhujah. Itu cara kita. Bukan kita pergi *berargue* ataupun pergi berhujah dengan Pengerusi. Oleh itu, saya hendak baca. Itu sebab saya kata Yang Berhormat bagi Tambun telah memberikan pandangan beliau secara bernas bahawa Peraturan 16 ini mungkin dipinda. Sebab itu saya akan memberikan jawapan terutama lagi cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan. Itu cara kita berbahas. Bukannya kita hendak mempertikaikan undang-undang yang sedia ada. Macam orang kata, tidak boleh berhimpun, apa pergi buat perhimpunan juga, salahlah. Sehingga undang-



undang itu ditukar kata boleh berhimpun. Barulah boleh berhimpun. Jadi, bila kita membuat undang-undang, kita kata kita pula yang zalim dan sebagainya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan ini. Saya hendak habiskan bagaimana pandangan daripada Tambun ini diberi dan kita memberikan reaksi yang positif terhadap pandangan-pandangan yang diberi.

Tuan Pengerusi, Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat sememangnya telah diatur tetapi tidak dapat diadakan kerana kesibukan ahli-ahli dan saya dimaklumkan ianya akan diadakan sebaik sahaja tarikh yang sesuai ditetapkan oleh Pengerusi. Jawatankuasa-jawatankuasa lain seperti Jawatankuasa Dewan akan turut dipanggil bermesyuarat apabila telah ditetapkan agendanya dan tarikh yang sesuai. Ertinya, kita akui banyak lagi kelemahan yang ada di dalam peraturan-peraturan mesyuarat ini yang harus kita patuhi dan yang harus kita pindahkan. Jadi, sebab itu, kita ada Jawatankuasa Peraturan Dewan yang mengkaji sama ada peraturan-peraturan mana yang kita patut pinda.

Jadi, kalau kita tidak setuju, kita beri pandangan, bukannya kita menentang, tidak bersetuju dengan peraturan yang sedia ada. Itu yang harus difahami oleh pihak pembangkang.

Mengenai teguran-teguran dan beberapa cadangan supaya kemudahan struktur dan kemudahan lain di bangunan Parlimen, termasuk dalam Dewan ini yang sudah usang, diperbaiki dan dipertimbangkan mutunya. Ingin saya maklumkan bahawa pihak pengurusan Parlimen sentiasa berurusan dengan pihak Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan untuk melaksanakan beberapa program penambahbaikan dan pengubahsuaian yang telah diluluskan peruntukannya oleh pihak Perbendaharaan pada perbelanjaan tahunan. Rancangan ini adalah berterusan dan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat berpandukan peruntukan kewangan yang diluluskan. Kalau Ahli Yang Berhormat sedar, sekarang ini, projek menggantikan lif-lif lama di bangunan Parlimen sedang dilaksanakan dengan anggaran belanja RM600 ribu.

Cadangan Yang Berhormat bagi Sipitang mengenai pemasangan *screening machine method detector* untuk menjamin keselamatan bangunan Parlimen dan Dewan yang mulia ini telah diambil kira dan sedang dalam tindakan pengurusan

Parlimen. Yang Berhormat bagi Arau juga ingin melihat Dewan yang mulia ini dilengkapi dengan electronic board yang memaparkan teks dan grafik, insya -Allah perkara ini, termasuk komputer-komputer laptop akan menjadi nyata apabila perancangan pengkomputeran Jabatan Parlimen masuk fasa seterusnya pada tahun 2001.

Cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi Selangau mengenai bekalan buku harian yang bersaiz sederhana, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengenai bekalan akhbar harian berbagai bahasa di Pusat Sumber Parlimen, telah diambil perhatian untuk tindakan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan mengenai perolehan bahan-bahan rujukan untuk Pusat Sumber Parlimen dan ini akan dikaji semula untuk mempertingkatkan mutu dan kepelbagaiannya. Perihal cadangan Yang Berhormat Kuala Terengganu mengenai perkhidmatan penyelidik untuk semua atau sekumpulan Ahli Yang Berhormat dan sungutan Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai elaun harian kepada Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Kelang, semua ini akan dikaji semula bersama agensi pusat berkenaan.

Yang Berhormat bagi Larut turut menyuarakan mengenai pembantu dan kemudahan-kemudahan 'perks' jawatan Timbalan Speaker yang sepatutnya diperbaiki. Sukacita dinyatakan bahawa satu memorandum telah dikemukakan kepada pihak berkuasa mengenainya dan Jabatan Parlimen sedang menanti keputusannya.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Yang Berhormat bagi Tambun yang menyentuh kebajikan dan kerjaya dan mutu perkhidmatan pegawai dan kakitangan Jabatan Parlimen, saya memaklumkan, ianya sentiasa dalam pertimbangan pihak pengurusan Jabatan Parlimen melalui program-program kualiti dan latihan yang dijalankan juga secara dalaman. Seramai 11 orang kakitangan sokongan Jabatan Parlimen telah berjaya dinaikkan pangkat dan antaranya empat orang telah bertukar ke agensi lain pada tahun 2000 ini. Ini mencerminkan kualiti kakitangan yang bertugas di Parlimen.

Namun demikian kenyataan dan dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang mengatakan kakitangan Parlimen seolah-olah

dilarang bergaul, bermesra dengan Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang, itu adalah satu kenyataan yang tidak benar kerana adalah menjadi hak setiap orang bukan sahaja pekerja Parlimen tetapi sesiapa saja boleh berkawan dan bergaul dengan sesiapa yang mereka suka. Jadi adalah tidak benar kalau kita melarang kakitangan Parlimen daripada bergaul ataupun bermesra dengan Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang kerana tugas kakitangan Parlimen, mereka kena memberikan perkhidmatan bukan sahaja kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional tetapi termasuklah juga kepada Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Keluhan Yang Berhormat bagi Batang Lumar mengenai tebalnya bahan rujukan Belanjawan 2001 nampaknya turut dirasakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, saya harap perkara ini kita akan ambil perhatian di masa-masa yang akan datang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengurusan Parlimen turut merasa bimbang melihatkan timbunan bahan-bahan rujukan di atas meja yang kian rapuh itu. Kerjasama Yang Berhormat adalah diminta agar membawa pulang semua bahan-bahan itu atau meminta Setiausaha-setiausaha Yang Berhormat mengambilnya. Pengurusan Parlimen akan melupuskan bahan-bahan yang ditinggalkan selepas satu minggu ditangguhkan persidangan. Banyak yang belum bawa balik buku-buku, masih berada lagi di dalam Dewan, jadi sebab itu kita nampak Dewan ini jadi semak dan kelam kabut.

Mengenai saranan beberapa Ahli Yang Berhormat agar dipercanggihkan *Hansard* dan laporan-laporan yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat seperti dalam bentuk CD Rom, bantuan pihak MAMPU akan ditinjau untuk menyelaraskan tindakan ke arahnya.

Yang Berhormat bagi Bentong menyatakan kekhuatiran Bangunan Menara Parlimen menjadi *white elephant*. Harap Ahli Yang Berhormat bersabar dan tidak khuatir. Perancangan untuk menaikkan taraf kemudahan di Parlimen itu sedang diteliti bersama Jabatan Kerja Raya untuk menentukan projek *up grading* itu berpatutan kerana kos keseluruhannya amat tinggi.

Jadi itulah Tuan Pengerusi yang disentuh mengenai Parlimen tetapi saya lihat nama-nama yang saya sebut, dua Ahli Parlimen yang hebat bangun, satu daripada Jeli, satu daripada Parit Buntar, tidak berucap pun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Bila kita bentangkan dalam peringkat Jawatankuasa, sebab apa? Jeli sibuk dengan berniaga dia, Parit Buntar, Ahli Parlimen pun hendak, ADUN pun hendak. Jadi tugas kepada Parlimen pun tidak boleh laksana, macam mana hendak bagi tugas kepada rakyat? Jadi oleh kerana Yang Berhormat dua-dua tidak berucap dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri, saya tidak beri jalan, buang masa saya. Saya bukannya hendak berdebat, kalau hendak berucap, akan saya jawab. Ini jadi berdebat, saya hendak menjawab, bukan saya hendak berdebat. Sebab itu lain kali tumpukan tugas kedua-dua Ahli Yang Berhormat kepada Parlimen, jangan erti bertanya dan timbulkan isu-isu baru, apabila kementerian menjawab. Kalau Yang Berhormat berucap, boleh cakap semua dahulu, saya sudah jawab sudah. Tengok Ahli Yang Berhormat yang berucap, seorang pun tidak bangun kerana mereka faham, mereka mengikut persidangan ini daripada mula. Yang Berhormat tiba-tiba masuk campur, tidak tahu hujung pangkal tiba-tiba bangun hendak penjelasan hendak berbahas [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Jadi saya bagi, ini bagus, Tambun okay sebab dia selalu memberi cadangan yang bernas. Jadi inilah pembangkang, bercakap sahaja tetapi dia tidak tahu apa yang dia cakap.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, cukuplah. Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat saya ucapkan berbanyak terima kasihlah. Tadi Yang Berhormat banyak menyentuh soal *hardware* kita, *upgrading* kemudahan dan sebagainya dan Yang Berhormat sentuh sedikit mengenai *software*, saya hendak menyentuh sedikit tentang software, tentang kakitangan Parlimen.

Saya menyentuh soal globalisasi dalam ucapan saya. Kita perlu *upgrade* dari segi kakitangan Parlimen. Yang Berhormat menyatakan tadi Parlimen ada mengadakan Program Kualiti dan Latihan dan selepas *upgrade* kakitangan dipindahkan ke jabatan lain. Apa maksud Yang Berhormat, tidakkah setelah *upgrade*, dia duduk di sini, bukan pergi ke jabatan lain.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari segi program-program latihan tidakkah kita ada satu *benchmark*. Kita buat *comparative studies* dengan Parlimen lain, bagaimanakah tahap kecekapan kakitangan Parlimen kita dalam konteks globalisasi tadi di mana saya nyatakan kita perlu untuk memasuki alam antarabangsa dan mesti memainkan peranan aktif dalam badan-badan antarabangsa bagi menyuarakan kehendak-kehendak kita. Jadi soalnya latihan yang lebih khusus kepada kakitangan Parlimen untuk *upgrade* diri mereka, dilihat juga dari segi *career path*, masa depan kakitangan Parlimen kerana dalam pemerhatian saya, kakitangan ini duduk sini kemudian tidak ada masa depan, apakah yang dilakukan oleh kerajaan dalam soal ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah nyatakan tadi memang ramai pandangan Ahli Yang Berhormat menyentuh pandangan yang sama Yang Berhormat nyatakan dan pihak Jabatan Parlimen akan bekerjasama dengan pihak MAMPU untuk kita meninjau dan menyelaraskan tindakan ke arahnya. Memang itulah hasrat kita kerana saya bersetuju ramai Ahli-ahli Parlimen menyatakan sepatutnya Parlimen inilah tempat kita bermula IT ini dan saya percaya dengan peruntukan yang ada dalam RMK-8 ini kita akan menuju ke arah tersebut.

Saya sudah nyatakan tadi bahawa kenaikan pangkat ini juga kita ada yang tukar kepada agensi lain kerana peluang-peluang kenaikan pangkat itu memang patut diberikan kepada mereka. Jadi kalau oleh kerana jika ada pegawai yang mempunyai kualiti yang baik dan beliau mempunyai peluang naik pangkat adalah tidak adil kalau kita menahan beliau daripada mendapatkan kerjaya yang lebih baik untuk masa hadapan. Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan Yang Berhormat

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak apalah, Yang Berhormat cakap, saya bagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tun Speaker. Mengenai kakitangan Parlimen yang dibangkitkan oleh Tambun tadi, saya masih menunggu jawapan daripada Setiausaha Parlimen mengenai pembantu Ahli Parlimen ataupun setiausaha para Ahli Parlimen yang telah dibangkitkan dalam sidang Belanjawan yang lepas dan juga dalam ucapan saya juga di mana kita lihat di negara-negara lain, Ahli-ahli Parlimen di negara itu mereka yang membantu mereka, penyelidik mereka, Setiausaha Politik mereka semuanya dibayar oleh pihak Parlimen. Ini adalah salah satu cara bagi kerajaan bagi meningkatkan taraf perkhidmatan di kawasan Parlimen kita masing-masing. Jadi saya masih menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dari segi IT dan laman web yang mana juga dibangkitkan oleh dalam ucapan kami ini, di mana saya telah mencadangkan bahawa sebenarnya apa yang kami perlu bukanlah seorang *technician* untuk menjadi *web master* tetapi seorang penyelidik yang mana boleh membantu para Ahli Parlimen dan juga mereka yang masuk laman web Parlimen itu untuk menjawab sesetengah soalan dan juga dalam sidang yang lepas di mana *Hansard* Parlimen kita dimasukkan dalam laman web Parlimen tetapi kali ini *Hansard* tidak lagi dimasukkan dalam laman web Parlimen. Jadi saya ingin tahu, apakah sebab keadaan ini berlaku. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat, dahulu memang ada *Hansard* dalam web-web Parlimen. Saya pun tidak sedar benda ini tidak ada. Saya ingat benda ini sentiasa ada dan insya-Allah kita akan buat kajian balik, kita akan semak kembali mengapa perkara ini sudah tidak ada di dalam laman web Parlimen. Mengenai apa Yang Berhormat bangkit tadi, sebenarnya saya sudah baca, saya boleh bacakan balik sekali lagi jawapan saya. Perihal cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengenai perkhidmatan penyelidik untuk semua atau se kumpulan Ahli Yang Berhormat dan sungutan, kita hormat sungutan Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai elaun harian kepada Ahli Yang Berhormat dari Lembah Klang, semua ini akan dikaji semula bersama agensi pusat berkenaan. Jadi kita akan kaji kerana kita kena kemukakan permohonan ini kepada agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Tabung Haji. Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan isu pembelian kapal terbang oleh Tabung Haji. Beliau mencadangkan agar Tabung Haji tetap dengan *core business* dan pelaburan yang sedia ada dan kurang bersetuju dengan cadangan untuk membeli saham MAS. Saya hendak nyatakan bahawa Tabung Haji sebenarnya masih belum memberi kata putus mengenai perkara ini memandangkan kajian lanjut masih belum dibuat. Itu hanya satu pandangan kerana pada pandangan kita ini juga merupakan satu pelaburan yang baik untuk jangka masa panjang. Walau bagaimanapun saya hendak menyatakan dahulu bahawa Jawatankuasa Pelaburan, kita ada juga Penasihat Pelaburan dan juga Jawatankuasa Hukum Syarak kita akan mengkaji secara dalamnya sama ada untung ataupun tidak kerana sudah tentu setiap pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji kita akan memberikan kepentingan kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji.

Yang Berhormat bagi Larut juga ingin mencadangkan membeli bangunan..., supaya Tabung Haji membeli bangunan sendiri.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal MAS?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, terima kasih jawapan. Saya ingat kalau pihak Tabung Haji belum ada keputusan muktamad mengenai apa-apa *venture*, dalam apa-apa urusan Tabung Haji, saya ingat maklumat itu janganlah dibuat kepada pengetahuan umum.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat tetapi kadang-kadang ada juga baiknya kalau kita buat orang kata, *test market*. Sebagai mana ini, Tabung Haji kita tengok dalam kerajaan sendiri, ada yang setuju, atau tidak. Dalam pembangkang juga kita lihat Yang Berhormat bagi Marang, saya baca surat khabar dia bersetuju supaya share MAS itu dibeli oleh Tabung Haji tetapi Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, dia kata tidak bersetuju. Dalam kerajaan pun sama, Tambun tidak bersetuju tetapi Larut bersetuju. Jadi ini saya ingat elok juga kita bahas dan input-input ini kita akan ambil kira. Walau bagaimanapun kita akan tetap memberikan pandangan dan juga perhatian ke atas semua pandangan-pandangan yang diberi dan ini juga merupakan satu punca kajian yang akan membantu pihak

Jawatankuasa Pelaburan Tabung Haji untuk membuat keputusan sama ada ingin membeli saham MAS ataupun tidak.

Yang Berhormat bagi Larut mencadangkan supaya Tabung Haji membeli bangunan sendiri seperti hotel di Arab Saudi untuk kemudahan jemaah haji di Malaysia. Saya ingin menyatakan Tabung Haji tidak ada cadangan untuk membeli bangunan sendiri di Arab Saudi seperti hotel kerana Tabung Haji telah pun ada sebuah bangunan di Jeddah yang menempatkan pejabat-pejabat operasi di musim haji.

Begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah membangkitkan penggunaan wang Tabung Haji di dalam pembinaan ERL daripada KL Central ke Putrajaya....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan, bila Yang Berhormat mengatakan bahawa Tabung Haji tidak bercadang untuk memiliki hotel ataupun bangunan-bangunan lain. Adakah pihak Tabung Haji menghadapi masalah untuk mendapatkan tapak di Tanah Suci sama ada di Mekah ataupun Madinah. Saya minta penjelasan sedikit. Kalau ada masalah, apa tindakan dan langkah-langkah yang boleh kita ambil untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah nyatakan tadi buat masa ini kita belum ada cadangan walaupun mungkin ada juga pandangan-pandangan yang mengatakan kita patut ada hotel dan sebagainya tetapi yang saya hendak nyatakan buat masa ini kita belum ada cadangan kerana saat ini kita ada menyewa bangunan-bangunan tertentu dan kita sedia maklum untuk mendapat tanah di kawasan Tanah Suci Mekah ini bukan satu perkara yang mudah. Jadi sebab itu kita akan menumpukan kepada bangunan kita yang telah pun sedia ada di Mekah buat masa ini.

Mengenai pengangkutan ERL, penglibatan Tabung Haji adalah melalui TH Inter Technology Sdn Bhd, syarikat ini memiliki 60% ekuiti dalam projek dalam ERL bersamaan dengan RM300 juta. Ia adalah penglibatan tidak langsung, ia merupakan



satu peluang bagi anak syarikat Tabung Haji untuk melibatkan diri dalam projek berteknologi tinggi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Padang Terap juga telah menyentuh mengenai JAKIM yang mencadangkan supaya kurikulum yang ada di Maahad Tahfiz disusun semula dengan mengintegrasikan mata pelajaran Agama, Sains, Matematik dan sebagainya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...ERL.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Hendak tanyakah? Tidak apalah saya bagi peluang bercakap.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi seperti mana kita sedia maklum sememangnya Tabung Haji melalui Tabung Haji Technology pada asalnya hanya mendapat 40% ekuiti dalam pembinaan ERL daripada KL Central ke KLIA Kuala Lumpur. Cuma yang kita hendak bangkitkan di sini ialah modal awal, dari segi konsesi, benarlah Tabung Haji Technology memiliki 60% dan YTL memiliki 40% tetapi apakah kerajaan memantau ataupun Tabung Haji memantau bahawa bukan hanya *concession* yang kita hendak 60% Tabung Haji, 40% YTL tetapi pembinaan itu sendiri pun juga dikawal 60% oleh Tabung Haji, 40% YTL.

Apa yang kita perhatikan 100% pembinaan melalui YTL. Hanya *concession* sahaja Tabung Haji memiliki 60%, sedangkan, dengan izin, the bulk of the profit is from the construction, tanyalah mana-mana kontraktor. Shah Alam boleh jelaskan ini. The bulk of the profit is from the construction, not from the concession holder. Jadi minta Yang Berhormat jelaskan yang ini, pasal ini saya cukup mahir tentang yang ini. A sampai Z saya tahu hal ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, terima kasihlah Yang Berhormat. Saya sudah nyatakan tadi ianya merupakan satu peluang anak-anak syarikat Tabung Haji untuk melibatkan diri di dalam projek yang berteknologi tinggi. Ini kadang-kadang kita, Yang Berhormat seorang ahli perniagaan tetapi sudah memang stail pembangkanglah, macam dahulu juga bila kita mula-mula hendak membuat Proton Saga, membuat kereta sendiri, pembangkang tidak setuju. Tetapi hari ini pembangkanglah yang mula-mula membeli Proton Saga. Jadi ini mengenai perniagaan, mungkin perniagaan hari ini kita hendak bincang, kita tidak nampak.

Mungkin akan nampak untung, masalah untung ini kadang-kadang bukan boleh nampak daripada wang ringgit. Untung daripada kemahiran kita, daripada teknologinya juga mesti diambil kira.

Dahulu orang kata kereta Proton Saga ini kereta Jepun, kita ini ambil import sahaja. Tetapi kita buat satu persatu. Sekarang ini kita lihat bahawa ianya seolah-olah menjadi satu kenyataan, ianya akan menjadi kereta nasional. Jadi mengenai perniagaan lebih mahir. Tetapi kalau Yang Berhormat melihatkan wang ringgit itu saya tidak tahulah. Tetapi kalau melihat daripada ilmu-ilmu yang lain sampingan yang kita dapat di dalam satu-satu, terutamanya bidang perniagaan yang baru, saya fikir kita tidak harus melihat daripada keuntungan wang ringgit sahaja. Tetapi sampingan-sampingan yang lain harus juga kita ambil kira.

Yang Berhormat bagi Padang Terap dan Yang Berhormat bagi Pulau serta Yang Berhormat bagi Sipitang menyentuh mengenai JAKIM. Saya sudah nyatakan tadi mengenai JAKIM iaitu Darul Quran. Dimaklumkan bahawa kursus diploma dan persijilan yang dijalankan di Ma'ahad Tahfiz telah memasukkan pelajaran bahasa Inggeris dan Sains Pengkomputeran di dalam kurikulumnya. Bagaimanapun, bagi menyediakan pelajar-pelajar yang lebih mendalam dalam bidang agama dan Al Quran di samping ilmu-ilmu kepakaran yang lain, seramai 7 orang pelajar pengajian persijilan Tahfiz Al Quran selama 18 bulan dan 25 orang lagi akan mengikuti pengajian yang sama pada awal tahun Januari 2001. Peningkatan kepada .....

**Tuan Taib Azamudden bin Mohd Taib:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak habiskan ini dahulu. Penekanan kepada perimbangan kepentingan ilmu agama, akademik dan ilmu-ilmu yang lain dilaksanakan untuk melahirkan kalangan profesional yang mendalami bidang Al-Quran dan Islam di samping bidang-bidang profesional yang dituntut oleh agama Islam. Ya, silakan.

**Tuan Taib Azamudden bin Mohd Taib:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan Darul Quran, Darul Quran sama usianya dengan Institut Teknologi Mara yang sekarang telah pun menjadi UiTM iaitu 36 tahun. Darul Quran dimulai di Masjid Negara tetapi sampai

sekarang arah Darul Quran masih di peringkat diploma sedangkan ITM yang seusia dengannya sampai ke peringkat universiti. Apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk mempertingkatkan Darul Quran ini ke suatu taraf yang sesuai. Sebab kita sedia maklum bahawa Darul Quran adalah satu-satunya institusi Tahfiz Al Quran di negara ini yang di bawah pengendalian pihak kerajaan sepenuhnya. Begitu juga fasa dua Darul Quran ini baru bermula, budget yang diberikan dalam 2001 yang kalau tidak salah ingatan saya sebanyak RM19 juta lebih sedangkan prasarana Institut Teknologi Mara atau UiTM ini jauh, kalau hendak dibandingkan dengan kemampuan yang ada di Darul Quran.

Begitu juga dari segi taraf pensyarah di Darul Quran berbanding dengan ITM atau sekarang ini UiTM boleh dikatakan memang jauh, saya tidak hendak kata seperti langit dengan bumi, tetapi itulah kedudukan kerana Darul Quran taraf Pengetua hanyalah baru di peringkat Gred 2 atau S2 sedangkan Pengetua UiTM memanglah lebih jauh daripada itu. Yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kita tidak mempunyai satu perancangan yang secepat mungkin supaya satu-satunya institusi Tahfiz Al Quran di bawah pengendalian kerajaan 100% ini dapat dipertingkatkan sesuai dengan tuntutan masa dan zaman. Terima kasih

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, sebab itu kita sekarang ini dalam ke arah untuk mempertingkatkan Darul Quran ini. Kita lihat kita telah memperuntukkan RM12 juta. Walaupun telah lama ditubuhkan tetapi kita telah pun menaikkan taraf sedikit demi sedikit dan saya dimaklumkan bahawa walaupun daripada Darul Quran ini mempunyai diploma tetapi sekarang rundingan sedang dibuat dan saya dimaklumkan mungkin telah dipersetujui bahawa pemegang-pemegang diploma daripada Darul Quran ini mereka boleh terus masuk tahun dua mengambil ijazah di UIA dan juga di Kolej Universiti Islam yang baru kita tubuhkan.

Jadi, dengan adanya peningkatan ini mereka yang ada diploma daripada Darul Quran ini ianya akan boleh melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat ijazah. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, kita juga

meminta kerjasama kepada semua pihak, terutama nya pihak -pihak pembangkang, kerana kita dapati banyak tahfiz Al Quran ini yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu, boleh jadi oleh kumpulan-kumpulan tertentu dan kita dapati Ma'ahad Tahfiz ini dia memang memperkenalkan kurikulum menghafaz Al-Quran sahaja. Dia tidak ada aliran akademik, kita dapati SPM pun tidak ada, PMR pun tidak ada. Jadi daripada kecil terus masuk sekolah tahfiz ini dan umur 15 tahun dan 16 tahun dia sudah menjadi seorang hafiz tetapi amat sayang, kerana dia memang hafiz tetapi dia tidak mempunyai akademik.

Jadi, jikalau dia tidak mempunyai akademik kita sedia maklum hari ini di negara kita dalam dunia hari ini kalau dia setakat hafiz sahaja mungkin sukar untuk mendapatkan kerja-kerja yang baik. Sebab itu kita menuju kepada arah yang lebih membela nasib rakyat kita supaya kita mahu walaupun dia hafiz tetapi dia boleh menjadi seorang profesional satu hari nanti supaya ia akan menjadi insan yang seimbang mempunyai ilmu di dunia dan juga di akhirat. Tetapi kalau ada pihak-pihak yang tertentu meneruskan tahfiz-tahfiz yang meminggirkan aliran akademik ini, sudah tentu matlamat kita ini sukar untuk kita capai.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang Berhormat, boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi Tentang Darul Quran tadi, saya ingin mengemukakan satu dua soalan. Pertama sekali ialah kenapa setiap tahun pengambilannya begitu sedikit sekali, dalam lingkungan di bawah 100 orang sedangkan kalau kita tengok sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi di tahfiz-tahfiz swasta ada beberapa tempat sampai 300, 400 orang mereka pada satu-satu masa. Jadi, kalau misalnya 100 orang dan di bawah 100 orang saya fikir agaknya matlamat kita untuk menjadikan imam-imam utama di masjid-masjid utama sebagai imam-imam hafiz kemungkinan tidak dapat tercapai.

Nombor dua, tentang kualiti orang-orang yang keluar dari Ma'ahad Tahfiz ini. Sudahkah mereka ini betul-betul diperiksa, disemak lagi hafalan-hafalan mereka setelah mereka meninggalkan Darul Quran sebab ada teman-teman yang memberitahu bahawa kadang-kadang oleh kerana mereka pergi ke lapangan akademik selepas Ma'ahad Tahfiz pergi ke Universiti Malaya dan sebagainya biasanya mereka dikatakan hilang hafalannya itu. Inilah perkara yang sangat penting

saya rasa. Tentang yang institut swasta, hafal Quran swasta saya berpendapat kalau boleh kita galakkan bukan 10, bukan 20 bahkan di merata-ratanya sama ada mereka hendak ambil ikut akademik atau tidak akademik.

Kita pun ada sebenarnya, saya pun terlibat dalam mengendalikan program seperti ini. Kalau misalnya mereka dicampur adukkan dengan mata pelajaran-mata pelajaran akademik maka biasanya terkesampinglah penghafazan itu dan soal mereka sama ada hendak mengambil atau tidak. Kebanyakannya di samping mereka menghafaz Al-Quran, mereka juga diberikan kesempatan sama ada dengan tuisyen macam yang saya kendalikan itu dengan tuisyen UPSR mereka duduk, PMR mereka duduk dan insya-Allah SPM pun mereka duduk dan tidak ada masalah. Sebab yang pentingnya kalau kepalanya sudah menghafaz Al-Quran hendak dapat 3A, 5A UPSR itu terlalu mudah bagi mereka. Itu pengalaman yang ada.

Jadi, kalau misalnya Yang Berhormat hendak bimbang sangat tentang bercendawannya lahirnya pusat-pusat menghafaz Al-Quran ini, bagi sayalah di negara kita ini, kita sangat memerlukan manusia-manusia yang seperti ini sama ada mereka menghafaz Al-Quran 100% atau dengan akademik ataupun menghafaz Al Quran dengan akademik. Jadi, saya rasa orang ini sebenarnya bukan hendak mengharapkan berada di dalam labour market tetapi orang ini ada sumbangan. Sumbangan dalam Al-Quran ini itulah satu sumbangan abadi saya fikir untuk mereka dan untuk umat sejagat. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih banyak isu yang Yang Berhormat bangkitkan tetapi saya hendak bincang yang akhir itu. Kita memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat, tetapi kalau dia seorang hafiz tetapi dia juga mempunyai pencapaian yang cemerlang di dalam bidang akademik, sudah tentu dia lebih baik daripada kawan-kawan dia yang hanya semata-mata tahu menghafaz sahaja, itu matlamat kita.

Mengenai pandangan Yang Berhormat yang bangkitkan mengapa kita mengambil sedikit daripada Darul Quran. Untuk masuk ke Darul Quran ini selain daripada dia seorang hafiz, dia juga mesti ada SPM. Jadi kemungkinan, saya minta notis kalau Yang Berhormat hendak lebih dalam, kemungkinan syarat-syarat untuk memasuki Darul Quran ini mungkin tidak dapat dipenuhi oleh calon-calonnya.

Kerana Yang Berhormat sedia maklum saya nyatakan tadi, ada sekolah-sekolah dia hanya mengajar hafaz Al-Quran sahaja tetapi dia kesampingkan dengan pelajaran akademik. Walaupun dia hafiz tetapi dia tidak ada kelulusan akademik, tetapi untuk memasuki Darul Quran itu dia mesti ada dua-dua. Ini saya rasa sebab itu mungkin calon-calon yang kurang layak ini mungkin sukar kita dapat.

Yang kedua, kalau banyak calon yang sesuai pun, saya sendiri sudah pergi ke Darul Quran memang tempatnya memang amat terhad. Sebab itu kita memperuntukkan lagi RM12 juta supaya bangunan tersebut kita pertingkatkan. Jadi untuk maklumat yang lebih-lebih itu Yang Berhormat hendak tahu saya kena ambil notis daripada pihak Darul Quran untuk memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Sekali lagi. Biasaya setiap tahun berapa yang memohon untuk kita dapat tahu sebenarnya sama ada Yang Berhormat kata tadi kurang orang yang ada SPM yang menjadikan syarat untuk mengikuti Darul Quran itu menyebabkan bilangan yang diambil itu kecil.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya sudah ke arah itu, sebab itu saya kata kena beri notis dengan saya. Insya-Allah saya akan dapatkan maklumat daripada Darul Quran untuk mendapatkan secara detail dan saya akan beri jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pulai, Yang Berhormat bagi Sipitang, kedua-duanya menyentuh mengenai JAKIM dan juga kegunaan masjid. Sukalah kita nyatakan setakat in beberapa masjid telah mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, JAKIM akan mengambil perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Hendak beri habis, fasal masjid ya?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang tadi hendak sambung sebelum masuk pasal Tahfiz Al-Quran tadi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Darul Quran?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pasal tadi Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Tadi Yang Berhormat minta supaya jangan bertanya

kerana dia hendak bercakap dalam peringkat Jawatankuasa. Tetapi kerana kita Barisan Nasional kita beri muka jugalah.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Janganlah bangun, jangan emosi sangat, saya sebut.....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak, bukan emosi

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tadi Yang Berhormat ada sebut tidak ada kualiti. Sebenarnya kita memang hendak mencari yang semuanya berkualiti, yang rosak ini saya rasa Yang Berhormat, mungkin kerana pengaruh-pengaruh politik terutamanya daripada PAS. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan pengambilan di masa-masa yang akan datang, supaya ianya lebih teratur, kita tidak mahu campur adukkan dengan politik. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk menubuhkan sekolah-sekolah agama sama ada tahfiz, kita ada undang-undang, di Selangor kita ada enakmen sekolah-sekolah agama yang mana sesiapa yang tidak mengikut peraturan tersebut dia boleh disabitkan kesalahan dan dia akan dikenakan hukuman kalau saya tidak silap RM10,000.

Tuan Pengerusi, saya ingin diizinkan, ini parti pembangkang, bila perkara ini di mana saya pernah memberi satu ucapan di kawasan saya. Besoknya keluar di dalam Internet dia tuduh Yang Berhormat Noh anti Islam, Yang Berhormat Noh meminta supaya anak-anak Melayu masuk tadika Kristian. Ini dalam Internet yang ada pada saya. Jadi menunjukkan bahawa apa juga yang kita hendak cakap mengenai kebenaran, maka PAS kalau melihat kena batang hidungnya dia akan masukkan ke dalam Internet menghentam kita, kata kita anti Islam. Apa yang saya cakap itu betul, bahawa kalau hendak tubuhkan tahfiz ini, dia ada enakmen dia.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak mahu dipolitikkan, saya minta kerjasama daripada semua pihak terutamanya pengendali-pengendali persendirian, di samping hendakkan sekolah tahfiz mestilah memenuhi enakmen-enakmen yang telah ada dan kalau boleh kita minta supaya pelajar akademik ini jangan di kesampingkan. Jadi, Tuan Pengerusi,.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah saya hendak sebut sikit satu perkara berkenaan dengan mesyuarat kita. Yang Berhormat, minta lepas daripada saya berucap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya kita akan masuk bulan puasa pada 27 November, ini. Oleh yang demikian, kita tidak mahulah hendak melanjutkan masa mesyuarat dalam bulan puasa. Oleh yang demikian, saya telah mencadangkan dan cadangan saya ini telah mendapat penerimaan daripada sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada malam ini sehingga pada malam Khamis, empat hari kita akan bersidang sehingga 8.30 malam. Itulah saya hendak bagi notis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sedikit masa lagi kita akan kemukakan usul untuk dipersetujui. Ya, sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bila sudah ada notis keluar tu, kita harap pihak pembangkang janganlah lari balik, sebab tugas tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama. Tidak payahlah tinggal 2-3 orang.

Jadi, Tuan Pengerusi, masjid pada umumnya merupakan pusat ibadat dan sosial masyarakat Islam. Pada masa sekarang kegiatan sosial di masjid lebih tertumpu kepada kegiatan-kegiatan fardu ain dan saranan supaya masjid dijadikan pusat kebudayaan adalah tidak bertentangan dengan Islam selama mana menjaga adab-adab yang ditentukan oleh Islam. Mungkin kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan boleh dibuat untuk maksud tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Untuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, sukalah dimaklumkan bahawa perkara ini akan diberikan perhatian oleh kerajaan. Mengenai pusat-pusat latihan digunakan untuk melatih guru-guru agama, dimaklumkan bahawa dua pusat latihan iaitu Pusat Latihan Dakwah Keningau dan juga Pusat Latihan Dakwah Sikuti misalnya telah mengeluarkan kader-kader dakwah seramai lebih kurang 300 orang setahun. Kebanyakan mereka adalah menjadi guru kelas Kafa, imam-imam, bilal dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada BPR. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah .....



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Sipitang berdiri.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita memang tahu bahawa tanggungjawab agama adalah kuasa negeri-negeri, tetapi apa yang perlu saya lihat ialah agama Islam ialah agama rasmi negara. Apakah kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri tidak menilai perkara ini bahawa mesti ada satu *syllabus* yang *standard* di seluruh negara yang disampaikan kepada negeri kerana kita tidak tahu yang diajarkan di sekolah di Terengganu dan di Kelantan apakah ini bersetuju dengan kehendak negara kita sebagai keseluruhan negara Islam. Begitu juga dengan guru-guru tadi, kita tidak tahu apakah kualiti guru yang mengajar di sekolah agama ini.

Kalau boleh kita mintalah guru-guru ini ada satu kelulusan khas ataupun kualiti. Di Sabah misalnya, saya sebutkan dalam ucapan saya dalam *Hansard* juga. Satu sekolah agama sebanyak 280 orang pelajar, cuma ada dua guru agama. Tentu sekali tidak mencukupi dan kita ingin menambah guru ini tetapi tidak ada punca, tidak ada guru-guru yang sesuai yang hendak dilantik dan juga mungkin peruntukan terhad. Apakah kita perlu menyelesaikan masalah ini ataupun kita membiarkan sahaja mengikut tuju hala masing-masing. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, kita semua sedia maklum bahawa masalah pengurusan agama ini adalah tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri namun demikian, kita sebagai Kerajaan Pusat hanya boleh memberikan cadangan-cadangan yang tertentu seperti kata untuk meninggikan syiar Islam. Kita hanya boleh memberikan guru KAFA dengan guru Tahmir. Tetapi kalau hendak buat sekolah agama, ini bukanlah di bawah bidang kuasa JAKIM. Walau bagaimanapun, melalui Kementerian Pendidikan, ia ada peruntukan tertentu. Itu pun hanya untuk sekolah agama rakyat, bukannya sekolah agama di bawah kerajaan-kerajaan tertentu. Kalau sekolah agama itu dibuat oleh pihak kerajaan negeri, maka pihak kementerian tidak dapat memberi bantuan kepada sekolah tersebut. Ini sudah peraturan yang telah pun kita terima pakai.

Mengenai peraturan-peraturan ini, untuk makluman Yang Berhormat, kita sedia maklum Kerajaan Persekutuan cuba sedaya upaya untuk menyelaraskan bukan sahaja daripada segi sukatan pendidikan agama tetapi daripada segi undang-undangannya sendiri. Sebagai contoh, kita hendak guna sama tenaga supaya pegawai pegawai kerajaan negeri ini boleh ditukar guna tenaga sama, kita tak dapat kerjasama daripada semua negeri, hanya enam negeri sahaja yang bersetuju. Kita hendak menyelaraskan enakmen-enakmen negeri kerana kita dapati Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri tertentu dengan negeri-negeri yang lain dia tidak sama, walaupun kandungannya mungkin sama, mungkin seksyenya tidak sama.

Jadi kita hendak selaraskan. Apabila kata kita sebut sahaja apabila mengajar agama tanpa tauliah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 14, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor, seluruh negara itulah seksyen yang kita pakai, walaupun ia tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah negeri masing-masing. Jadi sebab itu, cadangan Yang Berhormat kita ambil pandang, kita akan ambil kira tetapi saya hendak nyatakan di sini bahawa kita memang ke arah itu supaya kita dapat selaraskan, seragamkan segala peraturan-peraturan keagamaan dan juga kalau boleh sukatan (syllabus) pendidikan agama ini juga. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada dua persoalan yang saya hendak timbulkan.

Satu, tadi Yang Berhormat sebut hanya enam negeri yang telah bersetuju untuk diselaraskan. Kalau boleh saya hendak tahu negeri-negeri berkenaan.

Kedua, apa langkah yang boleh diambil oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti yang terbabit di peringkat negeri berhubung dengan masalah ini.

Ketiga, berhubung dengan guru Kafa dan Tahmir ini. Saya minta kalau bolehlah pihak jabatan kerana kita tahu sebilangan besar guru-guru Kafa dan Tahmir ini di merata-rata tempat, kita menerima aduan yang telah dipengaruhi oleh parti-parti pembangkang dan ini menimbulkan masalah dalam menunaikan tanggungjawab. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Mengenai guru-guru Tahmir dan guru-guru Kafa ini, mereka ini sebenarnya guru kontrak. Saya pun hendak jelaskan, ini

kadang-kadang contohnya di Selangor, Yang Berhormat Parit Buntar, ramai orang salah faham bahawa guru KAFA ini seolah-olah macam guru sepenuh masa. Sebenarnya guru KAFA ini adalah guru yang diberikannya elaun sahaja. Jadi, itu sebab kita tengok KAFA sebagai contoh, kita juga menghadapi masalah untuk menyelaraskan. Ada negeri-negeri tertentu guru KAFA ini, dia jadi macam guru agama penuh. Taraf dia sama macam kata sekolah rendah agama Jalan Bomba, dekat Tanjong Karang, daripada 36 orang ustaz yang mengajar sekolah agama itu, tinggal hanya 4 orang sahaja guru tetap. Yang 32 orang lagi semua guru KAFA. Jadi bila guru KAFA ini dia juga mengajar sama dengan guru-guru biasa, dia tengok kawan-kawan dia dapat gaji yang lebih, dia hanya dapat elaun RM440, memang kita akui RM440 ini di bawah taraf kemiskinan.

Jadi oleh kerana ketidakpenyelarasannya, ada negeri lain KAFA dia tidak mengajar di sekolah. Kelulusan Kafa ini di negeri-negeri yang tertentu, KAFA ini dia punya taraf macam guru Tahmir. Ertinya dia mengajar kalau kita dahulu masa kita kecil-kecil, konsepnya macam sekolah dewasa. Saya kecil-kecil dahulu mengajar, mengaji pada satu tok guru. Dulu guru-guru ini dia mengajar *free* saja. Habis kuat kita tolong ambil sabut, ambil kayu tolong potong padi untuk guru kita.

Oleh itu kerajaan hendak bantu guru-guru sedemikian. Sebab itu kita kenalkan sistem guru KAFA. Tetapi ada pula lain-lain negeri yang saya nyatakan dia jadikan guru KAFA sama setaraf seperti guru-guru ustaz biasa ini. Jadi daripada segi ini pun saya hendak nyatakan bukan mudah untuk kita menyelaraskan peraturan-peraturan dan juga dasar-dasar yang kita buat. Walaupun dasar ini kita yang buat tetapi dari segi pelaksanaannya kadang-kadang ia terpulang kepada kerajaan negeri untuk mengikut kesesuaian negeri-negeri tertentu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua soalan itu tak payah dijawab, tak perlu ya.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nak beri jalan? Ya, sila Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih. Berhubung dengan guru KAFA, saya ingin meminta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen. Umpamanya di negeri

Kelantan, bayaran gaji kepada guru-guru KAFA ini ataupun elaun guru-guru KAFA ini dibayar oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP). Tetapi malangnya, arahan yang telah dikeluarkan, diperturunkan kepada bahagian-bahagian meminta supaya guru-guru KAFA ini hendaklah diisi daripada orang-orang UMNO. Apabila hendak diisi daripada orang-orang UMNO, sudah tentu tidak ada ramai orang UMNO yang kuat agama di Kelantan. *[Ketawa]* Ini betul kenyataan. Ustaz yang terdiri daripada ustaz bukan kuat agama, maksudnya mengikut syarat-syarat tadi. Bukan kata kuat agama. Maksudnya, sekolah tadi betulkan rakyat. Jadi ustaz-ustaz di kalangan ustaz-ustaz menyebabkan apabila ada beberapa bahagian jajahan yang mana tidak dapat diisi guru-guru KAFA ini kerana tidak mencukupi syarat-syarat tadi. Syarat yang akhir tadilah yang utamanya daripada kalangan orang UMNO kerana kita tahu....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalamya Yang Berhormat ya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Jadi saya hendak tahu adakah pengisian guru-guru KAFA ini tertakluk kepada jabatan ataupun diberi kuasa kepada negeri-negeri ataupun diperturunkan pula kepada bahagian-bahagian pula. Itu saya hendak mendapat penjelasan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Nasib baik Yang Berhormat tarik orang UMNO ini kurang kuat agama sebab Yang Berhormat dulu, saya hendak tanya adakah Yang Berhormat rasa Yang Berhormat kurang kuat agama Yang Berhormat lari tinggalkan UMNO.

**Tuan Saupi bin Daud:** Sebahagian.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Jadi sekarang ini Alhamdulillah, sekarang ini Yang Berhormat agama dia lebih kuatlah kalau dia masuk Parti KeAdilan. Kalau itulah pendapat Yang Berhormat, saya ingat eloklah, sesuaiilah Yang Berhormat keluar daripada UMNO. *[Ketawa]*

Jadi, Yang Berhormat, mengenai guru, saya sudah nyatakan, kita ikut kerajaan negeri. Saya sudah kata masing-masing negeri ada cara mereka tersendiri. Jadi macam di Kelantan, sudah tentu melalui JPP kerana ia peruntukan kerajaan pusat. Jadi pada JPP dia syarat-syaratnya yang saya tahu tidak kata ada orang UMNO. Tidak ada. Kita memilih kriteria-kriteria yang tertentu.

Tetapi sudah tentu kita akan memilih bahawa orang yang mengajar guru-guru Kafa ini, dia mengajar Kafa yang betul, *syllabus* yang betul. Bukannya mukadimah sahaja dia kena mengajar Fardu-Ain, kalau dia mengajar 40 minit, 10 minit dia sebut fasal Fardu-Ain, 30 minit lagi dia sebut pasal politik. Ini yang kita tidak bagi.

Jadi, Yang Berhormat, saya hendak teruskan jawapan saya mengenai hendak...

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia ada kuasa pada yang menjawab. Kalau hendak terus, terus jawablah. Hendak bagi jalan, bagilah.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya sedikit sahaja hendak menyentuh mengenai JAKIM. Berhubung dengan skim perkhidmatan di JAKIM sendiri selain daripada pos dan perkhidmatan yang diguna pakai di dalam JAKIM itu sendiri, maka kita rasakan perlu pihak kerajaan memikirkan untuk menempatkan perkhidmatan JAKIM ini dipanjangkan. Seperti mana kita tahu bahawa salah satu daripada tempat-tempat yang menimbulkan punca gejala sosial ini ialah di kilang-kilang. Sedangkan apa yang kita lihat hari ini tidak ada satu pegawai yang dipertanggungjawabkan khusus terutama sekali kepada pekerja-pekerja beragama Islam untuk merancang atau memprogramkan sesuatu program agama di kilang-kilang yang saya rasa kalau kita mengharapkan kepada pihak kilang hendak mewujudkan satu perkhidmatan agama di kilang mungkin ada masalah kepada pihak kilang.

Tetapi kalau pihak kerajaan itu sendiri melalui JAKIM, kita tempatkan pegawai JAKIM di kilang di mana pegawai JAKIM ini sendiri bertanggungjawab untuk merencanakan dan merancang sepanjang tahun program-program keagamaan Islam ini di kilang-kilang berkenaan khususnya kilang-kilang di negeri-negeri yang enam buah tadi yang di bawah JAKIM yang persetujuan guna sama tenaga.

Begitu juga yang saya rasa kita nampak sampai hari ini Jabatan Penjara tidak dapat mengadakan satu skim perkhidmatan agama secara khusus, yang ada hanyalah daripada pegawai-pegawai biasa yang diambil di atas perkhidmatan penjara cuma ada

sedikit kebolehan agama, maka diberi tanggungjawab agama, sama ada untuk mengendalikan surau masjid dan memberi ceramah-ceramah khusus kepada banduan-banduan dalam tahanan.

Ini juga yang saya rasakan bahawa perlu kita tempatkan pegawai-pegawai JAKIM ini secara sepenuh masa dan maknanya pegawai yang bertaraf ijazah di Jabatan-jabatan Penjara ini supaya mereka dapat merancang, sebab kita sedar bahawa penjara bukan hanya tempat untuk menghukum tetapi penjara juga adalah tempat untuk memulihkan atau melatih dan memberi pemulihan. Jadi dalam maksud saya di sini apakah pihak kerajaan bersetuju untuk kita menempatkan lagi pegawai-pegawai daripada JAKIM ini sendiri ke perkhidmatan agama di JAKIM supaya ruang perkhidmatan JAKIM ini dengan peranan yang seharusnya dimainkan dapat dilihat dan dapat dimanfaatkan sehinggalah kepada peringkat kilang dan juga Jabatan Penjara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Okay, terima kasih pandangan Yang Berhormat untuk membina tugas-tugas JAKIM demi untuk kebaikan kita bersama. Sekarang ini Yang Berhormat sedia maklum memang JAKIM ada menempatkan pegawai-pegawai. Macam tempat Orang Asli pun kita ada pegawai kita. Luar negeri pun kita ada juga walaupun tidak ramai. Tetapi cadangan di penjara ini, insya-Allah, kita akan buat kajian dengan pandangan Yang Berhormat kalau ia tidak menyalahi peraturan-peraturan perkhidmatan JPA, saya tidak nampak mengapa perkara ini kita tidak boleh laksanakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat kepada kilang-kilang, ini harus kita fikirkan. Ini, Yang Berhormat, kilang ini terlampau banyak. Saya tidak tahu kalau setiap kilang itu kita hendak letak berapa ramai pegawai yang kita perlu. Walau bagaimanapun, mungkin pandangan Yang Berhormat kita ambil kira supaya kita meminta semua kilang-kilang menyediakan satu jawatan khas untuk pegawai-pegawai agama di kilang masing-masing untuk mereka memberikan pendidikan agama ataupun pengetahuan agama kepada pekerja-pekerja mereka kerana kita sedia maklum kalau semua pekerja kilang ini mempunyai keimanan yang baik, menjalankan kerja mengikut luns-luns Islam, saya percaya kilang tersebut akan dapat meningkatkan lagi produktiviti mereka. Kalau pekerja kilang ini amanah, rajin, tidak ponteng dan

sebagainya, nilai-nilai ini ditanam di kalangan pekerja-pekerja kilang, maka kilang itu akan mendapat faedahnya .

Oleh itu pandangan Yang Berhormat mungkin kita akan ambil kira. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat sedia maklum, seperti arahan kita kata mengadakan sembahyang Jumaat mesti bagi kelonggaran, sembahyang fardu mesti bagi keloggaran, kita hanya mampu memberikan arahan., tetapi terpulang kepada kilang-kilang tersebut . Walaupun ada kilang yang patuh, ada juga kita dapat la poran yang tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut. Bila kita dapat laporan-laporan sedemikian, kita akan membuat siasatan sama ada benar ataupun tidak kilang-kilang tertentu yang tidak membenarkan pekerja-pekerjanya menunaikan sembahyang fardu ataupun sembahyang Jumaat. Jadi pandangan Yang Berhormat kita akan ambil kira.

Mengenai BPR, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah meminta supaya menyiasat aduan Qatar mengenai amalan rasuah oleh Malaysia untuk mendapatkan hak penganjuran Sukan Asia 2006. Sukalah saya menyatakan BPR masih belum menerima sebarang aduan rasmi mengenai dakwaan pihak Qatar itu. Namun begitu, BPR sedia menjalankan siasatan terperinci sekiranya terdapat aduan rasmi dan maklumat yang jelas mengenai dakwaan tersebut tetapi ini Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, ini kenyataan surat khabar sahaja. Kita pun sedia maklum sebab apa kenyataan itu timbul kerana reaksi daripada kenyataan yang kita buat. Jadi, kadangkala benda-benda seperti ini pun pembangkang boleh dijadikan isu, kempen terutama di Lunas seolah-olah kita ini semuanya membuat perkara-perkara rasuah ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan.....**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal BPR?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal BPRkah?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal BPRkah?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pasal yang kita bincangkan inilah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ah, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat, saya rasa pelik sedikit. Mula-mula saya boleh setuju bahawa BPR akan siasat tetapi kemudian dalam saat yang sama Yang Berhormat kata ini tidak ada apa-apa. Jadi, benda ini belum disiasat dan kita tidak tuduh apa-apa, ini adalah tuduhan laporan akhbar antarabangsa disiarkan oleh surat tempatan dalam *Utusan Malaysia* saya ingat dalam muka surat pertama ataupun kedua. Ia beri kesan yang besar kepada masyarakat kita. Kalau Yang Berhormat hendak kata siasat, siasat sahajalah, jangan kata tidak ada apa-apa ini. Saya tidak faham.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya sudah kata kita akan menunggu laporan kalau betul tetapi saya sudah nyatakan tadi, sepertimana saya kata tadi, kita percaya laporan kenyataan yang dibuat adalah reaksi daripada kenyataan yang kita sendiri buat, yang tidak perlu saya hendak ulaskan lebih panjang tetapi kalau Yang Berhormat mengikuti siri kenyataan tersebut Yang Berhormat akan faham apa yang saya maksudkan.

Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan *corruption perception index* menunjukkan kedudukan Malaysia di tangga ke-36 berbanding dengan tangga ke-32 dari tahun 1999. Ini akan menjejaskan *foreign* dan *investment*.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa saya cakap lebih awal daripada Yang Berhormat bagi Tanjong tetapi belum dapat jawapan lagi mengenai Jabatan Perangkaan dan mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Saya sudah tunggu daripada pukul 11.30 pagi sampai 12.30 tengah hari tetapi belum sampai lagi ke Parit Sulong, jauh sangatkah? Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana saya bercakap ini ramai, 27 orang. Kalau saya hendak beri satu, satu akan



mengambil masa sebab itu saya telah mengikut isu yang dibangkit. Insya-Allah Yang Berhormat bangkit isu SPR memang ada, kita akan jawab mengenai SPR. Jadi, saya ini - jabatan by jabatan. Sekarang ini kita menyentuh siapa yang menyentuh mengenai BPR. Jadi, *corruption perception index* merupakan pandangan pelabur antarabangsa terhadap keadaan rasuah di sesebuah negara. Peringatan ini tidak dapat dielakkan kerana usaha serius dan berkesan yang telah diambil oleh kerajaan dan BPR dalam menangani gejala tersebut. Selain dari itu, isu rasuah yang dipolitikkan oleh sesetengah pihak turut menyumbang daripada peningkatan indeks tersebut.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga membangkitkan mengenai kajian persepsi rasuah perlu diberikan peruntukan dan dijalankan setiap tahun berbanding dengan *one-off*. Kajian ini dilakukan memandangkan belum ada kajian seumpamanya dijalankan di negara ini. Ianya perlu dilakukan berdasarkan kaca mata masyarakat Malaysia sendiri.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga ingin mendapat penjelasan mengenai ugutan terhadap Ketua Pengarah BPR. Kes ini masih dalam siasatan polis, jadi kita tunggu kenyataan yang akan dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka, bangun.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak habiskan Yang Berhormat bagi Tanjong dahulu. Kita hendak habiskan isu Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, saya bagi. Saya hendak habiskan isu Yang Berhormat bagi Tanjong dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Tanjong juga membangkitkan isu lesen terbang. Isu ini telah senyap katanya dan tidak ada tindakan yang diambil terhadap mereka yang terbabit. Sukalah dinyatakan BPR telah menangkap seramai 54 orang yang terdiri daripada pengusaha sekolah memandu, pegawai-pegawai JPJ dan orang awam. Daripada jumlah itu setakat ini seramai 11 orang telah dituduh di mahkamah, 4 pegawai JPJ dan 7 orang pengusaha sekolah memandu. Siasatan terhadap mereka yang lain masih diteruskan.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah membangkitkan peruntukan yang besar tetapi tenaga penyiasat tidak mencukupi untuk menangani gejala rasuah. Sukalah dinyatakan kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan keperluan, keanggotaan di BPR . BPR sedang dalam proses penyediaan kertas cadangan tambahan keanggotaan di BPR dan akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pengisian jawatan tersebut.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal BPR, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata, rasuah dipolitikkan oleh parti pembangkang. Saya hendak tahu sama ada *money politics* di UMNO itu adalah dipolitikkan oleh Perdana Menteri sendiri sebab dia yang kata banyak dan dia menangis, siapa yang mempolitikkan *money politics in UMNO*?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat kita dalam UMNO kita cakap. Kalau betul kita kata betul, ini kenyataan. Kalau kata betul di dalam politik, di dalam UMNO, ada politik wang dan sebagainya, ini memang agenda utama UMNO. Presiden UMNO menyatakan kita ini sudah puas merayu, depa menangis supaya jangan main politik wang. Kita pinda pula perlembagaan pula untuk membendungnya kerana politik ini atau rasuah ini tidak boleh disalahkan kepada yang beri sahaja, yang menerima juga salah. Tetapi yang dikatakan politik ini kadang-kadang tuduhan-tuduhan dibuat secara umum. Ada pihak-pihak pembangkang terutamanya seolah-olah pegawai-pegawai kita, pemimpin-pemimpin kita ini menerima rasuah hanya dibuat secara umum tanpa bukti-bukti yang konkrit. Tetapi kalau perkara ini betul, kita akan siasat dan kita akan mengambil tindakan tanpa kira siapa juga kalau ada parti menerima rasuah di dalam kerajaan ataupun di dalam politik.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** [*Bangun*]

**Tuan Kerk Kim Hock:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sudah habiskah?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi yang mana, tiga berdiri Yang Berhormat?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Patut UMNO mempelawa BPR masuk siasat tak?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti Yang Berhormat, mana satu hendak bagi Yang Berhormat?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Okey, saya minta maaf, saya bagi Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sanggupkah UMNO mempelawa supaya BPR masuk dan siasat sepenuhnya kes rasuah yang berlaku dalam UMNO?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, ini yang saya kata pembangkang ini tidak berapa faham. Kalau kita dapat bukti yang konkrit seseorang Ahli UMNO itu, pemimpin tertinggi memberi rasuah tidak payah BPR, kita sendiri akan pecat dia daripada UMNO. Masalahnya kita tidak ada bukti, umum sahaja dia dapat duit. Siapa yang berani tampil untuk memberikan bukti. Jadi, sebab itu kita hanya menerima rasuah. Oleh sebab kita menyatakan bahawa dalam sesuatu kes hendak bawa ke mahkamah ini mesti ada spesifik bukan boleh secara general, secara umum sahaja, kita dengar sahaja, itu betul. Macam tadi, seperti saya katakan tadi bahawa kita daripada pihak kerajaan dan juga UMNO, kita tidak akan mengambil tindakan kepada khabar-khabar angin. Kalau kita dengar khabar-khabar angin, kita juga akan buat kenyataan secara general menasihat, tidak secara spesifik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kangar berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya bagi.....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kalau secara general mengapa hendak menangis?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kangar pulalah.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itulah perkara serius Perdana Menteri, Presiden UMNO menangis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, bagi Yang Berhormat bagi Kangar pula.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Janganlah kata tidak ada bukti. Ini yang mempolitikkan .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Okey, Itulah sebab Yang Berhormat, saya bagi dia cakap, dia tidak faham.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah itu, Yang Berhormat bagi Kangar.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak nyatakan ini secara umum tetapi kita tidak boleh kerana tidak ada orang yang berani tampil ke hadapan mengatakan A bagi saya barulah ada bukti.

Jadi Tuan Pengerusi, saya bagi Yang Berhormat bagi Kangar.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Dalam menangani perkara yang diberi istilah rasuah ini, adakah kerajaan membuat perbezaan hakiki di antara rasuah yakni gejala sosial yang perlu ditangani dengan prinsip-prinsip tertinggi penghakiman dan keadilan ataupun rasuah yang Yang Berhormat maksudkan dengan ungkapan politik iaitu sesuatu yang sengaja dilaung-laungkan untuk memburuk-burukkan atau menyakiti orang lain. Adakah kerajaan membezakan di antara rasuah sebagai fenomena yang merupakan gejala sosial ataupun rasuah yang dikatakan '*political catwalk*' untuk menghentam lawan? Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, sudah tentu kita membuat perbezaan. Kalau rasuah daripada segi undang-undang kita sudah nyatakan tadi bahawa ianya mesti ada bukti-bukti yang kukuh, mesti ada penerima, mesti ada pemberi. Tetapi kalau hendak buat *political statement* sahaja mengenai rasuah amat mudah kita mengatakan sesuatu itu rasuah dan sebagainya. Jadi, sebab itu pada umumnya, seperti juga macam dalam Dewan ini kalau kita katakan bahawa semua pihak mesti memberi kerjasama ertinya semua pihak kita tidak *point out* kepada seseorang. Secara umumnya ialah mesti semua orang hendaklah menghindarkan diri daripada rasuah dan kalau ada sesiapa punya bukti-bukti yang konkrit mestilah bawa mungkin ke muka keadilan kerana di mahkamah kita sedia maklum, kalau bukti-bukti tidak cukup kita bukan sahaja ada pendakwa tetapi yang dituduh juga ada pembela. Tetapi

kalau setiap kes yang dibawa oleh BPR ini, sepuluh kes yang BPR bawa ke mahkamah, lapan yang lepas di mana ada integriti BPR. Lama-lama orang akan ketawakan BPR, menangkap orang, bawa kes ke mahkamah, tidak ada bukti dan lepas. Lama kelamaan kalau ini terus berterusan setiap kali BPR bawa kes ke mahkamah boleh lepas maka integriti dan juga kewibawaan daripada BPR tidak akan lagi dihormati orang.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga orang berdiri, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.....

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Baik, saya bagi Yang Berhormat bagi Kemaman dahulu, dia bangun dahulu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okey, terima kasih. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa sesiapa sahaja yang ada bukti dan sebagainya boleh ke hadapan untuk memberi laporan dan sebagainya. Baru-baru ini Eric Chia membuat kenyataan bahawa beliau bersedia membuat kenyataan di dalam mahkamah tetapi sehingga hari ini tidak ada pun pihak BPR meminta statementnya daripada mahkamah sepertimana yang dicabar oleh Eric Chia dan juga yang peliknya kemudian selepas itu ialah Ketua BPR mengatakan bahawa kes ini sudah diserahkan kepada Peguam Negara dan Peguam Negara menyatakan bahawa tidak ada kes dalam hal ini. Tetapi semalam pula dalam surat khabar Peguam Negara menyatakan bahawa sesuatu kes hanya akan diambil tindakan sekiranya pihak-pihak yang membuat laporan mendesak supaya tindakan diambil. Jadi, di dalam banyak kes yang melibatkan rasuah ini banyak bercelaru dan ada di antara kenyataan-kenyataan daripada Perdana Menteri hinggalah kepada pegawai-pegawai mahkamah. Sebab itulah kredibiliti mengenai hal isu rasuah ini menyebabkan orang ramai sudah tidak percaya lagi bahawa kerajaan serius dalam isu rasuah ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak, penjelasan mengenai cabaran yang dibuat oleh Eeric Chia kenapa tidak ada tindakan diambil untuk membawa dia ke mahkamah dan membuat kenyataan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya percaya kalau cabaran-cabaran dibuat, kerana itu soalan spesifik, Yang Berhormat ini selalu tanya soalan spesifik. Kalau saya hendak bercakap lebih saya akan minta notis mengenai apa Yang Berhormat kata sebab saya pun tidak relies ada statement-statement yang dibuat seperti Yang Berhormat dakwa dan saya minta notis untuk jawapan. Saya bagi Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen. Saya bangga sebagai rakyat Malaysia dan sebagai Ahli UMNO saya bangga Presiden UMNO begitu mengambil berat penyalahgunaan kuasa dan juga rasuah. [*Tepuk*]. Perdana Menteri seorang Presiden yang berani. UMNO berani mengakui hakikat dan kenyataan. Rasuah yang berlaku dalam UMNO kita dedahkan dan kita cuba ambil tindakan, ini satu parti yang benar-benar jujur. Kerajaan juga bersungguh-sungguh hendak menghapuskan rasuah dan banyak kes rasuah yang telah pun dikemukakan. Dengan ini kita tidak perlu dengar kata pembangkang. Pembangkang hendak jadikan kes rasuah ini sebagai modal politik. Kalau hendak cerita rasuah, Kerajaan Kelantan pun saya dengar kawan-kawan cerita ada juga rasuah. Kita tidak tahu lagi Terengganu ini nanti, mungkin bapa rasuah pun ada. Soal rasuah ini sebagai soal manusia dan kita berani dalam UMNO untuk membanteras rasuah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ini sangkaan buruk ini, sangkaan buruk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini satu-satu parti yang benar-benar jujur. Soal rakyat saya rasa lebih yakin kepada kerajaan dan UMNO dalam tindakan mengambil tindakan kepada rasuah. Pedulikan soal pembangkang, soal pembangkang jadikan isu ini, isu politik.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Itu sebab saya nyatakan tadi, secara umumnya. Jadi, apabila Yang Berhormat naikkan specific case – sebab itu kita kena ambil notis. Kadang-kadang ia tidak tengok kepada

keseluruhan Jadi, sebab itu Yang Berhormat, saya bersetuju dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya ingat cukuplah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pasal JPJ.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia kata cukup.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** JPJ. Bukan UMNO punya, JPJ punya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terpulanglah kepada yang menjawab.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** JPJ, saya sudah jawab tadi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hendak tahu .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bagi jalan, tidak bagi jalan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Okay, ini *last*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, *last*.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat JPJ, bukan pasal UMNO punya rasuah. Telah disebutkan di dalam surat khabar bahawa Badan Pencegah Rasuah ada senarai lesen-lesen terbang yang telah dikeluarkan, yang jumlahnya ratus ribu saya rasa. Kemudian Badan Pencegah Rasuah telah sebut bahawa pemilik-pemilik lesen ini diminta menyerahkan lesen-lesen ini dan sesiapa yang menyerahkan lesen ini diberikan hadiah, diberikan habuan. Jadi saya tidak faham, adakah Badan Pencegah Rasuah benar-benar ada senarai orang yang ada lesen terbang ataupun Badan Pencegah Rasuah hanya pakai teka. Jadi, kesannya saya lihat di sini ialah moral para pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan. Kita telah lihat bahawa isu ini dibesarkan demikian rupa, sampai Kementerian Pengangkutan pun rasa tercabar, tetapi yang didakwa hanya 7 orang. Yang dipalit ke lumpur itu ialah habis Jabatan Pengangkutan Jalan itu, kalau kita tidak buat penjelasan, imej dan moral

pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan akan jatuh sedangkan yang terlibat mungkin sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Soalannya. Adakah Badan Pencegah Rasuah terlalu *over-act* dalam hendak membesarkan apa tindakan yang telah diambil sehingga menjejaskan jabatan kerajaan yang lain.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Nanti Yang Berhormat. Satu lagi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya sudah faham.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sabar, sabar.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya sudah faham. Bagi saya jawab.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ada dua soalan lain.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak apa. Saya sudah faham apa maksud Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak, ini tajuk lain sikit.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Masa tidak ada, saya ada banyak jabatan lagi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tajuk lain sikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Patut beri satu sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tadi .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya rasa ini pun mustahak juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bagi satu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pasal rasuah juga. Pasal kerajaan bertanggungjawab, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading cakap kerajaan memang anti-rasuah, takkan tajuk rasuah pendek sahaja.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya bukan takut hendak berdebat. Masa tidak ada.



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bagi satu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya sudah kata, jangan banyak soalan. Yang Berhormat dahulu berucap tidak hendak sebut pun pasal Badan Pencegah Rasuah ini.

**Seorang Ahli:** Sekarang banyak soal pula.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya sudah nyatakan tadi, ini kena faham, ini undang-undang, takkan setiap orang yang kita tangkap, sudah tentu bersalah. Ini kena faham. Macam kes lesen terbang ini, yang ditangkap 54 orang, yang didakwa hanya 11 orang. Ini masalahnya kita ini, bila orang kena tangkap, ini mesti salah. Dia tangkap, BPR akan dibuat penyiasatan.

Jadi, kenyataan-kenyataan Yang Berhormat yang Jabatan Pengangkutan Jalan menyatakan, kita pun ada bukti. Bila Jabatan Pengangkutan Jalan, Badan Pencegah Rasuah membuat kenyataan tersebut, mereka dapat *trace* sebenarnya, siapa yang disenaraikan di dalam menerima lesen terbang ini. Walau bagaimanapun, isu yang harus kita lihat di sini bahawa Badan Pencegah Rasuah telah berjaya membongkar satu isu ataupun satu sindiket lesen terbang yang begini lama, ini harus kita beri pujian kepada pihak Badan Pencegah Rasuah. Jadi, saya ingat saya hendak pindah kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah mencadangkan supaya cadangan kaji semula undang-undang dan peraturan prosedur berkempen dan kuasa menegur Suruhanjaya Pilihanraya. Suka dinyatakan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), sedang menjalankan kajian terhadap perkara tersebut dan draf pindaan kepada peraturan-peraturan pilihan raya sedang kita teliti. Mengikut Akta Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), SPR tidak ada kuasa menegur tetapi sentiasa menasihati pihak-pihak yang terbabit dengan menggunakan tatasusila ketika berkempen dari masa ke semasa. Tatasusila berkempen ini dimuatkan di dalam buku panduan agen calon dan sebagainya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong bangun. Hendak beri jalan? Sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang saya minta Tuan Yang di-Pertua, adalah supaya SPR merangkumkan dalam satu tatacarakah, dalam satu aturankah, supaya ayat-ayat Quran tidak digunakan sebagai bahan kempen pilihanraya. Memang ada suara daripada pembangkang mengatakan Barisan Nasional juga menggunakan ayat Quran, saya rasa tidak pernah. PAS apabila digunakan sepotong terjemahan ayat Quran, maka di bawah itu disebut Undilah PAS. Tidakkah SPR tidak boleh melarang perkara macam ini. Ini perkara yang akan memecah-belahkan orang Islam, yang akan mengelirukan orang Islam dan akan menghancurkan orang Islam. Saya harap perkara ini diambil ingatan. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, ianya merupakan tatasusila. Tatasusila kita berkempen waktu pilihan raya ataupun pada bila-bila masa. Dan, sekarang ini kita sedang buat kajian mengenai pindaan-pindaan peraturan-peraturan pilihan raya ini. Jadi, kalau kita buat undang-undang pun Yang Berhormat, yang pentingnya orangnya. Buatlah undang-undang, pindalah apa undang-undang tetapi kalau budayanya tidak boleh diubah, budaya berkempen secara sihat, secara adil tidak boleh kita buat maka kita buat apa undang-undang juga, ianya tidak dapat menjamin keselesaan bagi pihak yang lain. Jadi, .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga orang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak jawab Parit Sulong, tidak habis lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak teruskan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Mengenai .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berhujah sedikit dengan Yang Berhormat. Kalau ada undang-undang .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, janganlah berhujah macam ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tadi dia bagi banyak pembangkang. Kenapa tidak boleh kita.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya tidak tahulah. Kalau pakai biar, kesudahannya kita ....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Maksud saya, Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ... Ha teruslah, terus.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, kalau ada undang-undang, yang melarang perkara ini, senanglah bagi pihak kita, umpamanya calon-calon boleh memberitahu SPR untuk mengambil tindakan ataupun kita boleh mengheret mereka ke mahkamah. Tetapi, kalau tidak ada undang-undang, sudahlah mereka melakukan kesalahan dan menyelewengkan agama, adakah kita hendak bersubahat dengan orang yang menyelewengkan agama. Itu berdosa kalau kita tidak buat undang-undang, kita berdosa dalam hal ini, berdosa mengelirukan rakyat di akar umbi lagi. Kita bukan takut kalah, bukan soal itu. Soalnya kita tidak rela melihat ada kumpulan Islam yang menggunakan Quran dan Hadis untuk memecah-belahkan masyarakat. Adakah kita tidak merasa berdosa kalau perkara ini terus berlaku. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah nyatakan tadi bahawa SPR sedang menjalankan kajian terhadap draf pindaan kepada peraturan-peraturan pilihan raya. Jadi pandangan Yang Berhormat, saya percaya, kita akan ambil kira dan kalau kita tengok, ianya akan memberikan keamanan dan keselesaan dalam kita berkempen, mungkin juga boleh dipertimbangkan.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah membangkitkan mengapa terdapat kejadian daftar pemilih yang tidak sama. Dalam satu-satu pilihanraya hanya satu daftar pemilih yang disahkan oleh SPR .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]* Boleh beri laluan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** ..... untuk kegunaan pilihan raya tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Daftar pemilih inilah yang diberikan kepada calon semasa hari penamaan calon. Jika terdapat daftar yang berlainan, ini berkemungkinan kerana calon masih menggunakan daftar pemilih yang lama. Ianya dapat dibezakan dengan nombor siri pada daftar tersebut.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal apa Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tentang nombor siri tadi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Nombor siri, ada kaitan sikit.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, saya tahu dia tidak menyentuh SPR. Saya yang sebut soal ini. *[Disampuk] [Ketawa]* Jadi, sayalah yang tanya dulu. *[Disampuk]* Saya yang hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, mana boleh tahu, dia belum bercakap. *[Ketawa]* Dia belum cakap Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat berdua berdiri, hendak bagi siapa?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya banyak lagi hendak bercakap, saya belum dapat cakap tetapi ramai yang hendak bangun bercakap, saya ingat saya kena adil. Adilnya saya, saya akan beri keutamaan kalau ada masa kepada mereka yang saya sebut nama, supaya mendapat penjelasan yang lanjut. Mana yang tidak sebut, saya ingat kita – kalau saya bagi semua orang bercakap sekarang sudah pukul 1.00.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ini, Dewan apa benda, Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia boleh, ini hak dia.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh Yang Berhormat. Tetapi Yang Berhormat jangan .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Main kawal sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Kita bukan tidak hendak bagi, kita tiada masa, kalau malam pun Yang Berhormat tidak tunggu sampai malam pun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sedangkan Tuan Pengerusi sendiripun boleh tidak membenarkan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya sampai pukul 10.00 malam, saya boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak kisah, itu hak dia.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*] Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi siapa Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Mengenai daftar tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi tidak?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Jadi, saya ingat, saya akan beri peluang kepada mereka yang bangkitkan isu yang saya cakap sahaja. Jadi, itu lebih adil, saya rasa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam hal ini Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa mungkin cabn mempunyai daftar yang salah. Ini tidak mungkin. Kita mempunyai daftar yang *up-to-date*. Tetapi mengapa daftar kita itulah yang bercelaru. Saya tidak mahu mengatakan dalam ucapan saya, SPR berat sebelah. Saya kata biar SPR ini diadili oleh rakyat. Dalam pilihan raya yang lalu, SPR apabila nombor seseorang itu telah pun disahkan oleh pihak parti masing-masing, SPR buat satu lagi satu lagi sekatan supaya orang semua *jammed*

sehingga hendak buang undi pun kelam kabut. Itu berlaku di banyak tempat di Johor. Adakah itu *element* sabotaj oleh SPR? Ini pernah berlaku di dalam pilihan raya dahulu.

Mengapa perkara-perkara ini berlaku pada tahun 1999. Saya hendak tahu. [Disampuk] Perkara ini menimbulkan banyak rasa tidak puas hati di seluruh negara. Adakah ini menjejaskan parti pembangkang juga ataupun hanya parti pemerintah sahaja yang menerima bahana seperti ini. Ini berlaku rata-rata di kawasan Parlimen Parit Sulong. Orang sampai kompelin, kita tidak boleh jawab. Siapa hendak dipersalahkan dalam hal ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta Setiausaha Parlimen jangan mudah membawa suara daripada jabatan sahaja, kononnya mungkin wakil rakyat tidak *up-to-date*. Mana ada parti yang tidak *up-to-date* dengan senarai-senarai pengundi. Kalau kami yang *up-to-date*, mengapa bercelaru senarai kami. Perkara ini berlaku. Jadi, jangan ambil mudah. Saya minta siasat perkara ini dan kalau boleh, akui perkara ini berlaku dan jangan dilakukan lagi di masa akan datang. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah nyatakan tadi, kita hanya sediakan satu daftar pemilih yang disahkan oleh SPR tetapi kalau ada perkara-perkara yang timbul dan kita juga memang menerima rungutan dan aduan perkara ini berlaku dan kita akan mengambil tindakan dan siasatan, bagaimanakah *list* yang kita keluarkan satu tetapi bila sampai masa penyemakan ianya tidak tele. Perkara ini memang sedang kita buat kajian supaya ianya tidak akan berulang di masa-masa yang akan datang dan kita mengalu-alukan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atau mana-mana pihak, jika dapat lagi perkara-perkara yang patut kita perbaiki untuk membaiki *standard* SPR ini kerana kita sekarang ini di dalam proses untuk membaiki dan mempertingkatkan mutu SPR, maka kita alu-alukan segala aduan dan pandangan dari semua pihak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya hendak sebut yang mana bangkit sahajalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkitkan mengapa hanya kaunter pos digunakan sebagai Pusat Pendaftaran Pemilih dan mengapa seseorang itu terpaksa datang sendiri untuk mendaftar sebagai seorang pemilih. Setelah dinyatakan penyewaan kaunter-kaunter pos adalah tambahan kepada pusat-pusat pendaftaran yang sedia ada seperti Balai Raya, Balai Penghulu, Pusat Membeli-belah dan lain-lain. Pusat-pusat pendaftaran yang lain ini masih tetap digunakan sebagai Pusat Pendaftaran Pemilih dan proses pendaftaran, prosedur-prosedur yang digunakan adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Keperluan untuk datang sendiri dan mengemukakan kad pengenalan adalah salah satu usaha memastikan seseorang itu adalah benar-benar layak mendaftar sebagai pemilih dikemukakan melalui bukti-bukti tersebut.

Yang Berhormat bagi Selangau telah mencadangkan supaya rumah panjang dijadikan tempat mengundi. Suruhanjaya Pilihanraya memang mengambil kira menjadikan rumah panjang sebagai tempat mengundi bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai sekolah yang berhampiran dengan rumah panjang tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi tujuan pilihan raya Sarawak Yang Ke-8, yang akan datang sebanyak 389 buah rumah panjang akan dijadikan tempat mengundi.

Yang Berhormat bagi Selangau juga telah membangkitkan mengenai proses persempadanan semula bagi Semenanjung dan Sabah akan diadakan pada tahun 2004 dan bagi Sarawak pada tahun 2006. Kriteria bergantung kepada bilangan pemilih, keadaan dan bentuk muka bumi dan kemudahan infrastruktur satu-satu kawasan. Yang Berhormat bagi Selangau juga telah membangkitkan mengenai proses kemas-kini senarai daftar pemilih. Sukalah dinyatakan, proses kemas-kini, dijalankan setiap masa terutamanya semasa proses pendaftaran dijalankan.

Yang Berhormat, saya ingin berpindah kepada Dewan Bandaraya. Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai kerja-kerja penswastan yang di bawah alih Alam Flora Sdn. Bhd. Pihak kerajaan sememangnya dalam peringkat *interim agreement* dengan alam Flora Sdn. Bhd.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Siapa?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Boleh beri jalan kepada saya Yang Berhormat?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Berkenaan dengan pilihan raya. Dalam ucapan saya.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, sudah habis Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** yang lepas, Suruhanjaya Pilihanraya..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Habis. Terpulanglah kepada Yang Berhormat..

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Sudah, sudah habis Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Dalam yang lepas saya ada bangun, bangkitkan mengenai daftar yang hilang, tetapi tidak dijawab Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya sudah secara keseluruhannya tadi perkara daftar hilang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, saya kira itu isu yang sama. Jadi kita sudah jawab sekali, kita akan mengambil perhatian mengenai aduan-aduan dan kompelin yang kita terima.

Mengenai Alam Flora tadi, pihak kerajaan sememangnya dalam peringkat interim agreement dengan Alam Flora Sdn. Bhd. Interim agreement dibuat dari tahun ke tahun (*year to year basic*) dan tidak ada perjanjian tetap lagi yang dibuat dan ini berdasarkan prestasi Alam Flora Sdn. Bhd. Pihak DBKL akan melaporkan prestasi Alam Flora dalam mesyuaratnya dengan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan



Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancang Lembah Kelang. DBKL akan mengikut arahan Kerajaan Pusat dan kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah pun membangkitkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab menjadi saksi kepada perjanjian yang ditandatangani oleh pembinaan KL Linear City. Sukalah dinyatakan DBKL sememangnya dalam perancangan untuk memindahkan semua setinggan tanpa mengira setinggan di pinggir sungai atau tidak. Matlamat DBKL ialah setinggan akan dibersihkan menjelang tahun 2005. Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap projek-projek kerajaan yang terbengkalai. Biasanya masalah projek yang terbengkalai adalah disebabkan oleh kontraktor. Kerajaan akan memberi amaran beberapa kali kepada kontraktor berkenaan dan jika masalah yang sama masih berulang maka projek tersebut akan ditarik balik.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan....

**Puan Teresa Koh Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat, Seputeh.

**Puan Teresa Koh Suh Sim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengenai KL Linear City itu di mana Kerajaan Malaysia dan juga Datuk Bandar menjadi saksi dalam perjanjian di antara KL Linear City yang terbengkalai dengan para penduduk setinggan yang diusir daripada tebing sungai Kelang itu. Jadi, sekarang Syarikat KL Linear City mereka enggan berjumpa dengan para penduduk setinggan yang mana sewa RM300 sebulan yang dijanjikan dalam perjanjian itu yang mana mereka sepatutnya dibayar sehingga rumah kos rendah itu siap dibina oleh KL Linear City. Jadi, dalam ucapan saya itu ialah kerajaan sepatutnya ada tanggungjawab moral terhadap penduduk setinggan itu kerana adalah kerajaan yang mengarahkan KL Linear City menghentikan projek itu. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan terhadap mereka?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya telah mengatakan tadi bahawa masalah pemindahan setinggan dalam bandar raya ini bukanlah kerana sesuatu projek. Kalau tak ada projek-projek tertentu juga matlamat DBKL ialah untuk

menjadikan setingan sifar pada tahun 2005. Tetapi oleh kerana kaitan dengan KL Linear City ini tadi, saya juga telah nyatakan bahawa ia melibatkan kontraktor. Lainlah kalau projek ini terbengkalai, maka pihak DBKL dan pihak kerajaan terpaksa melihat syarat-syarat yang telah ditentukan di dalam perjanjian. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat bangkitkan tadi mengenai janji RM300 patut diberi tetapi sehingga sekarang tidak diberi, maka saya minta notis untuk memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat untuk memastikan bahawa dakwaan Yang Berhormat ini adalah dakwaan yang benar.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan mengenai lampu persimpangan di Jalan Puchong, Sungai Besi. Traffic light yang berkenaan adalah untuk sementara sahaja, iaitu untuk arah masuk ke Taman Antarabangsa, Bukit Jalil dan Sungai Besi. Beberapa petanda jalan telah diletakkan. Traffic light ini akan dibuang apabila pihak pemaju selesai menyiapkan persimpangan jalan bertingkat di kawasan berkenaan. DBKL akan mengkaji jika perlu untuk menambahkan petanda jalan bagi mengelakkan bahaya kepada pemandu.

Mengenai pembinaan sekolah menengah Taman Sungai Besi Indah daerah Petaling, Kementerian Pendidikan sedang menunggu kelulusan Kementerian Kewangan untuk membina sekolah ini secara *design and built*, dengan pihak pemaju.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi ke HAWA. Yang Berhormat bagi Sri Gading – sudah keluar, cadangan supaya HAWA membentuk sekretariat untuk membantu ibu-ibu tunggal yang hidup dalam keadaan yang terhimpit. Kerajaan memang sentiasa peka terhadap nasib ibu-ibu tunggal di negara ini. Justeru, beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan untuk tujuan ini. Di antara program-program tersebut ialah program khas untuk ibu tunggal dalam semua bidang termasuk bidang pertanian, program Ibu Tunggal Waja yang mengandungi empat panel seperti berikut:

- (i) Panel Sokongan dan Kelompok Pembimbing;
- (ii) Panel Sokongan Guaman;
- (iii) Panel Sokongan Ekonomi; dan
- (iv) Panel Sokongan Pendidikan.

Usaha untuk meningkatkan ekonomi ibu tunggal dikategorikan dalam Panel Sokongan Ekonomi melalui Yayasan Pembangunan Wanita Malaysia. Yayasan ini

telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan ekonomi wanita keseluruhan dan ibu tunggal khususnya. Di antara program-program yang dilaksanakan ialah melibatkan ibu-ibu tunggal dalam industri pengeluaran bunga kering secara komersial dan juga penanaman pokok-pokok herba yang dipilih untuk menghasilkan minyak wangi serta produk-produk sucian dan peribadi yang lain.

Di samping program ini, ada pihak-pihak yang terlibat akan terus mengkaji program yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan ibu tunggal dan mengurangkan beban perbelanjaan sara hidup mereka.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah membangkitkan persidangan meja bulat dan supaya ditubuhkan juga kementerian khas untuk wanita. Pada masa ini Jabatan Hal Ehwal Wanita merupakan jentera kerajaan utama yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal wanita khususnya perkhidmatan wanita dalam pembangunan negara. Malahan HAWA yang ditubuhkan hanya sebagai satu unit urusetia di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1983 telah diperkukuhkan dan dinaik taraf sebagai sebuah jabatan pada tahun 1997 dan seterusnya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada Disember 1999. Penubuhan dan pengukuhan HAWA jelas menunjukkan kepekaan kerajaan terhadap isu-isu dan hal ehwal wanita serta hasrat kerajaan untuk meningkatkan penglibatan wanita terhadap proses pembangunan negara yang semakin mencabar.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara juga ingin tahu apakah perkembangan terhadap permintaan-permintaan wanita dalam Persidangan Khas Wanita Tahun 2000. Perhatian akan diberi kepada isu-isu yang dibangkitkan dan akan dijadikan teras kepada perjuangan dan program untuk tahun 2001.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan di mana pusat khidmat wanita akan ditubuhkan dan bagaimana ia akan dikendalikan. Pusat khidmat wanita akan ditubuhkan di setiap negeri dalam kawasan di mana orang ramai mudah untuk mengunjunginya bagi mendapatkan khidmat. Pusat-pusat khidmat wanita ini akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Perundingan Hal Ehwal Wanita di negeri-negeri yang mana buat masa ini adalah merupakan jentera HAWA di peringkat negeri.

Yang Berhormat bagi Arau juga ada membangkitkan mengenai kakitangan HAWA tidak mencukupi untuk melaksanakan tugas menjaga 50% rakyat Malaysia.

Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap masalah yang dihadapi oleh HAWA. HAWA telah pun mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk menambah bilangan jawatan. Pihak agensi pusat sedang memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas permohonan tersebut.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan membekalkan peruntukan kewangan tahun 2001 bagi HAWA telah berkurangan sebanyak 92% daripada RM22,380,400 bagi tahun 2000 kepada RM1,828,200 bagi tahun 2001. Sukalah dinyatakan peruntukan kewangan bagi belanja mengurus tahun 2001 untuk HAWA sebenarnya berkurangan sebanyak 42% iaitu RM22,780,400 bagi tahun 2000 kepada RM13,191,036 bagi tahun 2001. Pecahan peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

- Dasar sedia ada sebanyak RM1,828,200;
- Dasar baru sebanyak RM1,332,836; dan
- One off sebanyak RM10 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi ke JPA. Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan had umur persaraan dilanjutkan. Jabatan Perkhidmatan Awam sedang membuat kajian untuk melanjutkan umur persaraan kakitangan awam sehingga 60 tahun.

Yang Berhormat bagi Larut telah mencadangkan supaya elaun pedalaman dilanjutkan juga kepada kakitangan yang bertugas di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia. Perkara ini sedang di peringkat kajian Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang Berhormat bagi Larut juga mencadangkan supaya bayaran pencen minimum ditetapkan RM480 ke RM500. Perkara ini akan diambil maklum dan tindakan lanjut akan kita buat kajian.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan pegawai-pegawai kerajaan kurang mahu menerima teknologi terkini yang canggih untuk pemodenan pentadbiran dan juga pengurusan kerana peruntukan yang tidak mencukupi. Sukalah dinyatakan pendapat yang mengatakan agensi atau pegawai kerajaan kurang mahu menerima teknologi canggih adalah tidak tepat. Pemilihan teknologi untuk dimanfaatkan dalam kerajaan adalah bergantung kepada kesesuaian teknologi tersebut termasuk keupayaan untuk menyumbang kepada pewujudan persekitaran awam yang lebih produktif. Walau bagaimanapun, adalah amat penting bagi kerajaan untuk

menggunakan teknologi yang mudah diterima oleh kakitangan awam. Ini dapat membantu sektor awam dalam meningkatkan prestasi kerja. Peruntukan untuk tujuan ini selalunya dapat disediakan. Ini termasuk perancangan untuk latihan bagi mereka yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan sama ada MAMPU, JPM dapat memberi khidmat nasihat kepada pelaksanaan ICT. Sukalah dinyatakan MAMPU, JPM sebagai agensi yang bertanggungjawab tentang prasarana ICT sememangnya telah dan akan memberikan khidmat nasihat kepada mana-mana agensi di pelbagai peringkat.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah menjawab semua isu-isu yang dibangkitkan di jabatan-jabatan dan jika ada perkara-perkara yang tidak disentuh kita akan memberi jawatan secara bertulis. Saya akhiri penggulungan saya pada tengah hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM37,324,600 untuk Maksud B.1; RM1,248,600 untuk Maksud B.2; RM47,826,300 untuk Maksud B.3; RM21,113,400 untuk Maksud B.4; RM24,557,200 untuk Maksud B.5; RM7,361,000 untuk Maksud B.6; RM1,316,465,200 untuk Maksud B.7, RM492,639,100 untuk Maksud B.8; RM69,851,600 untuk Maksud B.9; RM34,571,100 untuk Maksud B.10; RM61,404,700 untuk Maksud B.11; RM4,187,300 untuk Maksud B.12; dan RM2,200,300 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM37,324,600 untuk Maksud B.1; RM1,248,600 untuk Maksud B.2; RM47,826,300 untuk Maksud B.3; RM21,113,400 untuk Maksud B.4; RM24,557,200 untuk Maksud B.5; RM7,361,000 untuk Maksud B.6; RM1,316,465,200 untuk Maksud B.7, RM492,639,100 untuk Maksud B.8; RM69,851,600 untuk Maksud B.9; RM34,571,100 untuk Maksud B.10; RM61,404,700 untuk Maksud B.11; RM4,187,300 untuk Maksud B.12; dan RM2,200,300 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,291,685,390 untuk Maksud P.7; dan RM88,975,000 untuk Maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,291,685,390 untuk Maksud P.7; dan RM88,975,000 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] –  
Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.14 hingga B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Saya nampak dahulu Seputeh.

**12.56 tgh.**

**Puan Teresa Koh Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.14, 040000 – Kerajaan Tempatan. Saya ingin menyeru kerajaan mengkaji semula matlamatnya untuk mencapai setinggan sifar pada tahun 2005. Walaupun matlamat ini bagus tetapi ia memang merupakan satu matlamat yang tidak begitu praktikal dalam tempoh ekonomi yang tidak begitu bagus sekarang khususnya di kawasan Kuala Lumpur di mana terdapatnya banyak setinggan.

Kerajaan tempatan selalunya cekap dari segi menghalau penduduk setinggan dan merobohkan rumah-rumah mereka. Malah dari rumah yang didiami oleh para penduduk setinggan selama berpuluh-puluh tahun, tetapi kerajaan tempatan misalnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kelihatan tidak cekap dari segi membekal rumah gantian dan perumahan kos rendah untuk mereka. Kadar penghalauan para setinggan adalah lebih cepat daripada kadar kerajaan tempatan membina rumah kos rendah untuk mereka. Cara begitu pun menyusahkan kepada penduduk setinggan khususnya mereka yang duduk di sekitar Kuala Lumpur. Golongan penduduk setinggan ini

kebanyakan merupakan golongan yang miskin di bandar sehingga mereka terpaksa duduk di rumah setingan. Kerajaan mempunyai tanggungjawab moral untuk menjaga kebajikan golongan yang berpendapat rendah dan kurang bernasib tersebut. tetapi malangnya kerajaan selalu memberi alasan bahawa rumah pangsa kos rendah tidak mencukupi untuk mengelakkan tanggungjawab mereka selepas penghalauan para penduduk setingan.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa penduduk setingan sekarang di Malaysia dan berapa unit kos rendah yang akan dibina oleh kerajaan untuk memenuhi permintaan sekarang di sekitar Kuala Lumpur dan juga di seluruh negara. Saya berharap kerajaan mengkaji semula matlamat setingan sifar tersebut atau perlahankan kadar penghalauan setingan tersebut ataupun melambatkan tarikh tamat untuk mencapai matlamat setingan sifar khususnya dalam tempoh di mana kerajaan dan rakyat jelata yang sedang menghadapi masalah ekonomi.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan masalah double standard dari segi penghalauan penduduk setingan ataupun pencerobohan rumah setingan dari tanah kerajaan. Dalam jawapan Jabatan Perdana Menteri yang diberi kepada satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Cheras dalam sidang Parlimen yang lepas, beliau diberitahu bahawa Pejabat UMNO Seputeh, UMNO Cheras dan UMNO Bandar Tun Razak merupakan bandar haram tanpa kebenaran yang ditempatkan di tanah kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, boleh sambung petang ini.

**Puan Teresa Koh Suh Sim:** Walaupun sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sambung petang ini, lapan minit lagi. Kita bagi sambung lagi.

**Puan Teresa Koh Suh Sim:** Okay.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita ditangguh hingga pukul 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam bermula pada 20 November hingga 23 November 2000.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam bermula pada 20 November hingga 23 November 2000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Majlis dalam Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh, sila sambung.

**2.34 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam jawapan Jabatan Perdana Menteri yang diberi kepada satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Cheras dalam sidang Parlimen yang lepas, beliau diberitahu bahawa Pejabat UMNO Seputeh, UMNO Cheras dan UMNO Bandar Tun Razak merupakan bangunan yang didirikan di tanah kerajaan tanpa kebenaran.

Selain itu, saya juga diberitahu bahawa UMNO Seputeh malah mengutip sewa ataupun wang daripada kedai-kedai penjual kereta lama di sekeliling bangunannya. Apakah UMNO Seputeh mempunyai kuasa untuk mengutip sewa daripada pengurus perniagaan setingan di tanah kerajaan? Bukankah ini suatu bentuk politik wang yang bercanggah dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membanteras politik wang di Perhimpunan Agung pada minggu yang lalu? Bukankah ini merupakan perkara yang menyakitkan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di samping menjejaskan imej UMNO?

Isu ini dibongkarkan apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil tindakan untuk mengusir para pekedai penjual kereta lama tersebut pada akhir bulan Mei tahun ini. Walau bagaimanapun, kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap UMNO Seputeh setelah perkara ini dibentangkan kepada mereka.

Apakah kerajaan mengamalkan *double standard* ini sedangkan pihak UMNO dan kerajaan melaung-laungkan langkah untuk membasmi rasuah di samping mengambil tindakan yang pantas untuk mengusir penduduk miskin yang duduk di kawasan setingan yang lain. Saya menyeru kerajaan mengambil langkah untuk membetulkan keadaan *double standard* ini.

Saya ingin merujuk B.14 – 030000 – Perumahan. Mengikut Seksyen 8 dalam Akta Strata tahun 1985, pemaju harus memohon hak milik strata dalam tempoh enam bulan selepas perjanjian jual beli pertama dibuat. Tetapi selalunya pemaju melengah-lengahkan untuk memohon hak milik strata dan menyusahkan para pembeli rumah.

Walaupun Akta Strata ini digubalkan pada tahun 1985 tetapi banyak bangunan flat dan kondominium yang lama di Kuala Lumpur khususnya di Jalan Tiong Nam, Jalan Brunei dan lain-lain, kesemua tuan punya unit ini masih belum menerima hak milik strata sehingga hari ini. Persoalan sekarang ialah, siapakah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan akta ini. Adakah ini tanggungjawab Pejabat Tanah dan Galian ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

Penghuni yang menghadapi masalah hak milik strata ini selalu ditolak ke sana sini, bila mereka pergi ke Pejabat Tanah dan Galian, mereka disuruh pergi ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Jadi, agensi apakah yang perlu mereka minta bantuan.

Dari segi Housing Developers (Control and Licensing) Act 1966 pula, akta ini hanya mengawasi kondominium dan bahagian kediaman dalam kedai rumah tetapi ia tidak mengawasi bahagian kedai dan pejabat. Ini adalah amat tidak munasabah kerana jika seseorang pembeli kedai rumah ingin menjadikan ia sebagai kediaman, pemaju boleh membuat apa-apa yang mereka suka di bahagian kedai dan lain, sehingga menjejaskan manfaat penghuni yang duduk di kedai rumah tersebut.

Selain daripada masalah ini, pemaju yang membina kompleks, lot kedai dan bungalow lots adalah tidak dikawal oleh apa-apa undang-undang.

Saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian manakah yang mengawal kompleks lot kedai dan banglo ini? Memandangkan tiada undang-undang digubal untuk mengawal perumahan jenis ini, bukankah kerajaan harus mengadakan undang-undang terhadap aspek pembinaan ini?

Akhir sekali, saya ingin menanya bilakah undang-undang baru mengenai perumahan yang telah lama disebut-sebutkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dibentangkan di Parlimen. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah isi kandungan akta tersebut dan bilakah ia akan dibentangkan di Parlimen? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kluang.

**2.38 ptg.**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Di bawah B.14 – Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Butiran 010400 – Pelesenan dan juga 010500 – Pengawasan dan Penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kementerian mengenai permit untuk diberikan kepada aktiviti-aktiviti ekspu iaitu ekspu jualan barangan di seluruh negara kita. Saya bangkitkan perkara ini kerana di kawasan saya iaitu di bandar Kluang dalam setahun ini sudah dua kali mengadakan ekspu di tempat yang sama iaitu di tengah-tengah bandar Kluang iaitu pada bulan Mei dan Oktober yang telah menimbulkan banyak masalah seperti kesesakan lalu lintas dan juga banyak gerai ekspu ini telah menutup kawasan masuk ke ke dai yang sedia ada di kawasan ekspu yang dijalankan itu.

Masalah mereka ini, pekedai-pekedai yang sedia ada harus membayar sewa yang begitu tinggi dan perniagaan mereka terjejas. Pada bulan Mei tahun ini apabila ekspu ini dijalankan, pekedai-pekedai di kawasan itu memang pernah membuat bantahan kepada pihak berkuasa tempatan termasuklah pejabat daerah, majlis daerah, pihak polis dan sebagainya. Dan saya sebagai wakil rakyat di kawasan itu apabila ditemui dan berdialog dengan mereka, kita sebulat suara memutuskan dan juga mencadangkan kepada pihak berkuasa supaya pada masa yang akan datang, aktiviti-aktiviti ekspu seumpama ini harus dijalankan di tempat yang diputuskan oleh pihak pejabat daerah, majlis daerah, polis dan juga persatuan yang mewakili peniaga-peniaga di bandar Kluang ini supaya masalah-masalah yang saya sebutkan tadi tidak akan timbul.

Tetapi malangnya pada bulan Oktober yang lalu, sekali lagi ekspu ini dijalankan secara besar-besaran di tempat yang sama sehingga pekedai-pekedai di tempat itu harus membuat bantahan melalui cara tunjuk perasaan dan membawa kesan yang begitu buruk kepada masyarakat. Jadi, pada saya, perkara ini sepatutnya tidak patut berlaku dan boleh dielakkan, jika kerajaan ada mengadakan satu garis panduan yang jelas, yang teratur dan sesuai untuk mengeluarkan permit untuk aktiviti ekspu yang saya sebutkan tadi.

Maka di sini saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya pihak kementerian dapat mengadakan satu koordinasi yang baik kepada semua pihak

berkuasa tempatan supaya kita betul-betul duduk bersama-sama dengan pihak majlis daerah, pejabat daerah, pihak polis dan juga persatuan-persatuan peniaga yang mewakili di kawasan tersebut supaya kita dapat mengadakan satu garis panduan yang baik untuk menentukan tempat.

Saya rasa tempat itu adalah penting, kalau kita pilih satu tempat yang tidak sesuai, pasti akan berlaku banyak masalah dan juga peniaga-peniaga di tempat yang tersebut akan membuat satu bantahan yang begitu tidak diingini kerana mereka harus membayar sewa yang begitu mahal dan masalah lalu lintas pun akan berlaku.

Jadi, di sini saya sekali lagi ingin merayu kepada pihak kementerian supaya dapat mengambil berat tentang perkara ini supaya perkara yang tidak baik ini tidak akan berlaku di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, di bawah B.16 – Jabatan Bomba dan Penyelamat, Butiran 00100 – Balai Bomba dan Bangunan dan juga 040000 – Operasi Kebombaaan. Saya lihat dalam Belanjawan 2001 ini di bawah butiran Balai Bomba dan Bangunan ada peruntukan sebanyak RM74.8 juta dan dari segi operasi kebombaan itu ada RM100 juta lebih.

Di sini saya ingin meminta kementerian supaya melihat perkara yang berlaku di kawasan saya ini iaitu pertamanya, di bandar Kluang ataupun di seluruh kawasan Kluang ini di mana pili-pili bomba ini, saya minta supaya pihak Bomba dapat sentiasa menyiasat tentang pili-pili bomba di kawasan Kluang ini, sebab apabila berlaku satu kebakaran seperti baru-baru ini berlaku satu kebakaran di tengah-tengah bandar Kluang, walaupun ahli bomba sempat berkejar ke tempat yang berkenaan, tetapi apabila cari pili-pili bomba ini, kadang-kadang tidak jumpa pili-pili bomba dan kadang-kadang bila dapat pili-pili bomba ini tidak berfungsi pula.

Jadi, perkara ini kalau berlaku apabila satu kebakaran berlaku, walaupun kita hendak selamatkan bangunan ataupun nyawa, tetapi kerana pili-pili bomba ini akan menjejaskan kerja ahli-ahli bomba dan seterusnya akan mengakibatkan kerugian harta benda dan kadang-kadang nyawa pun terkorban. Jadi, saya haraplah pihak kementerian dapat mengarahkan kepada pihak bomba supaya sentiasa menyiasat pili-pili bomba yang ada di seluruh kawasan khususnya di kawasan Kluang ini supaya kita

dapat memastikan pili-pili bomba ini dapat dalam keadaan yang baik untuk tujuan kita menyelamatkan apabila berlaku satu kebakaran.

Dan yang kedua tentang balai bomba ini. Di kawasan saya di pekan Paloh iaitu P- A-L-O-H. Penduduk Paloh ini memang lama memohon satu balai bomba di kawasan pekan Paloh ini. Tetapi apabila permohonan dikemukakan pihak bomba meminta supaya dapat ditubuhkan satu pasukan bomba sukarela. Jadi melalui JKKK Paloh ini mereka telah pun menubuhkan pasukan bomba sukarela beberapa tahun dahulu dan latihan pun pernah dijalankan. Dan saya rasa sudah tiba masanya kementerian dapat melihat perkara ini supaya permohonan di pekan Paloh ini dapat dipertimbangkan. Saya rasa dengan adanya satu balai bomba kalau tidak sanggup untuk mengadakan ramai ahli bomba pun tidak apa, sekurang-kurangnya ada satu dua orang ahli bomba yang bertugas di balai tersebut. Mungkin dengan adanya bantuan ataupun kerjasama daripada pasukan bomba sukarela ini supaya dari segi kawalan ataupun perkara untuk kita jaga keselamatan dari segi harta benda dan nyawa penduduk di kawasan pekan Paloh ini dapat dipelihara. Jadi Tuan Pengerusi, itulah dua tiga perkara dapat saya sampaikan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tampin.

**2.47 petang.**

**Tuan Shahziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga kepada pihak kementerian kerana pada pagi ini juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menghantar wakil ke kawasan saya di Tampin untuk membentangkan plan pembangunan struktur bahagian Tampin sehingga tahun 2015. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih. Pada hari ini saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan B.14, 010500 - Pengawasan dan Penguatkuasaan, 010600 – Perundangan.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka mengambil kesempatan yang ada ini untuk meminta sedikit penjelasan dari pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung dengan majlis daerah-majlis daerah yang saiznya tidak begitu

besar dan akibatnya majlis daerah-majlis daerah seperti ini tidak mempunyai pegawai-pegawai berhubung dengan undang-undang yang menyebabkan kadang-kadang tindakan-tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan seperti peniaga-peniaga yang berniaga tanpa lesen atau menyalahi undang-undang ataupun mereka yang tidak bayar parking ticket terlepas begitu sahaja. Sebagai contoh di tempat saya Tampin, majlis daerahnya tidak mempunyai pegawai perundangan ataupun pembantu pegawai undang-undang sebaliknya jika terdapat kes-kes yang perlu diketengahkan atau dipertimbangkan untuk dibawa ke mahkamah terpaksa dirujuk kepada penasihat undang-undang negeri yang kita sedia maklum penasihat undang-undang negeri juga sudah sedia ada mempunyai beban tugas yang banyak. Kadang-kadang kes-kes itu dibawa ke tengah dan kadang-kadang kes itu dibiarkan begitu sahaja. Ini boleh menyebabkan pegawai-pegawai penguat kuasa yang menjalankan tugas merasakan tugas mereka tidak bermatlamat kerana saman-saman yang dikeluarkan hanya diibaratkan sebagai kertas yang tidak ada nilai. Adalah diharapkan pihak kementerian dapat membekalkan setiap majlis daerah dengan penolong pegawai undang-undang untuk menyelesaikan masalah-masalah perundangan di sesuatu Majlis Daerah.

Akhirnya P.14, 00100 – Projek Kecil Di Kawasan-kawasan, 00200 – Bantuan Khas kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan 00300 – Program Kebersihan. Saya sememangnya menyambut baik peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk projek-projek kecil di sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan termasuklah kadang-kadang menyediakan gerai-gerai yang lebih teratur untuk para penjaja berniaga ataupun kadang-kadang menyediakan pondok-pondok menunggu bas yang boleh membantu dan menyenangkan orang ramai. Permasalahannya ialah projek-projek apabila telah siap timbul pula kos bagi baik pulih ataupun pengurusan setelah beberapa tahun digunakan. Di sinilah saya lihat ada sedikit kelemahan pihak penguatkuasaan tempatan menghadapi masalah menguruskan projek-projek yang telah dibangunkan terutamanya pihak penguasaan tempatan yang pendapatan tahunannya agak rendah.

Saya mencadangkan agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbangkan peruntukan untuk projek-projek kecil di sesuatu kawasan itu dan

menyeimbangkannya dengan perbelanjaan pengurusan. Ini saya nyatakan kerana tidak ada makna Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan beri peruntukan untuk projek-projek kecil tetapi gagal menguruskannya dengan rapi. Akhirnya menyakitkan mata orang ramai memandang dan masyarakat setempat akan kecewa dan marah.

Seterusnya saya juga meminta jasa baik pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji bantuan khas kepada pihak berkuasa tempatan yang kecil kerana saya lihat ada kawasan-kawasan seperti tempat saya sendiri permintaan untuk mengadakan lampu jalan ke taman-taman perumahan dan jalan-jalan ke kawasan-kawasan perumahan begitu banyak yang mana kelihatan pihak penguasa tempatan menghadapi masalah sekiranya menunaikan segala permintaan-permintaan ini kerana terpaksa menanggung kos bayaran bulanan. Oleh itu diharapkan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberi garis panduan ke kawasan-kawasan perumahan yang sebagaimana harus dibekalkan lampu-lampu jalan dan bagaimana pula untuk setiap majlis daerah itu menanggung kos tanggungan bulanannya. Saya rasa itu sahaja pandangan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

### **2.50 petang**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ambil kesempatan ini untuk bercakap mengenai dengan kedudukan setinggan. Kita semua tahu bahawa di seluruh negara kita mempunyai jumlah setinggan dan saya yakin kementerian ini mempunyai perangkaan terhadap statistik setinggan di seluruh negara. Walau bagaimanapun untuk tujuan perbincangan pada petang ini saya ingin memberikan satu imbasan bahawa sebahagian daripada penduduk di bandar-bandar besar masih berstatus setinggan.

Bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan terdapat sejumlah 190,000 orang daripada penduduk adalah berstatus setinggan. Bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan kedua-duanya adalah kawasan yang paling maju di negara kita terdapat masing-masing 168,000 dan 129,000 penduduk setinggan masing-masing bagi Selangor dan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dan angka-angka yang lain adalah lebih kecil daripada tersebut.

Dalam kesempatan yang sama saya ucap tahniah kepada kerajaan negeri Melaka kerana Melaka mempunyai peratus setinggan 0%. Satu-satunya negeri yang bebas daripada setinggan di Malaysia. [*Tepuk*] Saya rasa negeri-negeri lain terutama Selangor yang Menteri Besarnya adalah orang muda dapat belajar daripada Melaka dalam hal ini. Dalam tajuk lain jangan belajarlah. [*Ketawa*]. Ini menunjukkan bahawa keadaan negara kita masih tidak seimbang seperti yang telah saya sebutkan beberapa kali sebelum ini.

Kalau kita melihat buku belanjawan kita, kita lihat bahawa peruntukan untuk pemindahan rumah setinggan ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya juga tidak faham kenapa peruntukan ini tidak boleh diletakkan secara langsung di bawah kementerian ini. Dan bagi tahun ini peruntukan ini telah pun dihapuskan iaitu kosong telah diperuntukkan sedangkan pada tahun yang lepas Jabatan Perdana Menteri telah memperuntukkan RM400,000 bagi butiran pemindahan rumah setinggan. Tetapi pada tahun ini langsung tidak diperuntukkan apa-apa sedangkan masalah kita masih lagi besar dan berterusan dan jika kita membaca surat khabar saban hari kita melihat kebelakangan ini dan juga masa-masa sebelum ini kawasan-kawasan setinggan telah dijilat oleh kebakaran yang telah mengakibatkan mangsa-mangsa kehilangan rumah dan kita boleh lihat bagaimana kesengsaraan mereka. Mereka terpaksa berpindah dan tinggal sehelai sepinggang dan kemudahan bomba di kawasan-kawasan setinggan adalah tidak setaraf dan kebakaran-kebakaran ini tidak dapat dikawal lebih awal menyebabkan satu jumlah kerosakan yang begitu besar kepada mangsa-mangsa.

Pada masa yang sama juga kita lihat keadaan di mana apabila satu-satu kawasan ini ingin dimajukan oleh pemilik yang asal ataupun diberikan kelulusan baru oleh pihak berkuasa mereka terpaksa berpindah. Dan saya masih ingat dalam satu kajian yang telah saya buat di kawasan Pantai Dalam mereka telah pada mulanya dipujuk berpindah dengan tujuan supaya mereka akhirnya akan diberikan perumahan yang lebih selesa tetapi mereka menunggu sampai berbelas tahun, tiga kali pilihan raya mereka masih duduk di rumah panjang yang ditempatkan sementara dan keadaannya adalah amat tidak selesa.



Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah faham kedudukan kawasan setinggan dari segi perparitan, dari segi kebersihan, dari segi kemudahan-kemudahan asas yang lain adalah amat jelek dan buruk. Dan inilah keadaan yang kita hadapi. Saya ingin tahu adakah kementerian ini mempunyai satu rancangan yang konkrit pada masa ini dan pada masa akan datang bagaimana untuk menempatkan semula setinggan ini dan mempunyai satu pelan besar-besaran bagi menyelesaikan masalah ini walaupun dari segi sejarah kita tahu bahawa sebahagian daripada kewujudan setinggan di kawasan-kawasan bandar ialah oleh kerana faktor sejarah. Apabila berlaku 13 Mei dan kedudukan orang-orang Melayu di kawasan bandar adalah minimum maka kerajaan pada waktu itu pada asasnya menggalakkan orang-orang Melayu untuk duduk di bandar walaupun mereka hanya duduk menumpang di tanah-tanah kerajaan dan status mereka adalah setinggan. Tetapi keadaan pada hari ini sudah berubah. Kedudukan negara kita dan suasana politik negara kita membolehkan kedudukan setinggan-setinggan ini diatur dengan cara yang lebih tersusun pada masa-masa yang akan datang.

Kita belum lagi bercakap mengenai mutu hidup rumah mereka, bagaimana keadaan bilik-bilik mereka bersesak-sesak dalam satu rumah. Ini semua adalah masalah asas. Telah beberapa kali saya telah sebutkan bahawa masalah asas pada pandangan Islam mestilah menjadi priority mana-mana kerajaan yang mempunyai allocation yang cukup daripada hasil negara tetapi gagal untuk addressed dengan izin, masalah-masalah asas ini adalah telah melakukan satu kesalahan. Dan ini bukan satu perkara politik. Jika sekiranya kerajaan boleh membasmi kedudukan masyarakat setinggan saya yakin ini memberikan keuntungan politik kepada kerajaan dan pada waktu itu pembangkang tidak ada kesempatan untuk eksploitasi. Tetapi malangnya ialah kerajaan memandang ringan kedudukan setinggan kerana mereka tidak mempunyai satu bargaining politic yang kuat untuk memaksa kerajaan mengambil perhatian terhadap mereka.

Saya merujuk kepada Butiran 01901 dan 01902 – Rancangan Tempatan dan Perancangan Struktur. Seperti mana yang telah digariskan oleh kementerian ini bahawa semua pihak berkuasa tempatan mesti mempunyai pelan struktur dan pelan tempatan masing-masing. Tetapi saya yakin bahawa sebahagian daripada majlis

daerah ataupun kerajaan tempatan belum memiliki pelan ini termasuklah di Kelantan dan Terengganu. Saya berharap bahawa dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ke-8 dan juga untuk 2001 ini tidak ada mana-mana pihak berkuasa tempatan didiskriminasikan dari segi peruntukan untuk menyiapkan rancangan struktur dan perancangan tempatan mereka masing-masing termasuk di Terengganu dan di Kelantan saya percaya ada satu dua majlis daerah di Terengganu yang belum menyiapkan pelan ini. Dan saya berharap mereka tidak dipotong peruntukan seperti yang telah ditetapkan sebelum daripada ini.

Saya bangkitkan ini memandangkan kepada Butiran 08200 – Rancangan Perparitan Kuala Terengganu yang telah dianggarkan peruntukannya ialah sejumlah kalau tidak silap saya RM38 juta dan telah pun digunakan sekitar RM25 juta. Maksudnya jika sekiranya anggaran ini adalah tepat bahawa pamaritan ini belum lagi sempurna. Tetapi bagi peruntukan untuk 2001 adalah kosong. Jadi saya tidak faham adakah rancangan itu telah siap ataupun ini selaras dengan penarikan royalti yang memperkenalkan wang ihsan. Saya rasa kalau ihsan itu menjadi dasar maka tidak ada sebab perancangan pamaritan Kuala Terengganu di bawah Kerajaan Terengganu ditiadakan peruntukan. Saya mohon sedikit penjelasan berkaitan dengan perkara ini.

Kita juga tahu bahawa satu daripada fenomena harian yang kita hadapi apabila berjalan di kawasan bandar-bandar ataupun di jalan-jalan raya ialah kerja-kerja mengorek yang sentiasa berulang n ataupun berterusan. Hari ini korek oleh Tenaga Nasional ditimbus dan esok Telekom korek dan timbus esok orang lain korek pula – Sri Gading ataupun Rompin dan lain-lain. Masalah yang saya hendak kemukakan ialah adakah tidak kementerian ini mempunyai satu agenda untuk memastikan bahawa pihak-pihak ataupun lembaga yang mempunyai talian mereka masing-masing yang melalui jalan raya dan persekitaran bandar dikongsi bersama kemudahan laluan kabel mereka dan dengan itu dapat menjimatkan kos dan kita juga tahu bahawa sistem telekomunikasi negara kita dan Tenaga Nasional Berhad saya rasa boleh mengatur satu perkongsian untuk menggunakan laluan yang sama dan dengan itu perulangan pengorekan ini dapat dikurangkan. Saya rasa itulah apa yang saya hendak bangkitkan di bawah kementerian ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**2.59 petang**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 01000 iaitu pengurusan. Saya ingin membangkitkan mengenai dengan soal sistem menetapkan harga rumah. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian mekanisme pemaju perumahan menetapkan harga rumah. Adakah harga ditetapkan oleh mereka sendiri ataupun meminta kelulusan daripada kementerian.

Saya membangkitkan perkara ini kerana perkara ini amat penting kerana jika harga rumah tinggi, masyarakat tidak dapat membeli. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya difahamkan dari segi hartanah yang tidak dijual, memakan kos RM100 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada betul atau tidak. Jikalau ini betul, apakah langkah diambil untuk memastikan pembelian ke atas hartanah yang sudah siap yang tidak dibeli kerana ini akan mengakibatkan kepada *financial dislocation*, dengan izin. Ini bermakna pinjaman bank telah digunakan untuk satu pembangunan hartanah yang begitu banyak dan pembayaran balik tidak dibuat pada bank.

Kedua, saya melihat dari segi harga yang tinggi ini, ia akan mengakibatkan kepada peminjaman wang daripada bank yang digunakan untuk pembangunan perumahan. Jika harga rumah rendah, bermakna bahawa sebahagian daripada pinjaman bank ini boleh digunakan untuk sektor yang lebih produktif seperti ekonomi dan per ekonomi. Dan dari segi individu pula, oleh kerana sikap manusia mahu kepada rumah yang lebih berkualiti, walaupun pendapatannya tidak begitu besar, dia sanggup untuk membeli rumah yang berharga lebih tinggi lagi. Oleh itu, pembeli selama tempoh pinjaman 15 hingga 20 tahun menghadapi masalah untuk membayar hutang. Akhirnya, pembeli tidak mempunyai duit yang cukup untuk perbelanjaan. Ini menjejaskan kualiti hidup pembeli, di samping itu juga menjejaskan dari segi permintaan agregat dalaman. Bermakna bahawa harga rumah ini mempunyai kesan yang besar dalam ekonomi negara kita.

Saya ingin memberi pandangan kepada kerajaan. Pertama, boleh atau tidak kerajaan campur tangan dalam menentukan harga rumah? Mungkin kerajaan boleh membuat sistem, oleh kerana kementerian ada Jabatan Perancangan, Majlis Bandaran,

Majlis Tempatan dan sebagainya, kita menetapkan zoning. Bagi rumah-rumah yang berharga tertentu untuk zon tertentu. Kemudian, katalah zon RM50 ribu ke bawah, RM51 ribu, RM100 ribu, RM200 ribu dan lebih daripada RM300 ribu, diberi kebebasan kepada pemaju untuk menetapkan harga. Saya berharap kerajaan atau kementerian tidak *pro* kepada pemaju dengan memberi pemaju membuat perumahan dengan harga yang ditetapkan oleh pemaju dan akhirnya pemaju mendapat keuntungan yang besar dan ini tidak memberi servis kepada masyarakat dan juga negara kita.

Kedua, di bawah projek terbengkalai. Di dalam laporan ini, ada menyatakan ada 40 projek terbengkalai. Projek terbengkalai ini memberi masalah yang cukup besar kepada pembeli. Di kawasan saya ada dua projek yang menghadapi masalah-masalah projek terbengkalai. Dari segi individu, dia terpaksa membayar hutang, sama ada dengan kerajaan ataupun dengan bank. Di samping itu, oleh kerana rumah tidak siap, dia terpaksa sewa rumah. Dan untuk *remedynya*, dia tidak ada satu *remedy* yang baik. Terpaksa pergi melalui *legal recourse*, dengan izin, dan ini memerlukan kepada pembeli mendapat *consensus*, kemudian melantik *lawyer* dan seterusnya pergi ke mahkamah. Ini memakan masa yang cukup panjang.

Di samping itu, pada masa sekarang, pembeli-pembeli menghadapi kesukaran dalam keadaan yang cukup *frustration*, menghadapi masalah ini dan ada perumahan-perumahan yang dijangka tidak akan disiapkan oleh pemaju. Saya ingin memberi pendapat, pada pandangan saya, tidakkah boleh projek-projek begini diambil alih oleh pihak kerajaan? 40 projek terbengkalai, berapakah kos projek tersebut, terutama projek-projek yang mempunyai *viability*? Saya percaya kerajaan boleh mengambil alih projek tersebut dan menyiapkan projek. Pertama, ini akan menguntungkan dari segi projek siap. Bermakna tanah yang telah diperuntukkan untuk perumahan, dibangun dan dimajukan dengan perumahan, satu keuntungan kepada ekonomi negara kita.

Kedua, dari segi masalah kewangan tadi, *financial dislocation* dengan kerajaan sendiri menyiapkan projek tersebut, *financial dislocation* ini boleh diatasi.

Ketiga, untuk memberi kepada pembeli-pembeli yang menghadapi kesukaran ini, menerima rumah, bermakna menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pembeli

dari segi *frustration* mereka – terpaksa membayar hutang, menyewa rumah dan didapati rumah tidak siap. Jadi, sehubungan dengan itu, saya percaya kerajaan perlu melihat balik kepada undang-undang negara kita supaya projek-projek terbengkalai ini tidak begitu sukar untuk dipindah kepada pihak lain – diambil alih oleh kerajaan atau pemaju lain.

Dalam keadaan sekarang ini, undang-undangnya begitu sukar. Satu projek yang dimajukan oleh satu pihak yang tidak dapat menyiapkan projek tersebut, hendak dipindahkan kepada pemaju lain memakan masa yang panjang dan ada undang-undang yang akhirnya begitu sukar untuk projek tersebut dilaksanakan oleh pihak lain. Dengan itu, sebahagian daripada penduduk kita yang membeli rumah tersebut menghadapi keadaan yang begitu sukar.

Ketiga, di bawah Butiran 03100. Amat penting perkara ini dilihat semula oleh pihak kementerian tentang kemajuan perkampungan. Saya ingin menggunakan andaian di Majlis Bandaraya Ipoh. Di Majlis Bandaraya Ipoh, ada banyak projek rancangan perkampungan tersusun. Dalam perbincangan dengan pihak Majlis Bandaraya Ipoh, keperluan untuk pembangunan infrastruktur dari segi jalan, perparitan dan lampu jalan, memerlukan sebanyak RM50 juta untuk keseluruhan kawasan rancangan perkampungan tersusun. Malah, perkara ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Pusat semenjak beberapa tahun lalu.

Di dalam Belanjawan ini, diluluskan sebanyak RM8 juta sahaja untuk kemajuan perkampungan dan RM8 juta ini tentulah untuk digunakan untuk satu negara. Apabila saya lihat dari segi purata penggunaan Majlis Bandaraya Ipoh dari segi kemajuan perkampungan, mungkin mendapat beberapa ratus ribu ringgit sahaja. Ini tidak memenuhi tuntutan untuk keperluan sebanyak RM50 juta. Jadi, bagaimanakah dasar kerajaan mengenai dengan kampung-kampung Melayu ini dalam kawasan bandar raya. Kalau tidak silap saya, di negara kita ada beberapa sahaja majlis bandaraya – Kuala Lumpur, Ipoh, saya ingat Pulau Pinang, Johor kalau tidak silap saya empat. Tidak...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Shah Alam!

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Shah Alam sekali ya. Ha, okay, lima. [Ketawa] Jadi, tidakkah boleh pihak kementerian *tackle* di peringkat

bandar raya dahulu, bangunkan kampung-kampung Melayu ini dengan infrastruktur yang mencukupi? Jikalau saya lihat dari segi kelulusan yang diberikan sebanyak RM8 juta ini, bermakna ia akan memakan masa puluhan tahun, barulah kampung-kampung Melayu di dalam kawasan bandar raya mendapat kemudahan yang sempurna. Tidakkah dari segi kementerian, merasakan bahawa dalam kawasan bandar raya, kita mesti mempunyai satu bandar yang teratur. Kita tidak mahu melihat satu kawasan yang membangun dengan sempurna dan satu kawasan yang tidak membangun dan ini mempunyai kesan yang cukup meluas.

Di tempat saya, ada kawasan Melayu yang tidak mempunyai infrastruktur yang cukup, meninggalkan kesan dari segi masalah sosial, dari segi pendidikan, dari segi gejala sosial dan sebagainya. Apabila dalam kawasan bandar raya, semua tempat terang tetapi tempat orang Melayu tidak ada lampu jalan, gelap. Jalan tidak teratur. Parit tidak ada, banjir. Jadi, anggota masyarakat ini menjadi huru-hara dari segi pemikiran mereka, anak-anak hendak sekolah, malam gelap dia tidur cepat. Tidak ada insentif untuk dia maju kerana suasana yang begitu gelap. Adakah suasana ini yang kita hendak biarkan berlarutan di dalam negara kita?

Jadi, saya berharap kepada kementerian, pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi jawapan, apakah dasar kerajaan tentang kampung-kampung Melayu di dalam bandar raya? Dan berapa lamakah kerajaan hendak mengambil masa untuk menyelesaikan masalah yang menjadi asas keperluan kepada penduduk tersebut? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jelutong.

**3.10 ptg.**

**Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara di bawah Kepala Bekalan B.14 iaitu berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang pertama sekali adalah berkaitan dengan Butiran 010000 iaitu Pengurusan. Saya difahamkan di majlis-majlis perbandaran tertentu, ada mahkamah-mahkamah perbandaran diwujudkan. Saya harap kementerian dapat memberitahu setakat ini, ada berapa mahkamah-mahkamah perbandaran ini telah diwujudkan di seluruh negara? Tujuan utama mahkamah-mahkamah perbandaran diwujudkan

adalah untuk mempercepat proses pengutipan kompaun yang telah dikeluarkan oleh majlis-majlis perbandaran berkenaan. Saya berharap kementerian dapat menukar tujuan utama mahkamah-mahkamah perbandaran ini daripada *punishment based*, dengan izin, kepada *service based* iaitu mahkamah-mahkamah perbandaran ini ditanggunjawabkan untuk menyelesaikan aduan-aduan dari pembayar-pembayar cukai pintu dengan cepat dan murah berkaitan dengan kes-kes seperti kebersihan dan kemalangan yang diakibatkan oleh lubang-lubang di jalan raya dan sebagainya.

Yang kedua adalah berkaitan dengan Butiran 040000 iaitu Kerajaan Tempatan. Bagi rakyat jelata, kelulusan pelan tambahan atau *extension*, dengan izin, oleh individu adalah *notoriously slow and with tremendous red tape*, dengan izin, oleh kerajaan tempatan. Ini telah menyebabkan *extension-extension* haram begitu berleluasa di negara kita. Begitu juga dengan kelulusan pelan bangunan dan kelulusan pengeluaran sijil kelayakan menduduki untuk bangunan-bangunan baru. Saya berpendapat salah satu daripada cara penyelesaian masalah-masalah ini adalah majlis-majlis perbandaran dan daerah diwajibkan untuk mendapatkan pengiktirafan ISO. Untuk meningkatkan prestasi dan imej majlis-majlis perbandaran dan daerah, adakah kementerian mengadakan atau *set* satu *target date*, dengan izin, supaya semua majlis tempatan mendapat pengiktirafan ISO ini? Dan saya juga harap kementerian dapat beritahu setakat ini, berapakah majlis tempatan yang telah dapat pengiktirafan ISO dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh majlis-majlis tempatan yang lain untuk mendapatkan pengiktirafan ini?

Yang ketiga adalah berkaitan dengan Butiran 00500 iaitu Pengurusan Sisa Pepejal. Di kawasan saya, Jelutong, yang terletak di tengah-tengah kota raya Georgetown, kita mempunyai satu pusat pelupusan sampah-sarap di mana semua sampah-sarap di seluruh Pulau Pinang dibuang di tempat ini. Ini telah menjadi satu *health hazard*, dengan izin, untuk warga kawasan saya. Pusat pelupusan sampah-sarap ini telah penuh dan satu tempat terpencil di Pulau Burung dalam kawasan Nibong Tebal, telah dikenal pasti oleh kerajaan negeri tetapi sampai hari ini, pusat tersebut masih belum dipindahkan. Saya harap pihak kementerian dapat memberitahu sebab-sebab kelewatan pemindahan pusat pelupusan sampah-sarap ini.

Saya juga difahamkan bahawa sistem pelupusan sisa pepejal di negara kita akan dibahagikan dalam empat zon. Masalahnya adalah pelaksanaan sistem ini telah digantung. Akibatnya, majlis-majlis tempatan telah tidak dapat merancang dengan tepat dan betul, program-program pembelian alat-alat atau mesin-mesin atau *acquisition programme*, dengan izin, untuk tujuan kebersihan kawasan. Untuk mengelakkan keadaan yang tidak sihat ini berterusan, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Yang keempat adalah berkaitan dengan Butiran 00300 – Program Kebersihan. Salah satu sebab mengapa Program Kebersihan Kerajaan Tempatan terjejas adalah kerana gaji pekerja-pekerja manual yang rendah. Akibatnya, pekerja-pekerja manual ini terpaksa mengambil kerja sampingan atau menjalankan perniagaan sampingan untuk menampung kos kehidupan mereka. Ini telah menyebabkan pekerja-pekerja manual ini datang kerja pada pukul 8.00 pagi, minum kopi pada pukul 9.00 pagi dan hilang pada pukul 10.00 pagi. Saya harap kementerian dapat mengkaji dan mengambil berat tentang masalah ini dan tindakan dapat diambil untuk mengatasinya.

Yang kelima adalah berkaitan dengan B.14, Butiran 10000 Projek Pembetungan Negara - OECF. Salah satu objektif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah untuk mengawal selia perkhidmatan pembetungan bagi mengawal aspek-aspek pencemaran oleh kumbahan tetapi yang mengesalkan ialah di antara pencemar-pencemar yang terkemuka atau *notorious* adalah agensi-agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Misalnya sistem pembetungan di kawasan saya, Jelutong. Tiap-tiap hari bertan-tan apa yang dibuang oleh seluruh penduduk-penduduk Pulau Pinang ke dalam tandas mereka mengalir terus masuk ke laut di Jelutong tanpa dirawat atau di *treated*, dengan izin. Ini telah menyebabkan pencemaran pantai yang teruk di kawasan saya dan mengancam pendapatan-pendapatan dan kesihatan nelayan-nelayan di tepi laut Jelutong. Saya harap pihak kementerian dapat memberitahu berapa banyak peruntukan di bawah Butiran ini akan digunakan untuk membina satu *treatment plan*, dengan izin, untuk menghentikan pencemaran pantai kawasan Jelutong dari berterusan. Saya berharap kementerian berkenaan dapat mengambil tindakan-tindakan segera atas isu-isu yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih.



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kemaman.

**3.17 ptg.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin mengungkitkan perkara ini, ini kali yang ketiga saya ungit. Yang pertama saya ungit tidak dijawab, yang kedua saya ungit salah tempat, kali ini saya harap jawapan Yang Berhormat beri dengan tepat dan betullah. Ini mengenai kedudukan 040000 Kerajaan Tempatan. Saya hendak tanya mengenai status kedudukan permohonan Majlis Daerah Kemaman untuk menjadi Majlis Bandaran kerana sebagaimana yang diketahui bahawa Kemaman mempunyai pelabuhan yang terdalam di Malaysia, ada lapangan terbang, merupakan kawasan perindustrian dan pemprosesan gas dan petroleum terbesar negara, ada bandar dan pusat pentadbiran, penduduknya lebih 200,000 dan pendapatan lebih RM16 juta setahun dan semua syarat-syarat untuk menjadi sebuah Majlis Daerah sudah dipenuhi malah melebihi daripada syarat-syarat yang diperlukan. Apa yang menyedihkan ialah oleh kerana kedudukannya hanya sebagai Majlis Daerah dan oleh kerana di kawasan itu pelabur-pelabur yang datang melabur beribu-ribu ringgit untuk membuat kilang-kilang gas dan petroleum maka tidak ada seorang *engineer* pun di Majlis Daerah, mereka terpaksa *deal* dengan *technician* dan banyak perkara-perkara yang rumit terpaksa dia pergi mencari konsultan luar dan mengambil nasihat-nasihat daripada, dia terpaksa pergi ke Kuala Terengganu dan sebagainya dan ini menyusahkan para pelabur yang ingin melabur di kawasan Kemaman ini.

Yang keduanya ialah saya ingin tahu, apa lagi syarat-syarat yang diperlukan untuk Majlis Daerah Kemaman ini untuk menjadi Majlis Perbandaran. Yang keduanya ialah mengenai P.14, Butiran 01500 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Baru-baru ini Yang Berhormat bagi Dungun telah mengungkitkan mengenai 13 projek yang telah ditarik balik dan apa yang dijawab oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan waktu itu ialah kerana perjanjian waktu itu ialah dengan kerajaan lama dan belum dilaksanakan. Ingin saya maklumkan bahawa status 13 projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun waktu itu ialah sudah melalui

beberapa *phases of construction*. Ada setengah itu sudah ada *foundation*, sudah ada *construction*, sudah ada semua sudah.

Jadi saya hendak tahu dalam keadaan macam inipun kerajaan boleh menarik gran yang telah diberikan kepada 13 projek untuk projek perumahan kos rendah di Kuala Terengganu. Jadi saya hendak tahu mengenai..., mana dia keprihatinan kerajaan untuk memberi perumahan kos rendah kepada rakyat sedangkan apa yang dilihat daripada apa yang dilakukan terhadap 13 projek ini menunjukkan bahawa kerajaan sebenarnya lebih berminat kepada berpolitik dendam kepada mereka yang menentang kerajaan Barisan Nasional.

Seperti mana yang telah diungkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, saya ingin juga mengungkitkan mengenai rancangan perparitan Kuala Terengganu seperti mana peruntukan asal RM38.5 juta dari peruntukan tetapi setakat ini hanya RM26.9 juta dibelanjakan dan saya difahamkan bahawa projek ini sekarang ini tergantung, belum lagi selesai mengapa tidak ada peruntukan baru untuk menyelesaikan masalah perparitan di bandar Kuala Terengganu.

Satu lagi ialah mengenai Butiran 050000, Perkhidmatan Pembedungan (Kawalselia). Saya hendak tahu mengenai pengurusan sisa pepejal. Baru-baru ini diumumkan oleh Menteri bahawa satu kajian yang menyeluruh akan dilakukan terhadap pelupusan sisa pepejal di negara ini. Saya hendak tahu, apakah setelah begitu lama diswastakan pelupusan sistem pepejal ini baru dia hendak buat kajian ataupun semasa diswastakan projek ini kajian belum lagi dibuat. Maknanya penswastakan ini dilakukan sebelum satu kajian dibuat mengenai pelupusan sistem pepejal ini.

Akhirnya saya ingin mengetahui kedudukan status terakhir mengenai Indah Water Konsortium ini yang telah diambil balik oleh kerajaan, apakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dalam pengambilalihan balik ini dan apakah berbaloi kah apa yang telah dilakukan oleh IWK dalam meningkatkan keupayaan sistem pembedungan negara. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Serdang

**3.21 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 01500 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melancarkan program perumahan untuk membina pelbagai jenis rumah termasuklah rumah kos rendah untuk memberi peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Ini adalah satu dasar perlu digalakkan.

Tuan Pengerusi, di bawah peruntukan untuk membina perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara, di mana pelaksanaan program ini diuruskan dan diatur segalanya untuk menjayakan program perumahan melalui jabatan ini.

Di samping itu Tuan Pengerusi, di bawah Kementerian Kewangan peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk melancarkan program perumahan juga melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad. Syarikat ini turut diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan dan melaksanakan semua tabung perumahan kos rendah dan syarikat ini juga akan dipertanggungjawabkan untuk menangani masalah projek perumahan terbengkalai. Dengan adanya kedua-dua agensi perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kewangan, timbullah satu pandangan yang berlainan oleh umum seperti, siapakah yang akan mencadangkan program perumahan di atas tanah-tanah kerajaan negeri untuk diuntukkan bagi membina perumahan itu, siapa akan uruskan. Kalau tanah kerajaan yang diuntukkan oleh pihak kerajaan negeri, agensi mana akan menguruskan pembinaan perumahan bagi Jabatan Perumahan Negara atau Syarikat Perumahan Negara Berhad. Berdasarkan kriteria apakah untuk memberi kepada Jabatan Perumahan Negara dan Syarikat Perumahan Negara Berhad itu dan juga oleh kerana kedua-dua agensi perumahan berlainan di bawah kementerian itu maka cara mana untuk menyelaraskan program perumahan pada masa-masa akan datang untuk mengelakkan *overlapping program* perumahan di satu-satu kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini penting kerana kita tidak mahu jadi dua agensi perumahan. Ini akan bertanding satu sama lain, jadikan masalah pada masa akan datang, maka saya minta pihak kementerian untuk memberi penjelasan berkaitan dengan Dasar Perumahan Negara supaya rakyat jelata akan memahami

fungsi-fungsi atau operasi-operasi kedua-dua agensi perumahan yang satu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan satu di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini program perumahan yang diuntukkan di bawah kementerian ini lebih daripada RM490 juta. Tahun ini ditambah hingga RM797 juta untuk melancarkan program perumahan dan juga banyak lagi peruntukan di bawah butir-butir yang lain untuk menaikkan taraf kemudahan-kemudahan asas di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan adanya peruntukan yang begitu banyak, cara mana untuk memantau projek-projek yang dijalankan. Adakah program-program yang ditentukan mengikut jadual sama ada laporan kemajuan yang dilaksanakan oleh agensi itu dikemukakan sebagai catatan. Ini satu perkara penting untuk memberitahu kepada Dewan ini supaya untuk memantaukan cara mana untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan sistem kawalan perbelanjaan di semua peringkat bagi mencegah pembaziran.

Di bawah P.14, Butiran 03100 Kemajuan Perkampungan. Tuan Pengerusi, di masa pihak kerajaan membentangkan Belanjawan, tidak menyentuh langsung berkaitan dengan dasar dan strategi, cara mana untuk membangunkan semula kampung-kampung baru di negara kita ini dan juga cara mana untuk memberi bantuan supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung baru untuk menikmati dasar keekonomi akan datang tetapi Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menegaskan di Dewan ini, cara mana untuk mewujudkan pusat komputer di kawasan-kawasan luar bandar melalui KEMAS. Adakah pihak kementerian akan memberi bantuan melalui JKKK Kampung baru untuk mewujudkan pusat komputer supaya rakyat tempatan itu dapat memahami untuk menjalankan, menggunakan komputer untuk menuju ke arah keekonomi pada masa akan datang supaya mempertingkatkan lagi sosial ekonomi kampung-kampung baru ini. Saya mintalah penjelasan daripada pihak kementerian cara mana untuk atasi masalah ini supaya penduduk-penduduk kampung baru tidak keluar daripada *main stream of*, daripada pembangunan negara kita ini.

Satu perkara saya minta Tuan Pengerusi, satu pandangan kerana peruntukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dibentangkan di Dewan ini

untuk dibahaskan. Saya hairan seorang parti pembangkang ucapan teks itu telah dikeluarkan pada hari Sabtu lalu, saya memang hairan apa sebab ini belum dibentangkan dan dibahaskan tetapi teks ucapan itu disiarkan pada hari Sabtu. Saya pun hairan, ini Yang Berhormat bagi Kepong. *[Sambil mengeluarkan satu artikel daripada surat khabar]* Wah, dia kata, saya telah berucap dalam Dewan untuk membahaskan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Dewan ini.

Saya pun hairan sebab ini belum dibahaskan lagi sudah dikeluarkan teks ucapan dan ucapan ini menyentuh keadaan di kawasan saya *[Disampuk]*. Saya tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan wang sebanyak RM600 ribu untuk membina satu pasar, satu tingkat tetapi beliau katakan rancangan membina pasar dua tingkat. Apa sudah jadi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bila punya, mungkin tahun lepas.

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Ketawa]* Sebenarnya pasar sudah siap....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Dato' Yap Pian Hon:** tetapi dia tahu tetapi ucapannya belum dibentangkan tetapi teks ucapan telah dikeluarkan, ini saya hairanlah, ini mungkin sikap parti pembangkang hanya untuk publisiti sahaja. Jadi ini tidak berkaitan dengan PAS, adakah pakatan antara PAS dan DAP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa tujuan?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Ketawa]* Penjelasan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tidak payahlah. You tidak payah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa untuk dia pun cukup

**Dato' Yap Pian Hon:** Dengan demikian saya pun haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang supaya betul-betul jujur untuk membangkitkan perkara itu melalui Dewan ini....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]* *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak kasi, dia tidak beri laluan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Jangan cakap, tetapi telah disiarkan dalam surat khabar untuk mencari publisiti murah. Jadi dengan ini saya menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sib.

**3.30 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk Kerajaan Tempatan. Tuan Pengerusi, di dalam negara kita mengandungi tiga jenis kerajaan, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Menurut Butiran 00100 Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, saya ingin bertanya sejumlah lebih kurang RM220 juta akan diperuntukkan ke negeri Sarawak, di antara jumlah tersebut berapakah yang diperuntukkan untuk kawasan saya. Saya pun ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri projek kecil ini di atas apa dasar untuk memberikan ini kepada kota-kota atau bandar raya tertentu. Saya ingin tahu kerana saya seorang Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu, mungkin saya ingin memohon untuk Kota Sibu.

Tentang Butiran 00300 Program Kebersihan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah memberikan garis panduan yang sesuai untuk Majlis Perbandaran dan daerah untuk melaksanakan kempen kebersihan. Di sini saya ingin tahu, saya ingin minta nasihat dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Kita semua tahu satu kota ataupun bandar raya seperti di Sarawak, seperti di Sibu jalan di kawasan perumahan paling ugly, dengan izin, the most ugly ialah tong sampah di tepi jalan. Kalau dibandingkan dengan bandar-bandar di negara Barat, contohnya di negara Australia mereka hanya mengutip sampah satu kali seminggu. Mereka memakai tong sampah roda, semua tong sampah perlu disimpan di dalam pagar atau di dalam rumah, hanya dibawa keluar apabila malam hari di mana pemungut sampah datang mengutip sampah.

Saya ingin tahu bolehkah kementerian menimbang memberikan peruntukan kepada Kerajaan Tempatan untuk membeli tong sampah roda dan diberikan kepada semua penduduk-penduduk secara percuma. Supaya kita boleh melaksanakan program ini iaitu menyimpan tong sampah di dalam pagar atau di dalam rumah kecuali malam hari apabila kontraktor daripada Majlis Perbandaran mengutip sampah.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk P.14, Butiran 01508 iaitu perumahan di bawah perumahan Kerajaan Negeri (Sarawak) akan diperuntukkan anggaran tahun 2001 ialah RM60 juta. Di sini saya ingin bertanya berapa jumlahkah diperuntukkan

untuk kawasan Sibü. Kerana di Sibü sekarang kami mempunyai satu, dua estate perumahan dengan kos yang murah, tetapi tidak begitu selesa kerana pihak pemaju joint-venture, dengan izin, dengan agensi kerajaan negeri tidak begitu berkesan kerana mereka mempunyai kesulitan kewangan. Contohnya di Sibü Jaya saya difahamkan rumah kos rendah 'kualitas'nya kurang baik dan Suruhanjaya Perumahan Negeri Sarawak....

**Seorang Ahli:** Kualiti.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Kualiti, tidak mengawal begitu baik. Saya harap performance pemaju perlu dikawal dengan baik supaya orang-orang miskin atau orang-orang berpendapatan rendah yang membeli rumah kos rendah tidak perlu memperbaiki dengan kos yang mahal.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 01902 Rancangan Struktur di bawah Perancangan Bandar dan Desa. Tuan Pengerusi, contohnya di Sibü, nampaknya masih banyak kawasan yang mempunyai talian elektrik overhead yang lama. Ini akan mewujudkan kesulitan untuk keindahan atau landskap bandar kerana pohon jikalau sudah tinggi kena kepada talian elektrik akan mengganggu pergerakan talian elektrik. Bolehkah kementerian memberi satu peraturan kepada semua majlis perbandaran atau daerah satu peraturan bahawa memberi arahan kepada pemaju di estate perumahan mereka perlu memasang talian elektrik dan talian telefon di bawah tanah. Kalau ini boleh dilaksanakan, saya tahu ini lebih mahal tetapi saya fikir masa sudah tiba untuk negara kita mengikut apakah sistem yang digunakan sekarang oleh Putrajaya. Semua utiliti di bawah tanah, supaya di atas tanah kita boleh membina landskap dengan lebih berkesan.

Akhir kata, saya ingin merujuk Landskap Negara iaitu Butiran 02101 - 02103 iaitu peruntukan lebih RM60 juta. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri kerana dalam masa beliau melawat Sibü minggu yang lalu, telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta kepada Majlis Perbandaran Sibü untuk landscaping di town-town area, di CPT area, dengan izin.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun] [Ketawa]*

Dengan itu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih tetapi, *[Ketawa]* apa ini belum-belum lagi.....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Minta penjelasan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Penjelasakah? Okay

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada kawan saya Yang Berhormat bagi Sibü. Jadi kawan saya ini minta untuk Sibü sahaja. Macam mana, setujukah beliau kalau boleh dibahagikan kepada semua majlis perbandaran, bukan sahaja Sibü, tetapi Sri Aman juga.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya fikir you minta salah orang. Orang yang betul ialah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, ini orang Sarawak. Orang Miri minta dengan dia, saya fikir lebih berkesan. *[Ketawa]*. Saya lupa apa yang saya mahu cakap. *[Ketawa]*

Oh ya, landskap negara. Majlis Perbandaran Sibü, kami telah membuat permohonan untuk membina satu taman untuk Sibü iaitu Taman Tasek Sibü, lake garden. Kerana Kerajaan Negeri telah memberikan satu area seluas kurang lebih 120 ekar. Kami telah menghantar permohonan kepada kementerian. Saya harap kementerian akan mengkaji dengan positif supaya saya fikir kerana kota Sibü ialah satu kota 'in land', dengan izin. Kami tidak mempunyai pantai, laut dan lain-lain. Kami harapkan ini Taman Tasek Sibü akan memberikan satu artificial beach, dengan izin, untuk rakyat Sibü. Itu saya harapkan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak buat lautkah di situ? Hendak buat laut di Sibukah, supaya ada beach itu mesti ada laut.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Pantai laut yang artificial.....

**Tuan Pengerusi:** Oh! Bukan main dia, pening kepala kementerian *[Ketawa]*

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Kali ini kalau Tun pergi melawat Sibü, saya boleh bawa Tun pergi tengok pulau indah itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya *[Ketawa]*

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Ialah water fall untuk Taman Jubli. Ya, ini saya harap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri jangan lupa ya, kurang lebih you sudah setuju, saya harapkan ini akan dilaksanakan dalam masa tahun depan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerangau.



**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Selangau.

**Tuan Pengerusi:** Selangau.

**3.42 ptg.**

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]:** Jerangau ini ubat yang mujarab. Ini Selangau.

Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh tiga perkara di bawah Maksud Bekalan 14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Butiran 030000 Skim Pinjaman Perumahan Rakyat dan Butiran 01600 Program Perumahan Rakyat juga dan Maksud Pembangunan B.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat, di bawah Butiran 00100 Balai Bomba dan Penyelamat.

Tuan Pengerusi, saya ingin membawa tiga perkara ini, pertama berkenaan dengan skim pinjaman rakyat di negeri Sarawak sama ada pinjaman kepada kampung-kampung atau rumah panjang. Saya telah difahamkan sama ada benar ataupun tidak Kementerian Perumahan Negeri Sarawak hanya dibekalkan hanya peruntukan RM1 juta setiap tahun. Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri pun tahu di Sarawak lebih kurang 5,000 buah kampung dan rumah panjang di mana penduduknya tinggal di merata-rata tempat dan saya diberitahu si pemohon itu hanya dibenarkan untuk memohon atau meminjam RM5,000 bagi sebuah keluarga bagi rumah panjang atau kampung.

Kita telah maklum bahawa sekarang alat-alat perumahan, binaan kosnya telah naik. Jadi, saya minta atau bercadang kepada kementerian bahawa pinjaman itu akan ditambahkan daripada RM5,000 kepada RM15,000 atau RM20,000. dan juga peruntukan sejuta setiap tahun ini kalau boleh dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya di antara lima atau sepuluh juta bagi pinjaman tersebut.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh butiran yang tadi berkenaan dengan Bomba dan Penyelamat di mana sering berlaku kemalangan di negeri Sarawak sama ada rumah panjang, kampung, atau kedai dan kalau boleh Yang Berhormat Dato' Menteri untuk mengadakan syarikat insurans supaya rumah panjang atau rumah kampung dapat membeli insurans itu untuk menentukan rumah mereka apabila telah terbakar, dapat ganti rugi daripada syarikat insurans yang berkenaan.

Syarikat insurans ini dapat ditentukan oleh pihak kerajaan tempatan sama ada mereka dapat membeli insurans itu mengikut kemampuan orang rumah panjang dan orang rumah kampung sama ada rumah panjang itu membeli insurans secara individu dalam RM10,000 atau RM15,000, ini terpulung kepada mereka masing-masing. Oleh kerana apabila rumah panjang itu telah terbakar merekalah yang akan papa kedana. Sebagai rakyat termiskin hanya dapat bantuan daripada pihak Kebajikan Masyarakat di mana jabatan itu hanya menghulurkan makanan dan bantuan pakaian dan sebagainya. Tetapi mereka kehilangan harta benda yang beratus-ratus ribu dalam sebuah rumah panjang.

Saya juga meminta pihak kementerian Dato' bahawa di Sibul ada jabatan bomba tetapi kawasannya telah sempit. Saya fikir Dato' telah melawat tempat itu dan saya ingin bertanya bilakah tapak rumah atau tempat bangunan bomba di Sibul akan dilaksanakan dan juga di kawasan saya Selangau sebuah daerah kecil di Tatau atau bandar Tatau, tidak ada balai bomba. Saya telah bercakap tentang perkara ini beberapa kali dan tahun yang lepas lebih 23 pintu kedai kepunyaan pekedai-pekedai di bandar Tatau telah terbakar. Mereka memang adalah menjemput balai bomba dari Bintulu tetapi jauhnya lebih kurang 40 kilometer bermakna apabila pihak bomba daripada Bintulu datang ke Tatau semua rumah itu telah terbakar sebab mengambil masa lebih kurang 40 minit atau sejam untuk datang ke tempat itu.

Saya juga memohon supaya balai bomba kalau boleh dibina di kawasan saya Selangau iaitu di pekan Selangau kerana di Selangau tempoh hari lebih 28 pintu kedai telah terbakar. Hendak jemput bomba dari Sibul mengambil masa kurang lebih satu jam 20 minit, dekat 80 kilometer jauhnya.

Selain daripada itu Dato', saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan pemadam api di rumah panjang, sama ada pemadam api akan dibekalkan oleh kerajaan atau pemancut air (*water pump*) oleh kerana di negeri Sarawak di kawasan saya dalam tempoh dua tahun yang lepas tidak kurang daripada 20 buah rumah panjang yang terbakar dan masalahnya mereka ini susah hendak menyelamatkannya. Kalau ada juga dibekalkan dengan pemadam api atau *fire extinguisher* tetapi tidak cukup.

Kadang-kadang dia beri satu set dan juga masalahnya pemadam api ini atau *fire extinguisher* ini, dengan izin, bila selepas setahun setengah, pump di dalamnya mesti ditukar dan saya tidak tahu berapakah *charge* untuk menukar, untuk *charge* benda itu supaya ia dapat diguna pakai lagi. Tetapi saya lihat pada rumah-rumah panjang atau kampung-kampung yang berdekatan dengan sungai lebih baik kalau mereka diberi *water pump* atau pemadam api.

Selain dari itu, yang akhir sekali Dato', sama ada Kementerian Kerajaan Tempatan atau Perumahan membuat reka bentuk atau design untuk rumah panjang di mana dapur atau tempat untuk masak itu berjauhan dan dibuat daripada batu batankah selain daripada kayu.

Ini yang sering berlaku itu daripada rumah sama ada kampung atau rumah panjang yang dibina daripada kayu. Kalau kementerian Dato' dapat memberi reka bentuk atau plan dengan teratur dan insurans dan sebagainya, saya fikir ini dapat menyelamatkan kebakaran daripada berlaku di negeri Sarawak.

Jadi saya tidak ingin bercakap dengan panjang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Rantau Panjang.

### **3.53 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memberi beberapa pandangan terutama sekali di bawah 040000 Kerajaan Tempatan.

Perkara yang telah lama berlaku iaitu hampir-hampir lima tahun kemudian ini ialah berkaitan dengan tidak ada keseragaman atau penyelarasan di antara kerajaan tempatan khususnya majlis-majlis daerah dan majlis-majlis bandaran ini dengan Tenaga Nasional dan Telekom. Sebelum daripada ini selalunya Tenaga Nasional untuk menyambungkan talian elektrik ke rumah -rumah itu biasanya minta pandangan daripada majlis daerah terlebih dahulu, sekiranya rumah yang dibina itu tidak diluluskan oleh majlis daerah maka penyambungan elektrik juga kemasukan telefon tidak dibolehkan dan tidak digalakkan. Tetapi akhir-akhir ini nampaknya setelah Tenaga Nasional diswastakan, tidak kira sama ada rumah itu tidak diluluskan oleh majlis daerah atau majlis bandaran, ianya terus disambung talian elektrik ini.

Saya mengharapkan kepada pihak kerajaan tempatan supaya menguatkuasakan Akta Kerajaan Tempatan 117 ini supaya pihak-pihak yang terlibat ini mengambil kira pandangan majlis daerah atau majlis bandaran ini dan dengan cara itulah sahaja saya rasa kedudukan penyusunan rumah-rumah di dalam kawasan majlis daerah ini agak teratur sedikit, kalau tidak ianya akan dibina secara mengikut kehendak masing-masing.

Saya merayulah kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menggunakan budi bicaranya ataupun gunakan pengaruhnya untuk menolong Majlis Daerah Pasir Mas yang sekarang ini menghadapi satu tekanan daripada kuasa politik khususnya kuasa politik daripada UMNO Rantau Panjang yang sedang mendesak Menteri Kewangan untuk mendapatkan sebahagian kuasa pihak berkuasa kepada zon bebas cukai yang akan dilaksanakan bila-bila masa sahaja di kawasan Rantau Panjang ini.

Pihak kami khususnya Majlis Daerah Pasir Mas tidak berupaya lagi untuk mendesak Menteri Kewangan kerana kuasa politik nampaknya lebih besar daripada kami dan hanya satu jalan lagi daripada kami ialah majlis daerah mengharapkan supaya pihak menteri yang berkaitan ini memainkan peranan dengan Menteri Kewangan dan semalam sahaja saya sempat menghadiri satu mesyuarat di Majlis Daerah Pasir Mas dan ahli Majlis Daerah Pasir Mas telah sebulat suara meminta tolong daripada saya supaya mendesak menteri berkaitan ini supaya memainkan peranan untuk memberi kuasa penuh kepada majlis daerah tidak seperti mana yang sedang diura-urakan sekarang ini dan setakat ini semua zon kawasan bebas cukai ini diberi kuasa kepada majlis daerah termasuk salah satunya di Kelantan iaitu di Tumpat.

Seterusnya ialah di bawah 00200 iaitu Bantuan Khas Kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Saya sungguh dukacita kerana pihak Majlis Daerah Pasir Mas telah pun mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi membeli satu *compactor* dan pihak Majlis Daerah Pasir Mas telah pun membuat urusan tender dan telah pun diberi tawaran daripada satu syarikat, tetapi akhir-akhir ini nampaknya pihak kerajaan telah menarik balik peruntukan yang telah diluluskan kepada majlis daerah tersebut. Ini satu perkara yang sungguh-sungguh mendukacitakan dan telah pun memakan masa lima tahun.

Akhir-akhir ini pula pihak Majlis Daerah Pasir Mas telah pun memohon kepada kerajaan tempatan supaya meluluskan untuk membesarkan kawasan operasi Majlis Daerah Pasir Mas tetapi sehingga sekarang ini ianya masih tiada jawapan daripada majlis tempatan sama ada ianya diluluskan ataupun tidak dan kami mengharapkan supaya perkara ini dapat diluluskan serta merta kerana apabila kawasan operasi ini diluaskan sedikit, tentulah peruntukannya dapat lebih sedikit bagi membantu perjalanan majlis daerah ini.

Satu lagi berkaitan majlis daerah ini ialah Majlis Daerah Pasir Mas telah memohon untuk mengasingkan antara Majlis Daerah Pasir Mas dengan Majlis Daerah Rantau Panjang. Walaupun sekarang ini Majlis Daerah Pasir Mas ini mencakupi bandar Rantau Panjang iaitu satu sahaja majlis daerah dan usaha-usaha untuk mengasingkan dua majlis ini kepada Majlis Daerah Pasir Mas dan Majlis Daerah Rantau Panjang telah pun mengambil masa yang begitu panjang dan kertas kerja telah *disubmitkan* dan *dihantarkan* kepada kerajaan tempatan dan pihak Perancang Bandar telah bersetuju tetapi hingga sekarang ini masih tidak mendapat jawapan. Jadi, saya meminta kepada pihak kementerian supaya berusaha bagi mempercepatkan proses pengasingan Majlis Daerah Pasir Mas dan Majlis Daerah Rantau Panjang ini.

Program Kebersihan di bawah Butiran 00300, saya sungguh dukacita kerana pihak media massa cuba membesarkan kebersihan atau kekotoran yang berlaku di bandar Kota Bharu. Apabila berlaku sedikit kekotoran, maka diperbesarkan perkara ini. Sebenarnya saya telah meninjau beberapa majlis perbandaran dan daerah di negeri-negeri lain. Nampaknya kalau dalam istilah kita, bahasa orang Melayu kata "*dua kali lima, lima kali dua*", lebih kurang sahaja dari segi kebersihan ini.

Malah di akhir-akhir ini, Majlis Perbandaran Kota Bharu dan majlis-majlis di daerah Pasir Mas khususnya Pasir Mas ini pernah masuk pertandingan di peringkat Pusat dan telah mendapat dua kali - sekali mendapat nombor dua dan sekali mendapat nombor tiga dari segi kebersihan ini. Tetapi ini semua tidak diambil kira oleh pihak Kerajaan Pusat khususnya. Saya tidak tahulah kenapa perkara ini boleh berlaku.

Saya tengok di akhir-akhir sekarang ini ialah berkenaan dengan Laporan Audit. Saya tengok keseluruhan majlis daerah ini terlalu lambat untuk melaporkan

Laporan Audit ini kepada Dewan Negeri masing-masing. Kita di Parlimen ini pun boleh dikatakan jarang sekali kita mendapat Laporan Audit berkaitan dengan majlis daerah atau majlis perbandaran ini dengan cepat seperti mana jabatan-jabatan yang lain.

Perkara ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian supaya ianya tidak berulang terutama sekali tentang teguran-teguran audit berkenaan dengan pasukan bomba yang saya lihat dalam teguran audit itu terlalu banyak jentera-jentera termasuk *water pump* atau pam air yang digunakan oleh pihak bomba ini tidak beroperasi dan ianya tidak diganti. Saya menyeru kepada pihak kementerian supaya memberi peruntukan yang lebih sedikit dan memerhatikan pihak bomba ini supaya ianya tidak ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Kadang-kadang saya berasa malu apabila berlaku kebakaran di bandar Rantau Panjang dan bandar Pasir Mas, tidak cukup bilangan kenderaan yang ada oleh bomba Pasir Mas ini atau bomba Rantau Panjang sehingga terpaksa pihak bomba daripada negara jiran Rantau Panjang iaitu pekan Golok terpaksa diminta untuk membantu kebakaran yang berlaku di bandar Pasir Mas dan bandar Rantau Panjang. Saya melihat dengan mata saya sendiri kenderaan yang digunakan begitu canggih barangkali kenderaan yang digunakan daripada Amerika yang saya melihat pancutan airnya begitu laju dan kenderaannya lebih besar serta takungan air di dalam kenderaan cukup besar hingga boleh digunakan lebih daripada satu jam untuk memadamkan kebakaran yang berlaku.

Seterusnya ialah berkenaan dengan Butiran 050000 - Perkhidmatan Pembedungan (Kawalselia). Pembedungan ini jabatan yang baru yang secara kebetulan di Kelantan tidak mempunyai satu pejabat di Kelantan, ia hanya ada di Terengganu. Saya ingin tahu, kenapakah perkara ini boleh berlaku, hanya pejabat di Terengganu kerana di Kelantan juga sekarang ini banyak pembangunan yang wujud dengan perumahan-perumahan di Kelantan dan sejauh manakah peranan ataupun kuasa ini ada pada Jabatan Pembedungan ini.

Akhirnya ialah perkara yang saya hendak sebutkan di sini supaya pihak kementerian mengambil kira rungutan daripada Majlis Daerah ialah berkaitan dengan notis penjualan minuman keras. Biasanya notis, iklan ini dikeluarkan dalam akhbar-

akhbar meminta kepada rakyat untuk membuat bantahan sama ada mereka setuju atau tidak satu lesen minuman keras akan dikeluarkan di beberapa tempat. Sepatutnya perkara ini juga diajukan kepada Majlis Daerah ataupun Majlis Bandaran, mereka ini lebih peka dalam hal ini. Orang kampung yang tidak membaca akhbar ataupun membaca akhbar tetapi mereka ini mengambil endah tidak endah sama ada mungkin akan berlaku lesen penjualan arak itu diluluskan di tepi rumah mereka sendiri ataupun seterusnya mereka tidak terlibat sangat. Tetapi kalau Majlis Daerah ataupun Majlis Bandaran mereka ini lebih mengambil berat kerana lesen premis walau bagaimana sekalipun, kalau ada lesen penjual arak sekalipun diluluskan oleh kerajaan tetapi lesen premis itu hak Majlis Daerah dan Majlis Bandaran.

Saya rasa lebih sesuai kalau iklan ini ditujukan khusus kepada Majlis Daerah atau minta pandangan Majlis Daerah supaya pandangan daripada Majlis Daerah itu diambil kira sewaktu hendak meluluskan lesen penjualan minuman keras ini? Itulah perkara yang saya hendak sebut tentang ini dan akhirnya saya hendak sampaikan sekali lagi kedudukan peruntukan pemberian di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini iaitu, saya ingin tahu sejauh manakah pembekuan pemberian pinjaman kepada Kerajaan Kelantan terhadap pembiayaan rumah-rumah kos rendah ini dan kalau boleh pihak kementerian beri jawapan kepada kita untuk mendapat penjelasan secara *detail*, apakah asas yang kukuh boleh diterima oleh kerajaan dan rakyat Kelantan mengenai projek ini, bantuan atau pinjaman ini dibekukan setelah Kerajaan Kelantan berubah tangan pada tahun 1990? Sekian, terima kasih.

**Tuan Penge rusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**4.04 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan Tempatan ialah susunan yang ketiga yang terpenting bagi negara ini. Kita mengucapkan tahniah dan syabas atas kementerian ini tetapi banyak kelemahan-kelemahan yang harus dipertingkatkan pada masa-masa akan datang untuk memberikan perkhidmatan yang lebih selesa kepada rakyat terbanyak duduk di dalam kawasan Majlis Daerah, pekan-pekan kecil dan juga dalam Kuasa-kuasa Tempatan.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apa dasar kalau menyentuh dengan B14, P.16 ini mewujudkan balai-balai bomba di pekan-pekan kecil umpamanya. Saya sudah memohon beberapa kali di kawasan saya umpamanya di Pekan Parit Raja itu, sebuah pekan yang begitu sesak yang dipenuhi dengan kilang-kilang kerana kawasan perindustrian, hingga sekarang masih belum dapat dijayakan oleh kementerian dan saya harap kalau boleh jangan ketinggalanlah dalam Rancangan Malaysia Kelapan

Soal bomba ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya harap perkhidmatannya yang telah baik itu dapat dipertingkatkan lagi. Saya selalu mendengar laporan-laporan akhbar bomba datang tetapi tidak dapat hendak menyelamatkan rumah yang terbakar itu, yang diselamatkan ialah di sekitarnya. Jadi, soal kecekapan, soal peningkatan perkhidmatan harus agaknya diberikan perhatian kerana nyawa. Saya juga hendak tahu daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada tidak dasar bagi menyelamatkan nyawa bahawa pemaju-pemaju perumahan ditentukan satu kaedah bagaimana rumah harus memasang gril, gril yang boleh menyelamatkan harta benda daripada kecurian tetapi dalam waktu yang sama gril ini tidak memerangkap nyawa penghuni rumah. Kita dilaporkan banyak kejadian mangsa atau mayat rentong kerana tidak dapat hendak keluar dari rumah kediamannya sendiri kerana keadaan gril yang hanya untuk menahan pencuri tetapi tidak dapat menyelamatkan nyawa penghuni apabila ada satu-satu kebakaran. Apakah tidak boleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini membuat satu dasar yang harus diturut atau diikuti oleh pemaju-pemaju perumahan supaya membuat gril yang boleh menyelamatkan harta benda sekali gus boleh pula menyelamatkan nyawa kalau berlaku sesuatu keadaan darurat kebakaran tidaklah penghuni terperangkap atau kalau dasar ini tidak dapat hendak dijalankan kerana gril ini terpulang kepada tuan rumah, saya tidak nampak hari ini Kerajaan Tempatan memberikan satu bimbingan ataupun satu tunjuk ajar kepada rakyat ramai macam mana membuat gril ataupun jadikan satu contoh model gril yang boleh menyelamatkan.

Kalau boleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini memberikan kursus ataupun apa-apa sahajalah yang boleh ditiru, dicontohi oleh penduduk-



penduduk atau orang-orang yang mempunyai rumah bagaimana hendak membuat gril yang boleh selamat. Kalau kita biarkan secara yang ada pada hari ini saya bimbang ramai nanti rakyat kita yang akan mati sia-sia, mati teraniaya dalam rumahtangga masing-masing, mati yang menyedihkan. Kita dengar kadang-kadang anak-anak kecil meminta tolong tetapi yang di luar hendak menolong tidak dapat, yang dalam hendak keluar tidak boleh kerana pemasangan gril ini. Jadi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini harus boleh mengambil inisiatif yang agaknya lebih ke hadapan bagi menyelamatkan nyawa-nyawa ataupun rakyat kita daripada terbakar dengan sia-sia.

Di samping itu Tuan Pengerusi, saya diberi makluman oleh beberapa orang Ahli Majlis Daerah. Ahli Majlis Daerah ini peranannya seperti wakil rakyat jugalah, ia ada mesyuarat bulanannya tetapi yang mendukacitakan dalam kes-kes tertentu, bukan semualah ini mendapat perhatian dan mudah-mudahan daripada Menteri atau kementerian. Ada keputusan-keputusan Mesyuarat Majlis Daerah tidak diikuti, tidak ditaati oleh para pegawai. Jadi, mesyuarat itu tinggal dengan keputusan mesyuarat tetapi tindakan tidak diambil kerana para pegawai atau kakitangan di Majlis Daerah ia lebih mengikuti apa citarasa Pengerusinya, Tuan Yang di-Pertuanya atau Presidennya. Jadi, keputusan dalam Mesyuarat Majlis Daerah itu menjadi sia-sia dan rungutan-rungutan ini saya dengar saban hari yang diadukan oleh Ahli-ahli Majlis Daerah ini kerana rasa kekecewaan, keputusan-keputusan yang mereka ambil untuk kepentingan rakyat ramai tidak pula dipatuhi oleh kakitangan-kakitangan dalam Majlis-majlis Daerah. Jadi, perkara-perkara seperti ini saya harap dapat diperbetulkan, mudah-mudahan apa yang diputuskan oleh Ahli-ahli Majlis Daerah untuk kepentingan rakyat itu akan benar-benar dapat diikuti dan ini akan memberikan faedah dan manfaat kepada sekalian rakyat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**4.10 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan hanya menyentuh satu butiran sahaja iaitu Butiran 030000 - Perumahan. Di bawah kementerian ini ada menyediakan program perumahan iaitu berobjekifkan

untuk memastikan rakyat Malaysia terutamanya golongan berpendapatan rendah mempunyai peluang yang baik untuk menikmati kemudahan perumahan serta kemudahan-kemudahan berkaitan yang mencukupi dan mengikut kemampuan masing-masing. Saya ingin tahu apakah kawalan yang disediakan oleh kementerian ke atas rumah-rumah yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan agar ia adalah berkualiti serta mengikut spesifikasi perjanjian.

Sebelum kita melihat kepada pemaju-pemaju swasta, saya ingin merujuk kepada projek perumahan yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Di kawasan saya itu di Bemban Raya, telah diadakan satu projek perumahan yang dinamakan Bemban Raya, pemaju dan pemilik adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan pengurus projek adalah Rombus Sdn. Bhd. Projek ini telah dikendalikan dan telah siap dan diserahkan akan tetapi keadaan rumah yang diserahkan adalah cacat dan sifat ketukangannya yang amat lemah. Pembeli-pembeli rumah tersebut kebanyakannya adalah pegawai-pegawai kerajaan. Aduan telah dikemukakan tetapi perhatian tidak diberi atau aduan telah tidak diendahkan langsung oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Pegawai-pegawai kerajaan yang merupakan pembeli-pembeli rumah di kawasan tersebut telah mengadakan kepada saya bahawa rumah-rumah mereka itu adalah rumah kos rendah, apakah wang mereka itu tidak bernilai? Apabila saya melawat ke kawasan tersebut saya amat terkejut kerana rumah telah diserahkan kurang daripada 5 bulan. Pintu telah (bocor) rosak, tingkap senget, dinding melengkung, suis telah tercabut dan dinding juga (bocor) retak. Apabila aduan telah dibuat saya amat hairan kontraktor-kontraktor hanya menggunakan kapur untuk mengatasi masalah mengenai dinding yang retak. Jadi, kontraktor ada memaklumkan bahawa jika pembeli tidak puas hati dengan sifat ketukangan yang lemah atau kecacatan, mereka boleh membawa kes ke mahkamah tetapi apa yang menyedihkan kita ialah di mahkamah proses adalah amat lama serta kos adalah amat tinggi. Saya telah menulis surat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak tetapi tidak dijawab kepada saya secara terus tetapi dijawab kepada pembeli dan amat menyedihkan ialah pembeli telah dikatakan cuba memburukkan syarikatnya.

Tuan Pengerusi, tidak ada seorang pembeli suka mengadu-adu sahaja mengenai barangan atau rumah yang dibeli oleh mereka. Jadi, saya ingin tahu apakah kriteria yang dipilih oleh kerajaan terutama kementerian untuk memastikan bahawa pengurus projek atau pemaju kepada projek kerajaan adalah berkualiti, pertama.

Kedua, saya hendak tanya apakah projek ini telah diswastakan. Sebab Perbadanan Kemajuan Negeri, salah seorang pegawai memberitahu saya bahawa ia telah diswastakan, oleh itu, ia bukan di bawah bidang kuasanya lagi. Akan tetapi bila kita rujuk kepada perjanjian, Perbadanan Kemajuan Negeri seharusnya bertanggungjawab dalam perkara ini. Oleh itu saya berharap kementerian akan memberi perhatian kepada projek-projek yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah.

**4.16 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan. Saya ingin mengambil peluang ini untuk membahaskan Maksud B.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Butiran kecil 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal.

Tuan Pengerusi, objektif utama penswastaaan sisa pepejal ialah untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan kebersihan dan pengurusan sisa pepejal. Tetapi nampaknya objektif ini masih tidak dapat dicapai seperti yang dilaksanakan di pihak berkuasa tempatan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Sejak perkhidmatan pembersihan sisa pepejal di kawasan dua pihak berkuasa tempatan ini dilaksanakan oleh Syarikat Southern Waste Management Sdn. Bhd. mulai November 1997, kita dapati bahawa yang pertama dari segi pembersihan sampah sarap. Daripada responden-responden dan tinjauan kita termasuk Jabatan Audit Negara terdapat bahawa boleh dikatakan 57% penduduk rumah-rumah kediaman dan 49% peniaga-peniaga kedai tidak puas hati dengan perkhidmatan angkat sampah yang dijalankan oleh pihak swasta.

Dalam perjanjian kontrak, perkhidmatan ini termasuk kerja membersihkan parit dan daripada tinjauan kita termasuk Jabatan Audit Negara, boleh dikatakan 85%

penduduk di kedua-dua kawasan ini mendapati bahawa parit tepi jalan atau longkang tidak pernah dibersihkan dan cuma 15% yang dikatakan ada dibersihkan tetapi satu bulan sekali. Sebenarnya dalam kontrak, jadual yang patut diadakan adalah satu bulan dua kali dan kerja angkat sampah untuk rumah kediaman adalah tiga kali seminggu dan untuk kedai tiap-tiap hari. Ini belum dapat memberi puas hati kepada penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan ini.

Dalam perjanjian pun dikatakan kerja-kerja pemotongan rumput pun perlu dijalankan oleh syarikat ini dan pada responden yang kita tanya kepada penduduk-penduduk iaitu 67% penduduk tidak puas hati dengan kerja potong rumput. Sepatutnya dalam perjanjian, tiap-tiap bulan rumput di tepi jalan perlu dipotong dua kali sebulan. Kita dapati selalunya rumput-rumput di tepi jalan, kalau dipotong cuma rumput tepi jalan dari sempadan jalan raya ke sempadan parit tepi jalan tetapi lepas parit itu bahagian rizab jalan biasanya tidak dipotong. Dan, ini mendatangkan satu keadaan yang semak-samun dan tidak indah.

Tuan Pengerusi, masalah ketidakcepan selepas kita menswastakan kerja-kerja angkat sampah, pemotongan rumput serta kerja membersihkan parit, saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu tinjau semula agar pihak kerajaan dapat menghapuskan idea untuk menswastakan kerja-kerja pelupusan sisa pepejal, kerja-kerja membersihkan parit tepi jalan, kerja-kerja potong rumput, baik diberikan balik kepada pihak-pihak berkuasa tempatan kerana pengwujudan pihak berkuasa tempatan salah satu fungsi utama adalah memberikan perkhidmatan yang saya sebutkan tadi iaitu membersihkan sampah-sarap, membersihkan jalan-jalan raya, membersihkan parit-parit dan longkang-longkang, membersihkan rumput-rumput dan lain-lain kerja.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin timbulkan di sini mengapa pihak SWM tidak dapat menjalankan kerja dengan sempurna, ialah oleh kerana sebenarnya mereka perlu 1,347 orang pekerja untuk menjalankan kerja yang sempurna mengikut jadual tetapi mereka cuma mempunyai 728 pekerja dan masih menghadapi kekurangan 619 orang pekerja. Dan, dari segi kenderaan mereka cuma mempunyai 87 lori *compact master*, sebenarnya mereka perlu 140 lori *compact master* iaitu mereka masih menghadapi kekurangan 53 buah lori *compact master*.

Satu lagi perkara yang mana kerja-kerja tersebut tidak memuaskan adalah pihak kedua-dua majlis ini pun kurang membuat penyeliaan (supervision), dengan izin. Saya harap kedua-dua pihak berkuasa agar dapat mengadakan supervision, dengan izin, atau penyeliaan cara berjadual dan teratur, sentiasa perlu buat lawatan untuk memastikan perkhidmatan sisa pepejal ini dapat dijalankan dengan memuaskan.

Tuan Pengerusi, kita sering dengar tentang pusat-pusat pelupusan sampah yang sentiasa tidak diuruskan dengan baik. Masalahnya bukan cara *sanitary landfill*, memang ada dia punya cara, dia punya method. Masalahnya bukan masalah method, tetapi masalah pengurusan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan di negara kita ini. Oleh kerana kelemahan dalam pengurusan, tapak-tapak pelupusan sampah seperti mereka tidak menyediakan cukup tanah dan pasir untuk menimbus sampah-sampah yang dilupuskan di tapak itu.

Bila sampah-sampah sampai ke tapak oleh kerana tidak ada pasir dan tanah, sebenarnya mengikut *sanitary landfill* yang betul, tiap-tiap 6 inci sampah mesti ditimbus dengan 6 inci tanah atau pasir, dan sebelum ditimbus dengan tanah dan pasir, mesti *dicompact*kan oleh *JCB compact* dan disembur dengan racun serangga larut sampah dan mesti mengadakan paip-paip udara supaya tidak akan berlaku pembakaran kerana kandungan *methane* di bawah tempat pelupusan itu.

Selain daripada itu, mesti adakan loji pembersihan ataupun perigi untuk membersihkan air-air kotor daripada tapak pelupusan itu dan air-air itu mesti sentiasa dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisa kimia dan biologiikal supaya dapat menjaga kualiti air dan kualiti udara .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Arau bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Maaf kerana kesuntukan masa. Saya ada banyak hal lagi.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, saya harap boleh dikatakan kebanyakan kemungkinan 98% tapak pelupusan sampah di negara kita ini tidak mencapai tahap *sanitary landfill* yang kita ingini. Sebenarnya...

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Sebenarnya dari segi penjagaan alam sekitar kita perlu teliti dengan hal ini. Saya ingin ambil peluang ini untuk minta pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar dapat berhubung dengan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah supaya tinjau semula tentang yang mana mereka akan kenakan cukai pintu yang baru pada tahun 2001. Nampaknya sangat tinggi kerana penilaian harta dibuat pada tahun 1996, pada masa itu pasaran harta adalah tinggi kerana mereka ikut *market value*, dengan izin. Oleh kerana mereka ikut *market value* pada tahun 1996 sebelum ekonomi merosot dan mereka gunakan itu, sekarang tiap-tiap pemilik rumah kedai dan kediaman sudah terima surat notis daripada pihak Majlis Daerah JBT supaya memberitahu mereka bahawa cukai harta mereka akan dinaikkan. Ada dinaikkan seperti kedai di Taman Perling daripada di bawah RM1,000 iaitu RM915 sahaja pada masa lalu, sekarang dinaikkan kepada RM1,600. Boleh dikatakan kenaikan lebih RM600. Ini adalah paling tinggi dan saya harap supaya dengan kerjasama dari pihak kementerian supaya pihak Majlis Daerah JBT dapat ambil (value) penilaian dalam tahun 2000 supaya ini adalah lebih adil kepada pembayar cukai pintu.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Petaling Jaya Utara.

#### 4.27 ptg.

**Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan. Pertama sekali, saya ingin menyentuh Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran 010500 - Pengawasan dan Penguatkuasaan dan Butiran 010600 - Perundangan.

Tuan Pengerusi, kawasan Parlimen saya Petaling Jaya Utara adalah sebuah kawasan perumahan dan komersial yang maju dan pembangunan yang pesat. Tanah yang boleh digunakan untuk pembangunan adalah sangat kurang dan harganya lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain. Oleh itu, disebabkan kekurangan tanah dan harganya melambung naik, banyak tanah telah dimohon tukar kepada tanah komersial oleh pemaju rumah. Pada masa yang sama, untuk mendapatkan pulangan yang optimum dengan tanah yang minimum, projek yang dijalankan kebanyakannya pula

adalah kondominium yang padat penduduknya atau bangunan komersial yang menyebabkan mobiliti penduduk tinggi dan kesibukan lalu lintas. Oleh itu, menukarkan kawasan ke diaman kepada kawasan komersial atau kondominium telah mendatangkan masalah-masalah berikut.

Penukaran tanah kawasan kediaman kepada kawasan komersial akan menyebabkan persekitaran perumahan yang sunyi beralih kepada pusat komersial yang bising. Harga harta tanah dan rumah di sekelilingnya akan menurun dan hilang syarat sebagai kawasan kediaman impian. Penambahan kepadatan penduduk dan bilangan kenderaan telah membawa kepada masalah keselamatan dan lalu lintas. Para penduduk rasa dukacita kerana semasa mereka menggunakan beratus ribu ringgit untuk membeli rumah, mereka diberitahu tanah di depan mereka adalah lot banglo. Tetapi selepas beberapa tahun pusat komersial atau bangunan tinggi dan kondominium pula akan didirikan. Lebih serius lagi, kerja pencerucuk sering mendatangkan kesan buruk kepada tanah di sekelilingnya dan menyebabkan rumah di sekelilingnya menghadapi masalah dinding rumah pecah dan tanah mendap. Walaupun pihak pemaju berjanji akan memperbaiki kerosakan yang timbul, tetapi kekukuhan rumah tidak boleh berbanding dengan keadaan sebelum kerosakan. Ini merupakan satu kerugian bagi penduduk yang menetap di sekeliling projek perumahan. Pihak pemaju tidak menyiapkan sistem perparitan terlebih dahulu sebelum menjalankan projeknya. Ini telah membawa kepada masalah banjir. Misalnya, pemaju projek bangunan komersial pusat perdagangan berdekatan dengan Kampung Chempaka hanya mengambil tindakan pembaikan sistem perparitannya selepas Kampung Chempaka telah mengalami sekurang-kurangnya tiga kali banjir kilat.

Tuan Pengerusi, kita tidak berniat menghalang arus pembangunan. Walau bagaimanapun, kita harap perancangan perbandaran mesti mempunyai satu perancangan jangka panjang yang sempurna. Persoalan-persoalan yang saya sebutkan tadi sebenarnya ingin membawa perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada beberapa perkara:

- (i) Memastikan semua kerajaan tempatan mempunyai perancangan perbandaran dan pelan pembangunan jangka panjang yang

sempurna. Kerajaan seharusnya mempertingkatkan kerja pengawasan ke atas perancangan perbandaran, menentukan pelan pembangunan jangka panjang untuk mengelakkan timbulnya penukaran status tanah yang mengakibatkan masalah pembangunan alam sekitar. Sebagai contoh, mengenai cadangan membina bangunan komersial di tanah lapang di depan SS 23, Jalan 6, para penduduk mengetahui bahawa tanah di depan rumah mereka itu adalah tanah untuk banglo dan bukannya tanah komersial. Saya ingin berterima kasih kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah mengambil tindakan selepas menerima aduan daripada penduduk. Saya bersama dengan wakil persatuan penduduk dan bahagian Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah bermesyuarat. Pihak Majlis juga telah bersetuju tidak akan meluluskan pembinaan sesuatu projek di tanah tersebut sebelum mengemukakan keseluruhan pelan perancangan tempat tersebut dan sebelum mengumpul pendapat penduduk di sekelilingnya terhadap pelan yang dikemukakan itu.

- (ii) Meminda akta supaya permohonan penukaran status tanah lebih transparent dan memelihara kepentingan orang ramai. Saya berharap bukan sahaja SS 23 Jalan 6, malah semua tempat lain jika terdapat permohonan menukarkan status tanah untuk kegunaan Kerajaan Pusat akan memastikan kerajaan tempatan mesti mengumpul dan menerima pendapat penduduk dan membuat pelan pembangunan yang lengkap dengan pandangan penduduk untuk pertimbangan Jabatan Tanah dan kerajaan negeri sebelum mereka meluluskan pertukaran status tanah
- (iii) Mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap pemaju yang tidak mengikut arahan dan telah menyebabkan banjir dan tanah mendap di kawasan sekelilingnya dan memastikan pihak



pemaju menyiapkan sistem perparitan terlebih dahulu sebelum menjalankan projeknya.

- (iv) Mengenai masalah sistem pemprosesan najis yang bermasalah di taman perumahan yang sudah sedia wujud, kerajaan harus memastikan Indah Water mengambil langkah penyelesaian serta-merta supaya tidak membawa kesan yang negatif terhadap kesihatan para penghuni. Sebagai contoh, masalah buangan atau lelehan berbau busuk yang melimpah keluar dari tangki pemprosesan najis Indah Water dan mengalir sepanjang tahun melalui longkang di depan rumah nombor 17, 19, 21, 23 Jalan SS 25/4 perkara ini telah berlaku sejak 10 tahun yang lalu dan telah diadakan beberapa kali kepada pihak Indah Water tetapi masih tiada tindakan penyelesaian yang diambil. Malahan pada bulan September ini saya bersama dengan wakil daripada Indah Water telah melawat ke kawasan tersebut dan surat aduan telah saya kemukakan. Namun, selepas pemeriksaan oleh pegawai dari Indah Water, masalah tetap belum diatasi. Oleh itu, saya harap kementerian akan beri perhatian dalam perkara ini supaya ia tidak mengancam kesihatan para penghuni dan tidak mendatangkan pencemaran alam sekitar.

Tuan Pengerusi, mengenai maksud pembangunan 14, Butiran 016000 – Program Perumahan Rakyat, di sini saya ingin mengambil perhatian kerajaan terhadap projek perumahan rakyat di Lembah Subang yang sudah siap disediakan di mana mangsa kebakaran dan penghuni setinggan telah pun pindah ke dalam. Ini adalah kerana sebahagian daripada penghuni yang berpindah masuk adalah penghuni setinggan Kampung Taman Aman dan Seksyen 14, Petaling Jaya yang terpaksa berpindah kerana rumah mereka terlibat dengan projek laluan LRT.

Pada masa itu Pejabat Tanah dan Daerah Petaling telah bersetuju supaya menjualkan rumah PPR kepada mereka tetapi kini didapatinya tidak diluluskan, kita memahami usaha kerajaan untuk membina projek rumah sebegini adalah untuk sewa

kepada penghuni setinggian sebagai penetapan sementara sebelum berpindah masuk ke rumah kos rendah.

Namun begitu, disebabkan oleh janji yang telah dibuat terlebih dahulu, maka saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan permintaan mereka supaya 249 unit daripada projek perumahan rakyat ini boleh dijual terus kepada para penghuni yang berpindah ke dalam akibat daripada projek laluan LRT.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh P.14, Butiran 02101 – Pembangunan ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Puan Chew Mei Fun:** Okay, sekian, terima kasih. Saya tidak boleh habis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, ya, Kepong.

**4.36 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Halaman 258, B.14 Butiran 040000, Halaman 259, Butiran 050000, Halaman 262, B.14 – Pengurusan Sisa Pepejal dan Butiran 00500 dan seterusnya Halaman 263 – Rancangan Struktur.

Tuan Pengerusi, lima tahun yang lepas, kerajaan telah mengumumkan hasrat untuk mengkaji semula fungsi dan keberkesanan pihak berkuasa tempatan, lalu menggubalkan strategi dan garis panduan untuk memperbaiki pengurusan kerajaan tempatan. Demikianlah ia hendak menentukan fungsi peranan yang berkesan dan kecekapan perkhidmatan kerajaan-kerajaan tempatan. Walaupun hasrat itu ada, tetapi kita tidak nampak pengkajian semula yang telah pun dijanjikan itu dan sebab itulah saya mencadangkan supaya kerajaan mengumumkan laporan kajian semula lebih 150 pihak berkuasa tempatan, termasuk di kawasan-kawasan Tuan Pengerusi jugalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang keberkesanan dan fungsinya masih menimbulkan masalah.

Tuan Pengerusi, masalah besar masih wujud di kampung-kampung tradisional begitu juga dengan kampung-kampung baru, grant, lalu lintas, saliran, banjir kilat dan lain-lain. Pada sesi Parlimen yang lepas saya pernah membangkitkan permasalahan grant dan grant strata bertingkat dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan

Koperasi tentang masih terdapat beberapa ratus grant di Jinjang yang belum diselesaikan disebabkan pelbagai faktor. Para pekedai mengadu bahawa kadar premium pekedai adalah terlalu tinggi.

Tuan Pengerusi, adanya kelemahan-kelemahan bomba di negara ini, misalnya keadaan pili-pili bomba, sungguhpun semua pihak haruslah bekerjasama untuk menjaga pili-pili bomba tetapi Jabatan Bomba patutlah mengadakan sistem kawalan yang berkesan, misalnya dalam tempoh lebih kurang satu tahun ini, kawasan yang terdekat dengan stesen bomba di Jinjang Utara telah mengalami lima kejadian kebakaran.

Setiap kali kereta bomba datang ke tempat kejadian, ia adalah bersusah payah untuk mencari pili-pili yang masih berguna, bulan yang lalu kebakaran berlaku di belakang stesen tersebut sahaja, tatkala kereta bomba tiba di tempat berkenaan, didapati bahawa daripada enam batang pili hanya dua sahaja yang berguna, yang boleh dipakai, ketika itu tiga buah rumah telah hangus. Inilah kejadian-kejadian yang berlaku hampir di seluruh negara termasuk di Pahang di kawasan Tuan Pengerusi, dan ini merupakan pihak kementerian belum lagi mempunyai sistem kawalan yang berkesan terhadap pili-pili bomba yang diperlukan semasa kebakaran.

Saya berharap pihak kementerian dapat mempertingkatkan kawalan terhadap pili-pili bomba di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, mengenai banyak kawasan di negara ini masih dilanda banjir kilat disebabkan saluran atau sistem perparitan yang kurang sempurna, walaupun kita mempunyai rancangan kementerian untuk memperbaiki sistem saluran dan perparitan di seluruh negara, tetapi saya nampak tidak begitu teratur lagi misalnya di beberapa tempat di Bandaraya Kuala Lumpur, di Kajang, Sungai Chua, Balakong dan Batu 11, Cheras, nampaknya pihak kementerian mestilah mempertingkatkan keberkesannya untuk mencegah banjir kilat yang berlaku kerana pelbagai faktor.

Tuan Pengerusi, ada Yang Berhormat yang menyebut tadi mengenai Indah Water Konsortium atau Alam Flora. Indah Water Konsortium telah diambil alih kembali oleh kerajaan selepas penswastaaan yang gagal, tetapi kita masih menunggu langkah-langkah selanjutnya, apakah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan selepas menstruktur semula IWK itu.

Tuan Pengerusi, setelah mengambil iktibar daripada IWK, Alam Flora dan syarikat-syarikat yang serupanya menyembunyi di bawah sayap kerajaan-kerajaan tempatan semacam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), contohnya Alam Flora sedang menguruskan tapak pelupusan sampah di Taman Beringin, Jinjang Utara kerana tekanan rakyat, kerajaan telah mengumumkan beberapa kali dan bahawa tapak tersebut akan ditutup dan ada disebutkan bahawa tapak itu akan ditutup pada akhir dua tahun yang lepas dan kemudian satu tahun yang lepas dan seterusnya, tapak itu masih digunakan sebagai tapak pelupusan sampah dan pada 16 November, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan akan membina dua pembakar ataupun incinerator satu di Taman Beringin tersebut dan satu di Kampung Petaling, Kuala Lumpur. Oleh itu, saya menyeru supaya Yang Berhormat memberi butiran mengenai incinerator tersebut. Tuan Pengerusi, itu sahajalah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam.

**4.44 ptg.**

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin membincangkan Maksud B.14, Butiran 040100 – Kerajaan Tempatan bersamaan sekali dengan B.14 – 01901, 01902, 02200 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Sebagaimana yang kita tersedia maklum, bahawa pelan struktur pembangunan yang telah pun disediakan dan dengan tuntutan cabaran pembangunan pada hari ini bahawa kita bercakap tentang, dengan izin, sustainable development ataupun kata lain dengan pembangunan mapan. Dalam pembangunan mapan yang boleh ditakrifkan sebagai membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengkompromikan kemampuan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka.

Dan daripada segi perspektif yang lain ialah mengimbangkan keperluan tiga bentuk pembangunan utama iaitu pembangunan sosial, pembangunan ekologi dan juga pertumbuhan ekonomi. Justeru itu, antara isu-isu yang perlu ditangani bagi merealisasikan pembangunan mapan, pertama ialah masalah pengangkutan, yang kedua ialah pencemaran udara, yang ketiga pencemaran air dan yang keempat pengurusan buangan berjadual, sisa toksik, yang kelima bunyi bising, keenam

penjanaan dan pelupusan sisa pepejal, yang ketujuh kekurangan ataupun kelemahan perancangan.

Masalah-masalah yang timbul Tuan Pengerusi seperti di atas adalah disebabkan tindakan-tindakan oleh individu, pihak penguasa kilang dan juga tindakan oleh pihak pentadbiran itu sendiri. Contohnya masalah pengangkutan. Kita sedia maklum bahawa pengangkutan merupakan aspek utama dalam melicinkan perjalanan ekonomi sama ada dari segi pengangkutan awam mahupun penghantaran produk-produk perindustrian. Pengangkutan yang tidak terancang akan menimbulkan masalah-masalah alam sekitar seperti meningkatkan pencemaran udara melalui pelepasan bahan-bahan pencemar udara dan menimbulkan masalah bunyi bising dan juga kesesakan jalan raya. Pencemaran udara adalah satu fenomena yang sering melanda bandar-bandar besar yang menjejaskan keselesaan hidup seharian. Ini masalah jerebu yang selalu berbangkit dan masalah pencemaran udara berkait rapat dengan perancangan guna tanah yang tidak mengikut pelan-pelan perancangan pembangunan dan garis panduan yang telah disediakan. Pencemaran udara yang terhasil juga disebabkan tiada kekesanan dalam tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi berkaitan.

Sebagaimana yang kita dengar rintihan daripada PJ Utara sebentar tadi bahawa ada perancangan daripada pelan struktur awalnya diletakkan sebagai kawasan lapang tetapi alih-alih dalam pembangunan semula telah pun muncul kompleks perniagaan. Ini bermakna pelan struktur yang telah pun diluluskan dan digazetkan tetapi pelaksanaan di peringkat kerajaan tempatan selalunya berubah kerana jawatankuasa yang meluluskan pelan pembangunan di peringkat Kerajaan Tempatan dan kerajaan negeri dan juga pelan struktur yang diluluskan di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah merupakan satu badan yang berasingan.

Justeru kerana itu saya ingin mencadangkan supaya ada satu penggubalan dasar melalui urusan pentadbiran ataupun penukaran dan perancangan akta supaya pihak Kerajaan Persekutuan melalui pelan struktur pembangunan yang telah pun diluluskan itu ada kawal selia terhadap perlaksanaan di peringkat Kerajaan Tempatan kerana kuasa bagi meluluskan pelan pembangunan itu adalah terletak selalunya di pihak Kerajaan Tempatan tetapi pelan struktur diluluskan dan diterima pakai di

peringkat Kerajaan Persekutuan. Dan ini adalah masalah yang berbangkit dan kelemahan perancangan dan penguatkuasaan serta pengawasan selalu yang dibangkitkan adalah merupakan strategi perancangan pembangunan sebagaimana kita sedia maklum adalah satu perancangan yang digubal dalam kita mencapai pembangunan berterusan dan dikecapi oleh generasi akan datang. Masalah alam sekitar akan timbul jika sesuatu projek tersebut kerana tidak mengikut pembangunan dan garis panduan yang disediakan. Dalam hubungan ini juga aspek penguatkuasaan dan pengawasan projek perlu diberi perhatian bagi mengukur keberkesanan langkah-langkah kawalan pencemaran yang disediakan dan juga tahap kualiti alam sekitar.

Saya mewakili warga Shah Alam sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah pun menaiktarafkan Shah Alam kepada bandar raya. Tetapi saya juga ingin berkongsi tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan Shah Alam yang berhubung kait dengan alam sekitar. Saya telah pun membangkitkan beberapa Soalan Bertulis kepada pihak kerajaan tetapi malangnya jawapan yang saya terima bahawa pihak kerajaan masih lagi ingin mahu meneruskan pusat penyembelihan khinzir dan juga lembu di dalam kawasan Bandaraya Shah Alam. Dan buat masa ini masih lagi ada 10,000 ekor khinzir yang ditenak secara haram.

Jadi justerulah ini akan juga mencemarkan alam sekitar dan tentulah Bandaraya Shah Alam ini tidak akan menjadi bandar mapan jikalau masalah ini tidak dapat diatasi. Dan saya fikir telah tiba masa dan ketika satu usaha dijalankan oleh pihak Kerajaan Persekutuan supaya pusat penyembelihan ini boleh dipindahkan. Mungkin daripada Dungun ini bersedia untuk menerima pemindahan daripada Shah Alam ke Kuala Terengganu saya dengan berbesar hati boleh hantar ke Dungun. *[Ketawa]* Kerana kerajaan Terengganu bersedia menerima.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan dan saya amat bersetuju dengan pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Tambun mengenai peruntukan yang disediakan untuk membangunkan tanah-tanah dan juga kampung tradisi di dalam kawasan bandar-bandar dan moleklah kalau dimulakan daripada kawasan bandar. Sebagai contoh di kawasan Shah Alam yang telah pun dinaikkan taraf. Kita ada lebih kurang 135,000 ekar tanah yang boleh dikategorikan

sebagai tanah rizab Melayu dan saya pun berfikir bagaimana kawasan lot rizab Melayu yang ianya menghadapi masalah lot yang kecil 3 ekar, 2 ekar dan 1 ekar boleh digabungkan dan dibangunkan secara pembangunan yang menyeluruh yang berasaskan kepada pelan pembangunan mengikut pelan susun atur terhadap *local development plan* yang ada mengikut perancangan pelan struktur Shah Alam. Tentulah memerlukan sokongan yang kuat daripada kerajaan terutama Kerajaan Persekutuan supaya kajian untuk membangunkan tanah-tanah ini yang akan berhubung kait tentang permintaan dan pasaran hartanah tersebut supaya dapat diatasi.

Jadi secara merumuskan usul ini bahawasanya saya bersetuju dengan pandangan daripada pihak Yang Berhormat bagi Tambun supaya satu usaha dapat dijalankan bagi menyelesaikan masalah pembangunan tanah rizab Melayu di kawasan bandar kerana kita lihat dan mengambil pengalaman daripada segi masalah pembangunan Kampung Baru dan Datuk Keramat yang berlaku di dalam Kuala Lumpur. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Sri Aman dulu.

**4.53 ptg.**

**Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Beberapa perkara yang saya hendak sentuh Pertama, Butiran 040000 tetapi sebelum itu saya ingin menjelaskan bahawa kedudukan Sarawak dalam perkara ini agak istimewa sedikit tetapi saya memang tahu bahawa Timbalan Menteri kita adalah seorang yang sangat bertanggungjawab dan prihatin terhadap perkara-perkara di Sarawak dan saya dalam perkara ini, saya minta jasa baik beliau untuk membawa semua penemuan-penemuan yang baik yang indah dari Semenanjung ini ke Sarawak untuk membantu apa yang harus dibantu di Sarawak....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Timbalan Menteri, Timbalan Menteri Malaysia bukan Sarawak.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Timbalan Menteri Malaysia tetapi dia berasal dari Miri dan kawan saya dari Sibu minta dia bagi lebih banyak lagi perhatian kepada

Sibu dan sekarang giliran saya untuk membawa perhatian beliau ke Sarawak dan lebih lagi ke Sri Aman.

Oleh kerana saya nampak di Sarawak kementerian ini tidak begitu dirasai dan saya harap selepas ini boleh lebih dirasai. Yang pertama, saya mintalah peruntukan yang lebih dibahagikan kepada Sarawak supaya kita dapat merasai kesan dan pengaruh kementerian ini di sana. Yang kedua, tentang rumah panjang ini saya minta kementerian ini mencari cara untuk membantu rumah panjang dan lebih-lebih lagi dalam hal bomba ini. Oleh kerana saya nampak, pertama, bomba di Sri Aman itu begitu kecil dan kalaulah ada kebakaran saya memang rasa kekuatan di sana tidak mencukupi. Jadi saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan saiz bomba di satu-satu kawasan.

Yang kedua, saya nampak tempat kita ini terlalu *urban centric* di mana bomba memang diletakkan di *urban* atau di pekan tetapi di kawasan saya begitu banyak rumah panjang yang berdekatan, berpuluh-puluh rumah panjang yang berdekatan tetapi tidak ada perkhidmatan bomba. Kita mengharapkan bomba yang datang dari bandar Sri Aman dan saya memang tahu sudah habis terbakar pun, bomba itu belum datang, bukan kerana tidak mahu datang, tetapi tidak dapat datang. Jadi, bolehkah kementerian memikirkan sesuatu untuk membantu penduduk-penduduk di rumah panjang?

Pertama tadi telah disebut oleh kawan saya dari Sela ngau, kita mintalah pertolongan untuk membuat rumah panjang. Mungkin ditambahkan. Sekarang RM5,000 untuk satu keluarga, mungkin boleh difikirkan untuk ditambahkan. Yang kedua, kalau pun tidak dapat memberi yang lebih banyak, bolehkah kementerian ini salurkan melalui majlis daerah untuk membantu membuat reka bentuk dapur yang lebih selamat. Oleh kerana apabila rumah panjang terbakar, kita mendengar 40 ke-50 keluarga tidak ada rumah dan tidak ada apa-apa. Selalu kebakaran bermula dari dapur. Mungkin bagi nasihat ataupun buat reka bentuk dan bagilah pertolongan terhadap isu itu.

Yang seterusnya, Tuan Pengerusi, kita tahu di Sarawak ini, dulu orang dari masyarakat saya, masyarakat Iban selalu berpindah dari satu kawasan ke satu



kawasan. Tetapi sekarang tidak berpindah lagi oleh kerana tidak ada ruang untuk berpindah, jadi, mereka sekarang sudah menetap dan membuat rumah panjang yang *permanent* (tetap) di sana. Bolehkah saya minta dalam hal kesihatan, kementerian ini memberi khidmat juga melalui majlis daerah (district council) tentang khidmat kesihatan, lebih-lebih lagi dalam hal pembedahan.

Oleh kerana sekarang, kadang-kadang kita lihat rumah panjang itu begitu cantik dari depan tetapi di belakang, oleh kerana inilah era baru dan idea baru, hal pembedahan tidak dapat diberi perhatian yang sempurna oleh mereka yang tidak ada kepakaran. Yang ada menghulurkan bantuan pada masa sekarang ialah Jabatan Kesihatan tetapi ini pun tidak begitu banyak. Jadi, saya amat menghargai kalaulah kementerian dapat memikirkan isu ini.

Yang seterusnya, yang *One-Off* ini, Butiran 080000. Oleh kerana kerajaan tempatan di Semenanjung ini saya nampak sudah begitu maju, bolehkah kementerian membantu membiayai kursus ini yang boleh kita beri kepada kakitangan kerajaan tempatan ataupun kepada 'walikota-walikota' kita, kepada sekretariat-sekretariat yang ada di sana ataupun kaunselor-kaunselor kita di Sarawak supaya kepakaran mereka adalah sama dan visi mereka adalah sama dengan visi-visi rakan-rakan kita yang ada di Semenanjung ini.

Peruntukan untuk Perumahan, Butiran 01508, halaman 263 ini, saya nampak makin lama makin kecil untuk Kerajaan Negeri Sarawak dan saya ingin tahu apakah masalah yang berlaku di sini? Tetapi saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila beliau menjawab nanti, mungkin saya sudah ada di Pulau Pinang tetapi saya akan baca jawapan-jawapan Timbalan Menteri. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih dan minta Timbalan Menteri menumpukan perhatian beliau terhadap perkara-perkara yang telah saya timbulkan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli.

**5.01 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Merujuk kepada B.14 dan P.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran 010000 – Pengurusan, yang melibatkan peruntukan RM57.471 juta. Untuk makluman Dewan, sebelum 29 November 1999, beberapa projek perumahan telah diluluskan untuk Kerajaan Terengganu. Kerja-kerja ukur tanah, perancangan tata atur kawasan perumahan oleh perancang bandar bertauliah, menilai kos oleh perunding ukur bahan, reka bentuk struktur perparitan dan jalan oleh jurutera bertauliah, reka bentuk bangunan oleh arkitek bertauliah dan soal siasat tanah oleh kontraktor tanah telah selesai, bahkan tapak-tapak perumahan ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, bahkan kontraktor-kontraktor telah dilantik untuk membina projek-projek perumahan ini yang melibatkan beribu-ribu unit rumah untuk manfaat rakyat miskin di Terengganu.

Ini kerana masih banyak rakyat Terengganu yang miskin, yang tidak mempunyai rumah walaupun Kerajaan Terengganu adalah kerajaan kedua terkaya di Malaysia tetapi mempunyai bilangan orang miskin yang kedua teramai di Malaysia. Saya pun tidak faham, macam mana Kerajaan UMNO dulu mentadbir Negeri Terengganu. Hampir 25 tahun hasil pendapatan daripada royalti minyak yang mencecah hampir RM7,000 juta. Harapan rakyat-rakyat miskin di negeri Terengganu kepada projek ini sangat besar. Tetapi tiba-tiba keyakinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mengatakan hampir mustahil Kerajaan UMNO Terengganu kalah dalam pilihan raya kesepuluh baru-baru ini menikam diri sendiri.

Rakyat Terengganu telah memberi pukulan *knock-out*, dengan izin, kepada UMNO dan PAS menang 100% kerusi Parlimen dan 28 daripada 32 kerusi DUN Terengganu. Tetapi kenapa, tiba-tiba Kerajaan UMNO di Persekutuan mendedahkan pekung di dada sebenarnya Kerajaan UMNO. Semua peruntukan untuk projek-projek perumahan kos rendah rakyat ini ditarik, sehingga sekarang ianya tidak diganti. Saya menasihatkan cukuplah Kerajaan UMNO Persekutuan menafikan hak-hak asasi rakyat miskin negeri Terengganu. Tolonglah salurkan balik peruntukan yang telah ditarik balik ini tanpa mengira perhitungan politik. Maksud hadis, “*Addinun nasihah*” –

“Agama itu adalah nasihat”. Soalan saya sekarang, berapa banyakkah rumah-rumah kos rendah yang diperlukan mengikut perancangan kerajaan dalam masa lima tahun ini untuk memastikan seluruh rakyat miskin di Malaysia dapat memperolehi rumah setidak-tidaknya rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian, seterusnya kepada Butiran 040000 – Kerajaan Tempatan, melibatkan lebih kurang RM48 juta dan 0401.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, minta penjelasan. Silakan Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...Yang Berhormat. Hari ini lain sedikit. Baik budi sedikit hari ini. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat supaya kita terus membela rakyat. Minta maaf, suara saya kurang sedikit. Kita semua setuju supaya rakyat perlu dibela, sama ada kerajaan negeri atau kerajaan Federal. Kerajaan Federal akan tetap membela rakyat Terengganu. Sebab itu kita terus salurkan wang kepada rakyat Terengganu tetapi saya hendak tengok Yang Berhormat dari Terengganu, setakat Kerajaan PAS ambil alih Terengganu ini, apa program yang telah dilaksanakan untuk membela rakyat Terengganu? Barulah kita boleh banding sebab Yang Berhormat ini lain daripada yang lain sedikit, orang terpelajar. Mengapa tidak buat satu *benchmark* perbandingan? Okay, kerajaan negeri buat 5,000 buah rumah kos rendah dan kerajaan Federal buat 5,000 buah rumah kos rendah, barulah nampak *matching*. Ha, sebab Yang Berhormat lain dari yang lain.

Yang depan pun tidak tahulah. [*Merujuk kepada Ahli Yang Berhormat bagi Dungun*] Macam mana Yang Berhormat, ini kita positif sedikitlah. Jangan ikut yang lain, menghentam, menghentam, menghentam. Yang Berhormat seorang terpelajar. Bukan cara yang lain, memfitnah. Saya rasa Yang Berhormat tidak bawa fitnah-fitnah itu. Mengapa Yang Berhormat berbeza pada pendekatan yang lain itu? Menunjukkan bahawa mengapa tidak, melainkan hendak bertanya dengan *the schedule Chief Minister* Terengganu, saya tidak tahulah. Depan ini ada. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Cikgu Rompin. Cikgu saya, saya kena beritahulah. Cikgu saya dulu kat UTM ini.

Seluruh masyarakat hendaklah difahamkan bahawa bilamana mana-mana parti telah menjadi kerajaan, maka dia bukannya kerajaan kepada mana-mana parti. Tetapi dia adalah kerajaan kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira mana-mana parti. Cuma apa yang kita lihat, dalam masa 25 tahun Kerajaan Terengganu diperintah oleh UMNO, rakyat miskin negeri Terengganu menduduki tempat kedua walhal negeri Terengganu merupakan negeri yang kedua terkaya di negara. Tetapi dalam waktu yang singkat, tidak sampai satu tahun, Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan PAS telah pun mengecualikan cukai-cukai pintu, mengecualikan tol-tol yang seringkali digunakan oleh rakyat-rakyat miskin dan juga telah menaikkan gaji-gaji imam 100% walaupun imam itu kita dapati 70% adalah UMNO.

Kita tidak kisah, kita tahu kita memerintah, kita memerintah untuk semua rakyat tanpa mengira parti. Terima kasih atas soalan tersebut.

Kesemua majlis-majlis daerah, [*Disampuk*] majlis-majlis perbandaran, bandaraya-bandaraya adalah di bawah kementerian ini. Setakat ini, tidak ada mana-mana majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran, bandaraya-bandaraya yang boleh berdikari dari segi emolumen, perkhidmatan dan bekalan, projek-projek pembangunan tanpa bantuan daripada kerajaan persekutuan, ini termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri. Sebab itu kementerian hendaklah menganggap semua majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran, bandaraya-bandaraya sebagai anak kandung mereka sendiri, bukannya membeza-bezakan yang ini anak kandung dan yang ini anak tiri. Kalau ini berlaku maka keadilan tidak dapat diwujudkan dan hubungan mesra sukar dicapai.

Tetapi yang menyedihkan saya, sebelum 29 November 1999 Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah memperolehi peruntukan secara berkala yang sempurna daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini untuk melicinkan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Terengganu tetapi itu sebelum 29 November 1999 tetapi kenapa sekarang sehingga ke tarikh hari ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi menyalurkan peruntukan-peruntukan

wajib kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu sehingga menyebabkan Kerajaan Negeri Terengganu terpaksa memberikan peruntukan negeri untuk tidak menyulitkan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Terengganu walhal tanggungan ini sepatutnya dipikul oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adalah penderaan kepada rakyat Terengganu yang ingin mengubah rasa untuk bernaung dan berteduh di bawah payung pemerintahan PAS yang, Insya–Allah, adil dan saksama tanpa mengira siapa UMNO, PAS, MCA dan orang-orang yang tidak berparti.

Seterusnya kita lihat masalah kerajaan tempatan. Berbeza kita lihat pelan-pelan yang ada di pejabat-pejabat majlis-majlis tempatan tidak teratur dan tidak sempurna. Banyak rekod-rekod pelan-pelan bangunan yang telah hilang, tidak sepertimana pelan-pelan ukur bahkan pelan-pelan ukur yang ada di Jabatan Ukur kekal sehingga beratus-ratus tahun tetapi pelan-pelan bangunan banyak yang hanya kekal di fail-fail di pejabat-pejabat majlis tempatan, majlis perbandaran dan juga majlis daerah mungkin lima hingga sepuluh tahun. Jadi kita lihat banyak bangunan-bangunan tersebut yang perlu diubahsuai. Bila sampai masa untuk diubahsuai maka sukar untuk pihak-pihak penguasa, pihak-pihak perancang untuk meluluskan ubahsuai tersebut kerana pelan yang lama telah hilang. Ini tidak sepatutnya berlaku bahkan dengan adanya perisian-perisian komputer yang terbaru ini saya mohon supaya selepas daripada ini kita minta pihak kementerian memantau dan memastikan bahawa pelan-pelan bangunan ini tidak hilang lagi dan kekal untuk beberapa ketika, kekal untuk selama mungkin sepertimana pelan ukur di Jabatan Ukur.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, adinda Jeli. Adinda sebagai Yang Berhormat, seorang peniaga sebelum ini. Mungkin luar Dewan pun kadang-kadang berniaga juga. Sebab itu pendapatan itu penting untuk menguruskan satu badan sama ada badan perbandaran ataupun badan satu daerah. Bila kerajaan PAS hapuskan semua cukai pintu bermakna sudah tidak ada pendapatan. Adakah ini cara yang cekap untuk mengawasi mengurus satu majlis daerah atau tertarik dengan populous demand, sudah janji tadi, janji masa pilihan raya, sebelum pilihan raya tidak yakin boleh menang tetapi terkejut bila menang, terpaksa buat, kalau tidak, dituduh tidak melaksanakan dalam manifestas...apa dia?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Manifesto.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Manifesto Pilihan Raya, tidak berapa sihat, kepala pun kurang sihat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, bermakna sebab, Yang Amat Berhormat Tuan Haji Hadi tidak ada, Menteri Besar Terengganu kalau tidak ada, selalunya kalau ada masalah, tidak payah jumpa Menteri Besar, jumpa Yang Berhormat depan kita Exco itu selesailah. Saya hendak tanya sikit, adakah ini mungkin tidak bijak pendekatannya menghapuskan cukai pintu, oleh kerana itu tidak ada pendapatan, lepas itu hendak mengelak, menuduh pula kepada Kuala Lumpur kononnya Kuala Lumpur tidak memberi revenue, tidak memberikan bantuan kewangan. Yang sebenarnya masalah timbul kerana dihapuskan cukai pintu. Ini satu tindakan yang tidak bijak, hanya hendak memancing undi sahaja. Apakah pandangan Yang Berhormat di sini tentang perkara ini. Melainkan Yang Berhormat hendak beri peluang kepada Menteri Besar Terengganu, kalau Tuan Haji Hadi tidak ada, dia boleh menjawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, Jeli jawab.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih kepada soalan yang kedua. Yang sebenarnya semasa pemerintahan UMNO dulu di Terengganu, cukai-cukai pintu ini tertunggak sampai berpuluh-puluh juta, berpuluh-puluh juta sampai tidak dapat dikutip, jadi kita fikir-fikir kalau berpuluh-puluh kita kenakan cukai pun kita tidak dapat kutip, jadi untuk menampakkan pentadbiran yang mesra rakyat, untuk rumah yang pertama, kita kecualikan cukai pintu tetapi yang kedua, yang ketiga, tidak, kita kenakan cukai pintu. Jadi sekarang ini tidak patutlah pasal kita memang sudah menggambarkan 25 tahun kita, dengan izin Tuan Pengerusi, we have a good faith with the federal government. Kerajaan Terengganu betul-betul with the good faith dengan Kerajaan Persekutuan. Kita tidak langsung meletakkan di kepala kita bahawa royalti ini akan ditarik balik. Kita tidak pernah meletakkan itu, kita dengan good faith, tiba-tiba pada tanggal 27 Oktober baru-baru ini sah dan termaktublah royalti tersebut ditarik balik. Walaupun begitu, kita sudah berjanji kepada rakyat maka kita akan terus tunaikan. Walau susah sekalipun berat sama dipikul, ringan sama dijinjing bagi Kerajaan Negeri Terengganu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Eh, nanti dulu, lama ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, ya, ya. Terperanjat ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Okay, kosong satu lagi, ini banyak ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Satu lagi, masa sudah lebih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Allahuakbar. Butiran 060000 Landskap Negara. Selepas Perjanjian Rio mengenai alam sekitar dan menghijaukan bumi maka kerajaan telah mengaktifkan Jabatan Landskap Negara. Memang sudah lama sepatutnya Jabatan Landskap Negara dijadikan jabatan berasingan memandangkan kadang-kadang pembangunan yang pesat melupakan perancang itu sendiri tentang keseimbangan eco. Kadang-kadang kerana kegilaan kepada hutan-hutan konkrit menyebabkan hutan-hutan asli dihapuskan untuk digantikan dengan hutan-hutan konkrit. Kalau tidak disedarkan dengan Persidangan Rio mungkin banyak kerajaan-kerajaan di dunia tidak merasa wajib untuk menghijaukan semula bumi-bumi yang sudah dibotakkan ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sikit, satu minit lagi. Lereng-lereng bukit diteres tanpa belas ihsan dengan tidak mengambil kira saluran-saliran air di bawah tanah sehingga menyebabkan rebahnya bangunan megah Highland Towers yang mengorbankan berpuluh-puluh orang. Pertanyaan saya, adakah Jabatan Landskap sudah mengkaji bahawa pokok-pokok yang ditanam secara banyak sekarang ini di hampir semua majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran dan Dewan Bandaraya adalah pokok-pokok yang sesuai hingga 20, 30, 40 tahun lagi. Ini kerana banyak pokok-pokok yang dulunya ditanam oleh Dewan Bandaraya dan majlis-majlis perbandaran mendapati pokok-pokok tersebut tidak mempunyai daya tahan yang kuat, rapuh, mudah tumbang dan mengganggu lalu lintas. Banyak pokok-

pokok tersebut yang tumbang apabila ditiup angin agak sederhana kencang atau bila hujan lebat. Di samping itu maintenance, dengan izin, untuk pokok-pokok tersebut rumit, leceh, memakan masa dan memakan kos tinggi sehingga banyak pokok-pokok tersebut telah ditebang dan diganti dengan pokok-pokok jenis baru yang dirasai sesuai oleh Jabatan Landskap Negara.

Di samping itu kita perhatikan bahawa kos-kos yang dikenakan oleh pembekal-pembekal pokok ini sekarang ini agak mahal dan agak kurang munasabah kerana saya pernah melihat kos-kos tender untuk menyediakan dan menanam pokok ini untuk membekal dan menanam pokok-pokok ini untuk majlis-majlis perbandaran dan Dewan Bandaraya. Saya harap pihak Jabatan Landskap mengambil perhatian terhadap rungutan saya tentang harga-harga tender membekal dan menanam pokok-pokok ini oleh kontraktor-kontraktor berkaitan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum w.b.t.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

#### **5.16 ptg**

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, khususnya kepada Ahli Dewan dan kepada pegawai kerajaan.

Saya ingin turut sama membahaskan B.14 dan B.16 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mengenai dengan beberapa perkara yang bersangkutan, Butiran 00400 Perparitan Bandar Pihak Berkuasa Tempatan. Hari ini dan ketika ini di suasana tempat dalam negara kita musim banjir, musim hujan, dan kebetulan di kawasan saya di Parlimen Kuala Selangor ini di Majlis Tempatan di beberapa tempat adalah banjir. Perkara ini sudah berlalu 50 tahun yang lalu dan hingga hari ini terutama di tempat saya di Majlis Tempatan Ijok, kebetulan tempat saya duduk hari ini di *long house*. Kalau di Sarawak ada rumah panjang di Simpang



Tiga Ijok ada juga rumah panjang, iaitu rumah murah tempat saya menghuni sekarang selalu menghadapi banjir.

Ini berlaku kerana perparitan di kawasan tempat saya tersebut yang mana diwujudkan ataupun dibina berpuluh-puluh tahun yang lalu tidak berfungsi lagi yang mana air ini menuju ke sungai. Jadi saya mengharapkan kepada pihak kementerian memberi pertimbangan yang sewajarnya yang mana kebetulan kawasan saya itu adalah kawasan yang berbilang kaum dan penempatan daripada zaman komunis dahulu. Jadi kebanyakan kaum Cina, Melayu dan juga India.

Pada Tuan Pengerusi, butiran yang kedua mengenai kebersihan. Hadis nabi mengatakan [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud kebersihan itu setengah daripada iman dan kebersihan itu setengah daripada kehidupan.

Tuan Pengerusi, menyentuh dengan kebersihan, terutama di kawasan saya di Parlimen Kuala Selangor masih lagi diiktiraf sebagai kawasan Majlis Daerah yang mula ingin membangun seperti majlis-majlis daerah yang lain di dalam negeri Selangor Darul Ehsan. Apa yang terdapat pada hari ini ialah di masa dahulu pembersihan kawasan-kawasan di dalam kawasan saya adalah Majlis Tempatan dan kini diswastakan dengan Alam Flora. Ada baiknya, nampak pada mulanya dalam masalah pembersihan kawasan ini adalah baik, walaupun peralatan-peralatan Alam Flora ini daripada Majlis Daerah dahulu dan nampaknya pada hari tidak ada penambahan, terutama dalam kawasan perumahan yang mana terdapat banyak kawasan yang tidak diselia. Jadi saya memohon kepada pihak Kerajaan Tempatan mengambil inisiatif untuk mencari jalan, bagaimana Alam Flora ini berfungsi seperti di mana awal-awal sebelum ini.

Tuan Pengerusi, Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat Butiran 00100 Balai Bomba dan Bangunan. Untuk pengetahuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan saya ada dua balai bomba. Satu di Batang Berjuntai dan satu bomba daerah di Kuala Selangor yang mana telah pun wujud selepas merdeka, bermakna hampir 50 tahun lamanya dan kawasan ini di tempat yang lama. Oleh kerana pembangunan yang memastikan bahawa perubahan pembangunan maka pekan Kuala Selangor digantikan dengan Bandar Baru Kuala Selangor yang mana

telah pun diberikan tempat untuk ditempatkan pembangunan bomba yang baru dan tanahnya pun telah disediakan.

Apa yang berlaku hari ini kita menanti dan menunggu daripada pihak Kerajaan Negeri dan memohon kepada kerajaan Negeri kepada Pusat dan ingin saya menyarankan supaya dapat disegerakan pemindahan bangunan lama kepada yang baru di mana tempatnya sudah sedia ada. Namun begitu saya mengharapkan, dan satu daripada rintihan daripada pengundi-pengundi di kawasan Kuala Selangor supaya ditambahkan lagi bangunan yang baru di kawasan sana terutama di kawasan Jeram yang agak jauh dengan Kelang dan juga Kuala Selangor. Berlaku baru-baru ini kebakaran yang melibatkan sederet dua puluh kedai lebih kurang telah pun musnah sebelum apa yang saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman yang mana kebakaran sudah selesai bomba belum sampai. Jadi ini wujud di tempat saya, jadi saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan Tempatan supaya mengambil kira perkara yang sedemikian.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali ialah mengenai majlis daerah dan bandaran. Apa yang kita nampak hari ini ialah penglibatan Ahli Undangan Negeri di majlis-majlis daerah atau bandaran. Dengan ini saya mengharapkan kepada pihak kementerian supaya menimbang dan memberikan cadangan supaya Ahli Parlimen diberi kesempatan menjadi ahli majlis daerah ataupun ahli bandaran, dengan tujuan untuk memberikan sumbangan bakti daripada Ahli Parlimen ini kepada ahli majlis daerah ataupun majlis bandaran di sesuatu tempat.

Dengan harapan demikian saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih, Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita sampai 8.30 malam ini.

**Dr. James Dawos Mamit:** Ya. Saya ingin merujuk kepada Maksud P.14 Butiran 00500 yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal. Peruntukan yang berjumlah lebih RM200 juta ini amat membanggakan. Oleh yang demikian saya menyarankan agar kementerian menerima pakai teknologi yang lebih canggih lagi

bagi pelupusan sampah supaya pengawalan kualiti alam sekitar dapat dikekalkan. Sebagaimana yang kita ketahui, pelupusan sisa pepejal di negara ini menggunakan kaedah-kaedah dengan izin *sanitary landfill* dan *incinerator*. Yang membimbangkan ialah pengeluaran bahan-bahan toksik oleh sisa-sisa pepejal. Bahan-bahan toksik ini seterusnya menyerap ke dalam tanah. Justeru air dalam tanah dan *aquifer* menjadi tercemar kalau *sanitary landfill* tidak dipasangkan dengan *geo textile* yang sesuai. Oleh yang demikian saya menyarankan agar sisa-sisa pepejal sebelum dilupuskan di *sanitary landfill* dirawat dahulu seperti, dengan izin *compress with high temperature* dan *pressure*, bukan hanya menggunakan *compactor*. Kaedah ini akan memastikan bahawa campuran sisa-sisa pepejal tidak dapat mengeluarkan bahan-bahan toksik jika dilupuskan.

Menyentuh pelupusan sisa pepejal dengan kaedah *incinerator* saya agak bimbang kerana gas-gas yang dikeluarkan semasa sisa-sisa dibakar dalam *incinerator* khususnya pembakaran bahan-bahan plastik. Gas *dioxin* yang dikeluarkan kalau selalu dihidu oleh penduduk-penduduk yang berdekatan dengan *incinerator* boleh menyebabkan penyakit barah. Insiden ini sudah pun dikesan di beberapa bandar di negara Jepun, di mana ibu-ibu yang tinggal berdekatan dengan *incinerator* yang menyusu bayi-bayi mereka didapati bahawa bayi-bayi mereka menghidapi penyakit barah.

Pihakberkuasa Tempatan dan pihak kesihatan awam negara itu berpendapat bahawa punca penyakit barah yang dihidapi oleh bayi-bayi ialah daripada gas *dioxin* yang memancar daripada proses *incineration* dan seterusnya dihidu oleh ibu-ibu tersebut. Justeru negara Jepun kini menggunakan satu bahan *catalyst* yang dapat menghalang pengeluaran *dioxin*. Oleh yang demikian adakah kementerian ingin menggunakan kaedah yang sama.

Tuan Pengerusi, cara yang lebih baik lagi bagi mengurangkan dan melupuskan sisa-sisa pepejal ialah kitar semula. Program kitar semula haruslah dipertingkatkan lagi dan saya mencadangkan berikut:-

- (i) pasar raya ataupun supermarket jangan sewenang-wenangnya menggunakan beg plastik untuk membungkus barangan.

Galakkan para pelanggan membawa beg-beg plastik sendiri dan mengurangkan sedikit jumlah kos barangan;

- (ii) supermarket harus menyediakan sudut di premis mereka untuk membeli balik, dengan izin *aluminum can* dan botol-botol kaca daripada pelanggan; dan
- (iii) bagi barangan kering supermarket haruslah menggunakan bungkusan kertas.

Tuan Pengerusi, dalam Maksud B.14 dan P.14, saya tidak melihat peruntukan bagi program pembangunan Local Agenda 21, dengan izin, walaupun kerajaan telah melaksanakan projek perintis Local Agenda 21 pada tahun lalu dan pihak-pihak berkuasa tempatan telah pun dipilih untuk melaksanakan projek perintis seperti di Majlis Perbandaran Miri, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Daerah Kerian dan Majlis Perbandaran Kuantan.

Saya berpendapat bahawa program Local Agenda 21 adalah penting kerana penglibatan semua lapisan masyarakat termasuk orang awam, sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan. Saya menyarankan agar program Local Agenda 21 terus dijalankan atas sebab-sebab berikut.

- (i) Local Agenda 21 boleh menangani keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar bersama ;
- (ii) Local Agenda 21 boleh merumus wawasan masa hadapan yang mapan berdasarkan persetujuan;
- (iii) Local Agenda 21 boleh melibatkan masyarakat tempatan; dan
- (iv) Local Agenda 21 boleh mewujudkan badan atau forum yang terdiri daripada pihak-pihak yang berkepentingan untuk menguruskan proses ini.

Saya ingin merujuk kepada Maksud P.6 Butiran 00200 iaitu Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan. Semasa kejadian kebakaran adalah mustahak bagi kakitangan-kakitangan bomba dan penyelamat sampai ke tempat kejadian dengan secepat mungkin. Kehilangan masa walaupun beberapa minit semasa kejadian kebakaran boleh menyebabkan kehilangan harta dan nyawa dan menyebabkan kerugian yang banyak. Bagi menentukan kakitangan-kakitangan bomba dan

penyelamat sampai ke tapak kebakaran dengan secepat mungkin, saya menyarankan supaya kerajaan mereka bentuk, dengan izin, *emergency lanes for fire engines* seperti di negara Jepun dan di kebanyakan negara-negara di Eropah.

Saya mencadangkan juga agar kereta-kereta bomba dilengkapi dengan peralatan yang boleh mengawal lampu-lampu isyarat agar perjalanan kereta-kereta tersebut tidak terganggu. Sistem ini diguna pakai di Finland dan di Sweden.

Dengan kata-kata yang demikian saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, Dungun. Selepas ini menteri menjawab.

**5.30 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Ali [Dungun]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana kebenaran dan keizinan untuk saya menyampaikan ucapan dalam membahaskan Kepala B.14 dan P.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sedang kita bahaskan sekarang.

Sebelum saya pergi kepada butiran-butiran selanjutnya, khususnya kepada Butiran 01500, saya suka menjelaskan sedikit kepada Yang Berhormat wakil Rompin - tak ada dah, saya ingat ada, dia acah saya kuat tadi, saya tidak melenting macam dialah Tuan Pengerusi, tetapi seka dar untuk memberi penjelasan berhubung dengan bahawa peruntukan yang dibuat menghapuskan tol dan sebagainya ini untuk menandakan bahawa Kerajaan Terengganu yang baru ini tidak cekap dalam mengurus pentadbiran.

Saya tidak tahulah macam mana wakil Rompin sudah jadi Ahli Parlimen lama tetapi tidak reti soal menyediakan budget bagi tiap-tiap tahun belanjawan yang dibuat oleh sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri. Budget yang kita bahaskan Tuan Pengerusi, sebagai contoh, kita belum tahu lagi secara pasti apakah hasil yang kita akan dapat tahun depan.

Budget untuk tahun 2001 kita tidak tahu hasil daripada mana, tetapi kita *anticipate* Yang Berhormat dengan izin, bahawa inilah duit yang akan kita dapat dan Terengganu menyediakan itu *in anticipation* bahawa duit royalti yang setiap tahun dapat, tidak mungkin tidak akan dapat. Sebab itu kita menyediakana belanjawan yang seperti itu. Malah pada bulan Februari pun kita dapat iaitu enam bulan yang kedua

tahun 1999, kita dapat RM400 juta, tetapi kita terpaksa mengalami ini kerana kita sendiri tidak menjangka sebenarnya bahawa di peringkat Kerajaan Pusat ini ada perompak. Kita tidak tahu sebenarnya.

**(Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa.***

Sebab mereka yang saya kenal itu tidak ada wajah-wajah perompak sebelum ini Tuan Pengerusi, tetapi yang berlaku, mereka bertukar menjadi perompak. Jadi sebab itulah budget itu disediakan *in anticipation* yang saya sebut tadi bahawa royalti itu akan diperolehi. Tidak ada, tidak ada terpaksa kita menanggung beban yang sepatutnya kita tidak tanggung. Jadi sebab itu, tidak timbul masalah tidak cekap malah kita lebih cekap daripada kerajaan yang memerintah negeri Terengganu dahulu.

Saya hendak memberi beberapa contoh, Tuan Pengerusi. Satu syarikat kerajaan, syarikat anak milik kerajaan .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah perkara ini ada hubung kait dengan.....

**Tuan Mustafa bin Ali:** Sebagai contoh, hendak respon kepada tidak cekap tadi Yang Berhormat [*Ketawa*] sebab yang menjawab tadi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Sebab sekarang ini kita berada dalam Jawatankuasa.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Seminit sahaja sebab hendak jelaskan ini. RM90 juta down the drain, dengan izin, lembaga pengarahnya syarikat baru *test run* untuk keluar *production* tetapi *sitting allowance* untuk lembaga pengarah RM3,000 untuk tiap-tiap sekali *sitting*. Mana ada sebuah syarikat yang boleh memberi macam itu, RM3,000 setiap lembaga pengarah *sitting allowance* yang diadakan tiap-tiap bulan, dijadualkan mesti ada walaupun tidak ada apa yang hendak bincang, mesyuarat. We have record tentang ini, cekapkah ini cara pentadbiran yang dulu. Bukan cekap tetapi mengkhianati duit rakyat yang diserahkan tanggungjawab itu.

Sekarang saya hendak pergi kepada Butiran 01500. Sewaktu Menteri Perumahan menjelaskan perkara ini dalam memberikan penjelasan, saya telah minta diberi jalan untuk penjelasan tetapi tidak diberi, jadi hari ini saya meminta peluang ini untuk memberikan penjelasan bahawa jawapan yang diberikan oleh Menteri

Perumahan berhubung dengan rumah kos rendah, 13 projek yang diberikan kepada negeri Terengganu ini beliau bercakap tanpa fakta. Dia tidak tahu, sebagai menteri dia tidak tahu apa yang berlaku di dalam kementerian dia. Ataupun kalau dia tahu dia bagi tahu itu, dia bohong.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dia tidak bagi tahu betul. Tetapi saya menganggap dia tidak tahulah, sebab tidak semua perkara-perkara barangkali ini penting bagi dia. Yang Terengganu ini bagi dia tidak penting, sebab itu dia tidak tahu dan tidak ambil tahu padahal ada pegawai dia yang dia boleh dapatkan figures banyak tetapi sengaja dia tidak beritahu fakta yang sebenarnya.

Apa yang dia jawab? Dia mengatakan bahawa kita bukan diskriminasi tetapi setiap projek yang dikemukakan itu tidak semestinya Menteri Kewangan akan mengeluarkan duit. Kita boleh buat cadangan tetapi duit itu bergantung kepada Kementerian Kewangan. Saya hendak beritahu di antara 13 projek yang telah dihentikan itu, termasuk 4 projek, 13 semuanya sudah ada perjanjian, 4 projek *on going* sudah dibayar sebahagian daripadanya pada tahun 1999 tetapi dihentikan pada tahun 2000. Ini bukan projek baru. Duitnya sudah ada. Sudah dikeluarkan pun, tetapi menteri telah kelentong, tidak jawab dengan betul.

Saya hendak bagi contoh, misalnya untuk barangkali mungkin pegawai Kementerian Perumahan ada dan pegawai tahu tetapi kalau menteri hendak ke ntong, dia hendak buat macam mana. Itu dia. Perumahan awam kos rendah Bukit Payong, Marang - jumlah projek value RM7 juta, sudah dibayarkan *on going* RM3.9 juta, sudah dibayar projek ini dihentikan. Mana projek baru? PAKR Kampung Buloh, Setiu - jumlah harga projek RM2 juta, sudah dibayar RM578,000 tahun sudah, dihentikan pada tahun 2000. PAKR Kertih 2, Kemaman - RM5.1, sudah dibayar RM1.2 juta. PAKR Mek Temah, Marang, projeknya RM6.2 juta, sudah dibayar RM1.1 juta, dihentikan.

Ini bukan projek baru. Bukan tidak ada perjanjian, malah sudah dibayar pun tetapi dihentikan. Ini bukan diskriminasi. Apa istilah yang boleh digunakan oleh pemimpin Kerajaan Pusat kalau ini bukan diskriminasi. Bukan satu penganiayaan.

Sebab itu istilah yang saya gunakan sangat tepat, Tuan Pengerusi. Perompak, ini perompak, Tuan Pengerusi. *[Tepuk]* Saya tidak mahu guna perkataan itu tetapi barangkali sesuai untuk orang yang seperti itu.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu contoh, bagaimana diskriminasi ini berlaku dalam projek perumahan. Banyak lagi projek-projek lain yang dilakukan, yang merupakan diskriminasi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Rompin ada ini saya hendak jawab, tambah sedikitlah kepada apa yang dia sebut tadi. Boleh izin, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah, Yang Berhormat.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tidak payah, jadi tidak puas hati pula ni.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab saya rasa Yang Berhormat bukannya hendak tunggu jawapan daripada Dungun. Jadi, teruskan.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Ha, dia masuk sat, dia masuk hendak dengar saya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Cuba tanya dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bincang luarlah, tidak payahlah.

*[Ketawa]*

**Tuan Mustafa bin Ali:** Okay, kita bincang luar. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri minta menjawab. Keputusan ini sudah dibuat oleh Pengerusi sendiri.

**5.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 22 orang yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan belanjawan Kementerian saya di peringkat jawatankuasa. Nampaknya banyak sudah dihuraikan dan dicadangkan juga. Ada juga kritik tentang usaha-usaha yang dijalankan daripada jabatan-jabatan di bawah kementerian saya. Walau bagaimanapun, sebab masa untuk menyediakan jawapan yang lengkap bagi semua yang dihuraikan itu maka apa yang saya akan jawab ialah seboleh-boleh secara



ringkas dan kalau apa yang lagi diperlukan oleh Yang Berhormat berkenaan yang membahaskan itu, silalah menulis surat kepada saya atau kementerian saya, kita akan jawab dengan lebih lengkap, dengan lebih terperinci.

Tuan Pengerusi, saya ada bahagikan teguran-teguran dan perbahasan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dalam tajuk-tajuk yang bersangkutan-paut dengan pejabat-pejabat yang di bawah kementerian saya iaitu Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perumahan, Jabatan Bomba, Jabatan Pembetungan dan juga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan terakhirnya Jabatan Landskap. Oleh sebab itu, maka saya minta maaf daripada Yang Berhormat sekalian kalau saya tidak sentuh nama-nama Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan. Kalau ada yang saya lupa, jangan rasa ragulah, pegawai-pegawai saya sudah mencatatkan perbahasan Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, saya ingin jawab sedikit mengenai Ahli Yang Berhormat dari Dungun dan juga Kemaman serta Jeli dan Rantau Panjang terutamanya mengenai masalah yang kita hadapi dengan pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sudah dibahas dalam peringkat dasar dan sebab perkara ini adalah mengenai perkara-perkara dasar Yang Berhormat Menteri saya iaitu Dato' Seri Ong Ka Ting telah memberi jawapan yang penuh dan panjang mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan terutamanya mengenai projek perumahan yang dianggap ditarik balik oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Bagi maksud itu, Tuan Pengerusi, saya rasa tidak payahlah saya tambah apa-apa lagi mengenai tajuk itu sebab ia sudah dijawab dan kalaulah .....

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Pengerusi, penjelasan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** ....dan kalaulah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Penjelasan, sikit sahaja.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Kalaulah Yang Berhormat rasa itu tidak memuaskan, saya rasa, saya tidak dapat menjawab lebih daripada itu sebab itu sudah dihuraikan dan diberi penjelasan yang penuh oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Oleh sebab itu, maka saya tidak akan bercadang menambah apa-apa bentuk yang sudah dijawab pada peringkat dasar.....

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Pengerusi, sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Dungun minta penjelasan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Sama tajuk?

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tajuknya saya hendak tanya .....

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Kalau sama tajuk, tidak payahlah sebab saya rasa Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tidak makan masa. Setengah minit. *[Disampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Dia sudah jawab, perkara .....

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya hendak tanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membetulkan kenyataan tidak betul yang dibuat oleh Menteri itu, saya hendak tanya itu sahaja, boleh tidak? *[Tepuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat Dungun, saya sudah jelaskan tadi, apa Yang Berhormat Menteri sudah jawab dan Yang Berhormat pun juga bantah. Bantahan itu pun sudah catat dalam kita punya *Hansard*. Saya rasa itu memadailah, tidak usah saya buat apa-apa tambahan.

Tuan Pengerusi, mengenai status permohonan Majlis Daerah Kemaman untuk menjadi perbandaran. Saya ingin sebut di sini, kriteria bagi menaikkan taraf pihak berkuasa tempatan telah pun sekarang dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan akan dibawa ke Majlis Negeri bagi Kerajaan Tempatan iaitu MNKT untuk diluluskan. Selepas diluluskan itu, bolehlah kemukakan permohonan berdasarkan kriteria-kriteria baru yang sudah sekarang ditetapkan oleh Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria bagi yang telah diluluskan, sebahagiannya adalah seperti yang saya bacakan: Kriteria bagi hasil tahunan – sekarang telah dinaikkan daripada RM5 juta setahun kepada RM10 juta setahun bagi majlis perbandaran. Di samping itu, dikenakan juga syarat atau kriteria baru berhubung dengan ciri-ciri pengurusan yang cekap seperti kutipan hasil, kecekapan pentadbiran pejabat dan sebagainya. Ini adalah untuk memastikan supaya majlis-majlis perbandaran yang baru mempunyai sistem pengurusan dan pentadbiran yang

baik dan cekap. Ini adalah selaras dengan kemajuan dan perkembangan pada alaf baru ini dan tidaklah semata-mata untuk mempunyai hasil yang melebihi RM10 juta tetapi mengamalkan pengurusan yang tidak cekap ataupun tidak profesional.

Itulah sebab kepada Yang Berhormat bagi Kemaman, apa sebab permohonan itu masih di dalam peringkat pertimbangan dan belum dapat diluluskan lagi. Bukan sebab masalah politik atau sebagainya.

Tuan Pengerusi, mengenai Majlis Daerah Pasir Mas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Yang saya difahamkan bahawa Majlis Perbandaran Kemaman sepatutnya diisytiharkan pada 1 Jun, sudah mereka buat persiapan untuk buat perisytiharan. Tetapi oleh kerana Barisan Nasional tak menang, maka ia tidak berlaku sampai hari ini. Jadi, maknanya keputusan itu ialah keputusan politik.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat itu anggapan Yang Berhormat sahaja. Tetapi dari peringkat kementerian kita uruskan perkara ini dengan kaedah-kaedah yang sedia ada dan tidak mengambil sama ada pihak berkuasa tempatan itu adalah di bawah Kerajaan PAS di Terengganu.

Bagi Majlis Daerah Pasir Mas, beliau tanya untuk minta sempadan Majlis Daerah itu diperluaskan dari kawasan operasinya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak Kerajaan Persekutuan atau kementerian saya tidak ada kuasa untuk menentukan kawasan kuasa operasi se sebuah PBT. Sebenarnya, hanya kerajaan negeri ada kuasa untuk perkara ini. Saya harap perkara ini boleh dimajukan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk diluluskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya minta supaya pihak kementerian bertanggungjawab betul-betul di mana beliau mengatakan kuasa pengawasan kawasan operasi negara ini kuasa kerajaan negeri, bukan Kerajaan Persekutuan. Saya minta betul-betul, bertanggungjawab dengan jawapan ini.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, saya rasa itu tidak ada salah, sebab PBT ialah satu bentuk kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri sama ada Yang Berhormat hendak satu majlis, dua majlis, tiga majlis itu terpulang kepada kerajaan

negeri masing-masing. Itu kita tidak ada hak untuk menentukan. Okay ini negeri Kelantan hanya empat majlis daerah atau berapa majlis daerah yang hendak ditubuhkan. Itu memang hakikatnya.

Sekarang kita masih dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan jabatan kerajaan tempatan. Seterusnya saya ingin menjawab sedikit perkara yang dihuraikan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong. Yang Berhormat bagi Jelutong hendak tanya sistem penswastan pengurusan sisa pepejal yang sekarang dijalankan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah membahagikan atau kawasan untuk diguna pakai sistem penswastan pengurusan sisa pepejal kepada empat wilayah, dan empat wilayah ini sekarang hanya dua wilayah yang kita boleh menggunakan atau kerajaan-kerajaan negeri menerima sistem penswastan ini. Wilayah itu ialah wilayah tengah, iaitu di mana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Selangor dirangkumi dalam satu syarikat konsesi yang diketuai oleh Alam Flora. Wilayah yang kedua ialah wilayah selatan iaitu Johor dan Melaka. Syarikat konsesi iaitu Southern Waste Management Sdn. Bhd. Bagi lain-lain wilayah, pihak konsesi itu masih dalam perundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri masing-masing supaya perkara ini boleh dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Jelutong juga hendak bertanya berapa mahkamah perbandaran yang telah diwujudkan di seluruh negara. Beliau mencadangkan supaya....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Minta penjelasan Tuan Pengerusi, tentang penswastan sisa pepejal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ingin tanya, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang prestasi pihak kontraktor swasta seperti Southern Waste Management (SWM) yang mana tadi dalam perbincangan, saya ada katakan daripada responden orang ramai di kedua-dua kawasan Majlis Daerah JBT dan Majlis Bandaraya Johor Bahru bahawa tentang kerja pembersihan sampah sarap, kerja membersihkan parit tepi jalan atau longkang dan kerja pemotongan rumput tepi jalan memang tidak memuaskan oleh

kerana mereka mempunyai kekurangan pekerja dan kekurangan lori '*compact master*'. Apa tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang hal ini. Kerana prestasi yang rendah ini atas kerja yang dijalankan ini telah wujud sejak penswastaaan kerja ini dijalankan.

Kita sebagai Wakil Rakyat dan ADUN dan Ahli Majlis sentiasa dapat rungutan dari orang ramai. Atas rungutan ini, adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya kita tidak akan mengadakan projek penswastaaan seperti yang diamalkan dengan mengadakan undang-undang seperti pewujudan IWK. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Sekian.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sistem yang sekarang sedang dijalankan oleh Alam Flora dan Southern Waste Management ialah secara *interim* sahaja. Ini bermakna penswastaaan itu belum dijalankan atau perjanjian penswastaaan itu masih belum ditandatangani, hanya sebagai peringkat *interim*. Buat masa sekarang, apa yang dibuat oleh pihak Kerajaan Tempatan dan juga PBT-PBT yang berkenaan, termasuklah Majlis Bandaraya Johor Bahru semua yang dibuat atau dilakukan, syarikat penswastaaan ini akan diuji dan diambil kira sama ada syarikat-syarikat ini berkesan atau mereka menjalankan tugasnya dengan sepenuh tanggungjawab dan sebagainya. Apabila ada rungutan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, perkara ini akan disampaikan. *Feedback* ini akan diberikan kepada syarikat ini supaya mereka boleh ambil tindakan yang sewajarnya seperti potong rumput yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, seperti pembersihan parit dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiu bangun.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tunggu dahulu. Sebab perkara interim, kita tidak dapat buat masa sekarang untuk membuatkan satu penilaian yang terakhir sama ada cara untuk penswastaaan ini sama ada betul ataupun tidak, ini terpulanglah kepada *feedback* yang kita dapati daripada orang awam. Okay, sila Jelutong.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya tadi adalah kita ada empat wilayah yang telah

dizonkan, tetapi masalahnya adalah seperti di Pulau Pinang yang dizonkan itu dia punya syarikat sisa pepejal ini, ia tidak dapat dijalankan. Program ini telah digantung. Dan soalan saya tadi adalah untuk mengatasi masalah *acquisition programme* ini kerajaan tempatan menghadapi masalah, sebab kalau ia beli mesin-mesin atau alat-alat nanti ia akan terpaksa serah kepada syarikat yang baru ini, dengan itu mereka tidak dapat membeli alat-alat ini dan ini akan menjejaskan program pembersihan di kawasan itu. Dan itu adalah soalan saya, bagaimana kita boleh atasi masalah itu?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Sebenarnya saya akan jawab itu, Yang Berhormat. Jabatan Kerajaan Tempatan sekarang sudah mengadakan satu program mulai tahun baru iaitu 2001 untuk memberi peruntukan yang mana dapat, yang mana kita rasa sangat perlu untuk membeli alat-alat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya majlis-majlis ini dapat berfungsi dengan baik seperti kenderaan-kenderaan sudah luput dan perlu diperbaharui, sebab rancangan penswastan ini maka pihak berkuasa tempatan berasa ragu-ragu untuk membeli baru. Oleh sebab itu maka JKT mempunyai program untuk menolong pihak berkuasa tempatan dalam perkara itu.

**Tuan Chang See Ten:** Minta Penjelasan. Boleh?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ada lagi?

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan tentang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, Northern Waste Sendirian Berhad belum dapat mulakan kerja penswastan di kawasan Pulau Pinang dan kawasan yang berhampiran dengan Pulau Pinang. Saya ingin balik kepada pertanyaan saya iaitu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada katakana bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih tinjau tentang maklum balas daripada responden-responden di kawasan-kawasan yang mana kerja penswastan sisa pepejal ini dijalankan.

Tadi, dalam perbahasan saya, saya sudah katakana bahawa majoriti tidak puas hati dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam penswastan di kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dan Majlis Bandaran Johor Bahru, semua kenderaan dan pekerja-pekerja yang terlibat dengan tugas pembersihan sisa pepejal, pembersihan parit-parit atau longkang dan pemetongan rumput tepi jalan, pembersihan jalan raya semua telah diambil oleh pihak Southern Waste Management Sendirian Berhad.

Bagaimanakah dengan keadaan ini, prestasi mereka tidak baik dan jika pihak kerajaan enggan tinjau daripada apa yang dilaporkan oleh wakil rakyat dan jika kerajaan putuskan tidak akan melanjutkan cadangan untuk menswastakan penswastan sisa pepejal, apa akan jadi tentang kenderaan dan pekerja yang telah diberikan kepada pihak swasta ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu adakah pihak kementerian ada meninjau daripada pengalaman di negara Jerman, yang mana negara ini yang sangat advanced, sangat maju tetapi hingga masa sekarang mereka pun tidak berani hendak menswastakan kerja-kerja penswastan sisa pepejal ini seperti yang akan dilakukan, Majlis Bandaraya di Johor Bahru dan Majlis Daerah JB Tengah sudah diadakan dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di beberapa tempat. Kita sudah dapati ada rungutan dari orang ramai dan di negara Jerman, mereka masih kekalkan fungsi kerja pembersihan ini kepada County Council dan setiap County Council memang ada pekerja dan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah panjang ucapan?

**Tuan Chang See Ten:** Saya cuma hendak memberikan satu misalan. Dan mereka jika menghadapi kekurangan pekerja dan kenderaan, County Council sendiri ambil kontraktor untuk membuat kerja. Misalnya kalau kontraktor gagal, sekurang-kurangnya pihak County Council ada pekerja sendiri, kenderaan sendiri boleh beri *back-up service*. Tetapi pada masa sekarang bila pihak swasta gagal menjalankan apa kerja, pihak berkuasa tempatan kerana menghadapi ketiadaan pekerja dan kenderaan, mereka tidak boleh berikan *back-up service*. Ini satu masalah yang kita hadapi. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, kalau hendak jawab seluruh yang ditanya tadi itu adalah sangat panjang, sebab pendek kata apa yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat tadi, memang bagus, perkara-perkara ini telah dibincangkan dalam jawatankuasa kajian yang saya akan jawab sebentar lagi. Dalam kajian itu, sebab Yang Berhormat, Yang Berhormat Kemaman juga tanya adakah kajian dibuat sebelum penswastan pengurusan sisa pepejal ini dijalankan.

Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini, kementerian telah menjalankan beberapa kajian sebelum penswastan pengurusan sisa pepejal ini diadakan. Antara kajian tersebut ialah kajian pelan tindakan pengurusan sisa pepejal bagi Semenanjung Malaysia tahun 1988. Dan master plan bagi pengurusan sisa pepejal bagi Pulau Pinang tahun 1988 dan lagi master plan bagi pengurusan sisa pepejal bagi MPPJ (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) tahun 1988. Dan oleh sebab itu maka kita berhati-hati untuk melaksanakan perkara ini dan oleh sebab itu maka cara interimlah sekarang digunakan oleh kerajaan supaya kita tidak menghadapi masalah yang besar seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sudah mengingatkan kita.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya hendak teruskan, minta maaf ya. Saya ingin teruskan kepada tajuk yang lain sebab saya ada banyak perkara di sini, Yang Berhormat. Tidak payahlah, kita sudah jawab agak panjang.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Wang RM24 juta...*[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jelutong bertanya tadi tentang mahkamah perbandaran. Ingin saya sebutkan di sini cadangan untuk kita menggunakan kaedah, dengan izin, service based rather than punishment based. Ini memang satu cadangan yang baik. Sebenarnya perkara ini sudah diambil kira dalam satu rang undang-undang yang kita harapkan suatu hari nanti kita boleh bentangkan sebab sekarang masih menghadapi sedikit masalah di Jabatan Peguam Negara. Dan kita akan menggunakan cara ini di mana pihak bersalah yang ditangkap sudah salah atau tangkap sebagai menyalahi undang-undang tersebut akan dihukum dengan izin, service based type of punishment, service based activities.

Bagi Yang Berhormat Sib, Yang Berhormat minta kementerian saya atau jabatan kerajaan tempatan cuba menolong pihak-pihak berkuasa tempatan iaitu majlis daerah atau majlis perbandaran dengan pemberian tong sampah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya rancangan ini telah di dalam jabatan kita dan pembelian tong sampah ini sedang dalam proses penilaian terakhir dalam tendernya. Apabila kita telah selesai tender, kita bolehlah memberi tong sampah walaupun tidak semua setiap rumah ada tong sampah tetapi yang mana kita akan gunakan atau



menjalankan program kitar semula di 29 majlis perbandaran dan majlis daerah di seluruh negara . Sebenarnya perkara ini sudah diambil kira oleh jabatan kerajaan tempatan.

Mengenai pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh hendak tahu bilakah kita boleh membentangkan pindaan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita ingin hendak bentangkan dalam sesi ini tetapi ada sedikit masalah dari segi drafting dan sebagainya. Oleh sebab itu maka kita belum dapat siap lagi sepenuhnya pindaan akta ini dan kita haraplah dalam sesi akan datang iaitu sesi Mac tahun 2001 kita akan membentangkan pindaan itu. Minta maaf sebab perkara ini belum diselesaikan. Saya tidak dapat memberi apa-apa penjelasan tentang cadangan pindaan yang kita akan masuki dalam rang undang-undang itu.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh juga ingin hendak tahu siapa akan bertanggungjawab ke atas perumahan mengeluarkan hak milik strata. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pemaju yang diberi tanggungjawab dan mempunyai tanggungjawab untuk mengeluarkan hak milik strata title. Sebab itu dalam akta yang dicadangkan di atas meja kita baru-baru ini, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah mencadangkan perkara ini diurus dengan cara yang lebih ketat dan kaedah-kaedah dalam pindaan akta itu sudah di hadapan meja kita dan oleh sebab itu Ahli Yang Berhormat bolehlah baca daripada sana tetapi pokoknya ialah pemaju. Pihak pemaju mesti bertanggungjawab tentang pengeluaran hak milik individu strata title atau hak milik strata.

Tuan Pengerusi,...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hanya ingin menanya sama ada kalau pada masa yang akan datang bila penghuni kondominium ataupun flat menghadapi masalah di mana pemaju enggan memberi strata title kepada mereka, adakah mereka perlu menyampaikan

aduan mereka kepada Pejabat Tanah dan Galian ataupun kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Permohonan, permohonan. Ya, dia mesti uruskan perkara ini dengan Kementerian Tanah....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kepada Pejabat Tanah dan Galian?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kerana yang masalah sekarang banyak kondominium yang mana penghuni itu tidak mendapat strata title lagi tetapi mengikut Akta Strata Title yang pemaju seharusnya memohon strata title kepada mereka selepas enam bulan selepas kondominium dibina. Jadi, sekarang ada banyak masalah seperti ini di sekitar Wilayah Persekutuan. Jadi bila mereka mempunyai masalah adakah mereka perlu menyampaikan kompelin mereka kepada Pejabat Tanah dan Galiankah?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, itu yang perlu dilaksanakan oleh pihak pembeli. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Seputeh punya soalan sekiranya pemaju enggan memberikan strata jadi aduan itu dituju kepada siapa? Kepada kementerian Yang Berhormat ataupun Kementerian Tanah. Inilah soalan dia.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, ya. Kalau dia engganlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pemaju yang...

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Pemaju.. Pihak pembeli perlu melaporkan kepada atau memberi aduan ini kepada jabatan tanah. Di mana di bawah Akta Strata Title ini Akta Hak Milik Strata ini dikendalikan oleh pihak kementerian tanah dan daripada akta itulah kalau pemaju gagal atau enggan mereka boleh dipersalahkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh fahamkah?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** *[Ketawa]* Okay...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi maksudnya Kementerian Tanah dan Cooperative ya.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ha, Koperasi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Koperasi.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cukuplah. Okay. Perumahan ya. Masalah perumahan yang disentuh oleh ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah memberi satu permohonan atau minta penjelasan mengenai sama ada PPR ini yang di Lembah Klang ini boleh dijual oleh pihak penghuni. Jawapannya ialah tidak bolehlah sebab PPR ini memang maksudnya ialah untuk disewakan sahaja tidak boleh dijualkan kepada sesiapa. Sebab setingan ini dipindah kepada projek itu sebab mereka dilindungi sementara sahaja. Apabila projek perumahan kos rendah itu siap mereka perlu dipindahkan kepada tempat yang lain.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah ingin hendak tahu, apakah bentuk kawalan mengenai memastikan rumah-rumah yang diserahkan oleh pemaju sebenar-benarnya bermutu?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya telah menggunakan banyak kaedah terutamanya kita telah menyediakan satu jawatankuasa pemantauan. Kita sudah mengadakan lawatan ke projek-projek tersebut apabila projek ini masih di dalam peringkat pelaksanaan untuk mengawal situasinya dan kita telah juga memperuntukkan bahawa rumah yang diserahkan kepada pemilik kosong hendaklah disediakan dengan bekalan air dan elektrik dan memiliki perakuan arkitek bahawa rumah tersebut siap dengan sempurna.

Pemaju juga telah mengemukakan Borang E iaitu permohonan mendapatkan CF yang mengandungi perakuan dan sokongan daripada tujuh agensi teknikal sebelum CF itu boleh dikeluarkan. Inilah kaedah-kaedah yang digunakan. Yang penting saya rasa di sini ialah perakuan yang dikeluarkan oleh pihak arkitek sebab kita perlu memberi sedikit harapan atau *trust*, dengan izin, kepada pihak arkitek kerana pihak arkitek adalah profesional. Dan kalau mereka sudah mengakui projek itu sudah dibina dan disiapkan dengan sempurna, maka kita terimalah perakuan itu dan kita tidak boleh pertikaikan sewenang-wenangnya tanpa ada bukti.

Oleh sebab itu, maka ada juga masalah-masalah yang berkaitan tentang kecacatan yang dikesan apabila unit rumah tersebut diserahkan kemudian. Kalau ada kes-kes seperti itu, saya minta Yang Berhormat sampaikan maklumat yang lebih

terperinci kepada saya dan kita akan ambil tindakan terhadap pihak arkitek yang menyeleweng daripada tanggungjawabnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Parit bangun.

**Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat:** Sedikit sahaja, penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin penjelasan, tahukah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, rumah kos rendah telah dijual pada harga kos sederhana. Ini terdapat banyak sungutan daripada orang ramai. Rumah kos rendah sebagaimana yang kita tahu, berharga RM15 ribu hingga RM25 ribu, dijual dengan harga kos sederhana iaitu RM35 ribu hingga RM40 ribu. Jika kementerian tahu, berapakah jumlah yang telah diselewengkan? Yang kedua, berapa banyak rumah kos rendah yang ada di seluruh negara yang telah dibina mengikut ceraihan negeri? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Bagi soalan satu, saya sedar ada kes berlaku sebab kita telah terima aduan seperti ini daripada orang ramai. Tetapi apabila kita menyasat perkara-perkara ini, kita tidak dapat bukti yang kukuh untuk menyalahkan pemaju tersebut. Sebab saya difahamkan ada dua, tiga perjanjian digunakan oleh pihak-pihak berkenaan tetapi kita tidak dapat bukti-bukti yang kukuh untuk membawa mereka ke mahkamah. Tetapi, saya ingin sebut di sini, kalau ada pihak-pihak yang melanggar syarat-syarat yang dikenakan oleh permit atau lesen yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, kita akan membawa mereka ke mahkamah. Mengenai soalan kedua, saya tidak ada angka di sini untuk Yang Berhormat. Saya minta maaf sebab itu hendak spesifik jugalah.

Yang Berhormat bagi Serdang tanya, apakah kriteria sama ada JPN (Jabatan Perumahan Negara) dan SPN (Syarikat Perumahan Negara) bercanggah atau tidak? Ini memang satu point yang baiklah Yang Berhormat. Kita rasa juga di kementerian, apabila perkara ini diumumkan, sekarang sebenarnya kita sudah tubuh satu jawatankuasa penyelarasan dan pelaksanaan rumah kos rendah di kementerian supaya kita boleh sentiasa berhubung dengan SPN. Macam mana kita boleh melaksanakan projek-projek rumah kos rendah, bagi PPR di masa akan datang supaya tidak ada percanggahan yang akan berlaku.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Sepanjang masa ini tertubuhnya Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan Jabatan Perumahan Negara, adakah ini bercanggah sepanjang masa? Adakah masalah dihadapi oleh kedua-dua agensi ini dan siapa yang mengendalikan sebenarnya projek perumahan kos rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Kementerian Kewangan? Ini penting untuk orang ramai. Sila beri penjelasan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Baik. Setakat ini, Perumahan Awam Kos Rendah, PAKR ini dikendalikan oleh kementerian saya iaitu Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan PPR ini akan dikendalikan oleh SPN buat masa sekarang dan SPN juga bertanggungjawab untuk menghidupkan lagi projek-projek terbengkalai yang sedia ada. Itu kita punya *separation of duties*lah, dengan izin.

Akhirnya, Yang Berhormat bagi Tambun tanya mengenai ....

**Dato' Yap Pian Hon:** Minta maaf, Tuan Pengerusi. Saya pernah menyentuh cara mana pihak kementerian untuk mengendalikan keekonomi ke kampung-kampung baru? Walaupun Yang Berhormat dari Sarawak, tetapi di Semenanjung Malaysia terdapat 452 kampung terlibat dengan..., 1.8 milion *population*. Jadi, apa caranya untuk memberi perangsang kepada rakyat di kampung-kampung tersebut?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasihlah Yang Berhormat. Sebenarnya baru-baru ini saya sudah bincang dengan pihak Menteri. Beliau sangat memberi tumpuan kepada masalah perkampungan tradisional ini dan juga cadangan ialah untuk menambahkan jumlah perbelanjaan yang sedia ada di dalam buku kita supaya kita boleh gunakan lebih daripada itu untuk kemajuan perkampungan ini dan ini saya rasa termasuklah benda-benda yang disebutkan oleh Yang Berhormat, macam mana kita boleh mempertingkatkan keupayaan dan sebagainya kepada kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat bagi Tambun ada bertanya tentang siapa yang menentukan harga rumah yang sekarang dijual di pasaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian hanya menetapkan harga rumah kos rendah sahaja buat masa sekarang dan penentuan untuk harga-harga yang lain memanglah mengikuti apa yang dirasa laku di pasaran seperti yang ditetapkan oleh pihak pemaju. Maksudnya ialah

kalau pemaju rasa harga itu terlalu tinggi dan tidak ada permintaan maka harga itu akan turun tetapi sebaliknya kalau tidak ada banyak yang hendak beli rumah di dalam sesuatu kawasan maka kawasan itu menjadikan kawasan yang agak tinggi juga dia punya harga-harga rumah sebab kita rasa tidak ada cara lain yang lebih baik daripada ini buat masa sekarang walaupun saya nampak Yang Berhormat ada satu cadangan, kita akan cuba ambil kira macam mana sama ada zon ini boleh digunakan. Ini untuk buat masa hadapan tetapi buat masa sekarang, kita masih gunakan kaedah ini sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Jeli dia baru balik daripada Mesyuarat Pengurusan syarikat dia dalam bidang ukur tanah, habis kerja-kerja ukur tanah Kelantan dan Terengganu, semua syarikat dia sudah dibagi PAS kepada dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu Timbalan Menteri tidak sentuh perkara itu tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, tentang ukur ini penting, tentang rumah, ukur, dulu kalau rumah rendah luar bandar RM25,000, bandar RM35,000. Saya hendak bertanya, kita syabas kepada kerajaan, kita letak satu tahap dari segi *benchmark* supaya rumah jangan lebih daripada RM25,000 luar bandar, RM35,000 di bandar tetapi kadang-kadang mungkin rumah itu RM35,000 yang dijual oleh syarikat perumahan A dan RM35,000 dijual oleh syarikat perumahan B tetapi oleh kerana kita tidak ada satu garis panduan tentang kemudahan-kemudahan yang ada, hanya kita kata mesti dua bilik atau tiga bilik tetapi *furnishes* tidak ada, jenis kayu untuk pintu macam mana, *flooring cement* macam mana, bilik tidur punya *furnishes* macam mana, jenis *plumbing* apa dia.

Kadang-kadang dia mungkin RM35,000 tetapi dia *get away*, dengan izin, dengan memberikan alat-alat yang *inferior*, so kadang-kadang rumah itu mungkin RM35,000 tetapi kalau kita nilai sebenarnya murah daripada itu sebab dia menggunakan alat-alat yang *inferior*, tidak pada tahap yang sepatutnya. Bagaimana kerajaan mengawasi supaya mereka yang menjual rumah murah ini pada tahap RM25,000 di luar bandar, RM35,000 di bandar, mereka ini ada satu garis panduan.

Katakanlah toilet punya fitting, ini jenisnya, electrical fitting ini jenisnya, wall furnishing ini mesti jenisnya, cat ini jenisnya.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan sedikit satu *bench marking* tentang *furnishes* rumah-rumah ini supaya orang ramai kadang-kadang majoriti daripada syarikat perumahan kita tidak begitu tetapi ada juga dua tiga budak hitam ini. Minta sikit jaminan kerajaan supaya pengawasan tentang kualiti rumah-rumah rendah yang ditawarkan dalam pasaran. Minta sikit pandangan Datuk Menteri.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan *Jawatankuasa*]

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasihlah Yang Berhormat. Sebenarnya reka bentuk plan itu adalah disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara dan dalam reka bentuk plan itu memang terdapat reka bentuk yang asas iaitu *structural plan* tetapi memang tidak masuk seperti *furnishing* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Saya rasa cadangan itu kita boleh ambil pertimbangan, we slowly act in, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat bagi Selangau minta adakah kementerian saya memberi reka bentuk atau satu reka bentuk yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman juga sebagai panduan atau model bagi rumah panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berdua itu, baru-baru ini kementerian saya bersama dengan Kementerian Perumahan Sarawak telah mengadakan satu seminar mengenai rumah tradisional Sarawak. Beberapa reka bentuk rumah tradisional termasuklah rumah panjang telah dikemukakan untuk diguna pakai di masa akan datang.

Ini belum kita gunakannya sebagai panduan lagi kerana maklumlah perkara ini kita perlu berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya Kerajaan Negeri Sarawak terima pelan-pelan tersebut atau reka bentuk tersebut supaya rumah-rumah panjang ini dibina dengan sistem yang lebih baik sebab pada masa sekarang mereka masing-masing menggunakan caranya sendiri untuk membuat rumah panjang mereka. Kadang kala tidak ambil kaedah-kaedah seperti *safety*, dengan izin, dan lain-lain kaedah yang perlu kita reka supaya kalau ada kebakaran yang berlaku maka kita boleh menyelamatkan sebahagian atau beberapa pintu atau bilik yang kita dapat dalam rumah itu supaya api itu tidak merebak dengan senang dan sebagainya. Itu adalah satu rekaan baru dan kita harap boleh juga diterima oleh masyarakat kaum Iban di Sarawak.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak tanya sikit saja tuan Pengerusi, tidak banyak. Kita banyak mendengar tadi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri termasuk Sarawak pun membuat perumahan-perumahan untuk rakyat yang memerlukan rumah murah atau kos rendah. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat ada *figure* sikit saja, ada perbandingan, kita difahamkan Bandaraya ada buat rumah murah dia, kerajaan negeri ada rumah, di Kelantan macam mana sebab sebelah sana beria-ia benar dia kata dia membela rakyat dia, tetapi di Kelantan macam mana? Ada tidak Yang Berhormat, sikit saja Tuan Pengerusi, setakat ini berapa rumah yang dia buat? Adakah Kerajaan Kelantan kata tidak payah buat rumah sebab ini kata ini, buat rumah sendiri. Ini saya hendak minta pandangan Datuk Timbalan Menteri sedikit.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Semua rumah ini memang terpulanglah kepada negeri masing-masing .....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Nanti bagi dia jawab yang itu dulu.

**Datuk Peter Chin Fah Kui :** .....disediakan atau dirangkumi dalam pelan-pelannya dan kalau ada rumah juga kita tidak ada angka sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Setiu bangun Yang Berhormat, hendak ba gi jalan?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Setiu bangun, Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Penjelasan Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapakah 13 projek rumah kos rendah yang bernilai lebih daripada RM30 juta yang telah diluluskan kepada Negeri Terengganu ditarik balik selepas pertukaran kerajaan. Adakah ini merupakan dasar kerajaan Barisan Nasional sekarang ini? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya sudah jawab tadi. Saya sudah jawab perkara ini, kita tidak payah bincang lagi semula ya.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.....



**Tuan Pengerusi:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okay, hanya sedikit sahaja lagi, bomba sahaja yang tinggal.

**Tuan Pengerusi:** Bomba ya,

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okay, ini perumahan, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya mengapa peruntukan pemindahan setingga tidak di dalam peruntukan KPKT dalam belanjawan kita kali ini. Pemindahan ini memang terpulang kepada negeri, setiap negeri yang perlu merancang sendiri. Kalau dia hendak memindah setingga-setingga mereka, mereka perlulah menyediakan peruntukan untuk memindahkan mereka. Itu sampai kepada kita punya peruntukan atau sampai kita punya tanggungjawab di pihak kementerian di sini.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga bertanya sama ada PBT atau pihak berkuasa tempatan masih tidak ada rancangan struktur dan sama ada rancangan struktur ini termasuk Kelantan dan Negeri Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian saya akan meneruskan penyediaan rancangan-rancangan tempatan bagi semua PBT yang masih belum mempunyai rancangan tempatan dan juga penggubalan rancangan-rancangan struktur atau review bagi rancangan-rancangan yang sedia ada buat masa sekarang. Sebanyak 87 rancangan tempatan diprogramkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan 22 rancangan struktur akan dibuat.

Yang Berhormat bagi Shah Alam ingin bertanya sama ada pelan struktur yang diluluskan oleh peringkat Persekutuan. Mengenai pelan ini tidak cukup pengawasan, beliau hendak minta lebih lagi usaha untuk mengawasi pelaksanaannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan struktur ini sebenarnya diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri dan bukan di peringkat Persekutuan. Oleh sebab itu pengurusannya atau pihak-pihak yang ada tanggungjawab atau kuasa untuk memastikan rancangan struktur itu diikuti ialah pihak negeri.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya memasuki dalam soal bomba yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, ada dua perkara penting yang saya bangkitkan. Pertama tentang projek terbengkalai, Yang Berhormat ada menyentuh mengenai dengan peranan SPN dalam projek terbengkalai, boleh Yang Berhormat jelaskan lebih sedikit untuk saya maklumkan kepada mereka yang terlibat dalam proses pengambilan alih projek oleh SPN dan tempoh masa pengambilan alih projek terbengkalai tersebut. Kedua, mengenai dengan kampung tersusun Melayu dalam kawasan bandaraya dari segi pembiayaan pembangunan infrastruktur yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat tadi.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kampung-kampung tersusun ini atau kampung tradisional ini memang kita berhasrat untuk mempertingkatkan lagi amaun geran-geran yang kita akan menyalurkan untuk projek-projek dalam kampung-kampung tersebut. Kita akan memberi perhatian yang lebihlah. Ini memang menjadi satu hasrat Yang Berhormat Menteri.

Mengenai perkara yang disebutkan iaitu SPN ini atau projek terbengkalai ini, kita mempunyai satu jawatankuasa di mana pihak kementerian terus berbincang dengan pihak SPN mengenai projek-projek yang terbengkalai di mana projek itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada cukup daya maju (viable), kita akan menyerahkan projek ini kepada SPN dan pihak SPN akan menggunakan caranya dengan rundingan pihak pembeli dan juga pemaju untuk cara-cara untuk membangunkan semula projek-projek tersebut tetapi kaedah-kaedah terperinci saya tidak tahu lagilah. Ini memang saya rasa Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, Chairmannya Yang Berhormat Bagan Datoh dia akan lebih faham tentang perkara ini macam mana kaedahnya dan saya rasa kalau perlulah saya akan jawab dengan lebih terperinci secara bertulis.

Banyak Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang pili bomba yang tidak berkesan. Terima kasihlah Yang Berhormat dan kita juga akui ada juga pili-pili bomba buat masa sekarang tidak berfungsi. Oleh sebab itu kementerian sudah memperuntukkan satu kewangan yang agak besar juga untuk memperbaiki lagi pili-pili bomba yang telah dikesan tidak berfungsi. Tetapi bukan semua masalah yang dihadapi apabila ada kebakaran berlaku disebabkan pili bomba tidak berfungsi. Ada

juga disebabkan oleh kerana tekanan air yang tidak cukup kuat dan kadang-kadang sebab itu orang ramai melihat dari jauh seolah-olahnya pili bomba itu tidak berfungsi. Sebenarnya itu bukan masalah, kadangkala itu yang berlaku juga dan dari orang ramailah liputan pressnya atau surat khabarnya, mereka sebut itulah masalah pili bomba yang tidak berfungsi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Pertanyaan, Tuan Pengerusi, kita dapat tahu bahawa memang Ketua Pengarah Jabatan Bomba pernah memberikan arahan mulai tahun 1980 bahawa tiap-tiap pili bomba pihak bomba mesti memeriksa tiga kali setahun sekurang-kurangnya. Kenapa selama ini jadual yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Bomba ini tidak diikuti oleh pegawai bomba. Adakah ini kerana kekurangan kakitangan atau kerana tiada pasukan khas dan kelengkapan khas seperti kenderaan khas digunakan khusus untuk pemeriksaan pili-pili bomba di seluruh negara.

Ada satu ketika di kawasan saya pili bomba di depan bangunan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, bila 8 buah kedai berhadapan dengan pejabat Majlis Daerah JBT terbakar, kenderaan bomba sampai, buka pili bomba dan tidak boleh berfungsi. Ini sudah mengakibatkan semua 8 buah kedai itu terbakar dan tidak dapat diselamatkan dan perlu pergi ke tempat lain gunakan pili bomba yang jauh sedikit daripada tempat itu. Pili bomba yang dekat sekali tidak boleh dipakai. Adakah oleh kerana kekurangan kakitangan, oleh kerana Jabatan Bomba dan Penyelamat pun di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bolehkah pihak berkuasa tempatan diminta bekerjasama untuk sama-sama memeriksa pili bomba, kerana Jabatan Bomba menghadapi kekurangan dengan kakitangan untuk kerja yang penting ini. Saya harap dapat penerangan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk mengesan sama ada pili bomba itu boleh berfungsi atau tidak kita sudah gunakan tiga caralah iaitu:

- (i) Gunakan anggota bomba kita sendiri untuk memeriksa. Sebenarnya sekarang kita telah memberi satu arahan kepada semua balai bomba untuk mengadakan suatu *road map* bagi semua pili dan mana pili yang tidak berfungsi dan kena tukar apabila kena

belanjawan yang lebih, perkara ini boleh disampaikan kepada bomba di Kuala Lumpur atau di peringkat ibu kota supaya peruntukan boleh disalurkan kepada mereka.

- (ii) Kita gunakan ahli-ahli bomba sukarela untuk menolong memeriksakan pili-pili bomba ini di mana ada tertubuh pasukan bomba sukarela
- (iii) Kita gunakan program dengan izin, adoption of pili bomba yang digunakan oleh pihak tempatan seperti di kawasan perumahan dan sebagainya.

Okay, dua lagi saya hendak jawab iaitu dari Yang Berhormat Kluang ingin hendak tanya sama ada pekan Paloh boleh dibina satu balai baru. Memang pada tahun 2001, kementerian belum ada cadangan untuk membina balai bomba yang lengkap, walau bagaimanapun, kementerian akan mengenal pasti tapak yang sesuai dan strategik untuk pembinaan balai bomba bagi membantu balai-balai Kluang yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga meminta sama ada satu balai kecil boleh dibina di Parit Raja. Kementerian memang ada dasar untuk mewujudkan balai-balai bomba kecil mengikut kategori risiko di sesuatu kawasan – minta maaf – balai-balai bomba yang kecil atau besar mengikut kategori risiko di sesuatu kawasan.

Jika kawasan yang berisiko tinggi balai jenis empat atau lima bay akan dibina. Bagi kawasan risiko sederhana tinggi balai jenis tiga bay akan digunakan dan bagi kawasan risiko rendah balai jenis dua bay akan dibina. Cadangan mengadakan balai bomba di Parit Raja ini akan diambil kira dalam Rancangan Malaysia Ke-8 dan itu sahajalah Tuan Pengerusi yang saya ingin hendak jawab mengenai perkara-perkara ..

**Tuan Pengerusi:** Tiga orang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi dekat siapa? Selangau

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri berkenaan dengan tapak balai bomba atau jabatan bomba di Sibu, saya belum ada jawapan dan juga bomba bagi daerah Tatau dan Selangau. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, ya sebenarnya saya ada jawapan dalam tangan ini. Balai bomba di Sibu memang sekarang dalam peringkat tender dan akan dibuat dalam tahun 2001. Pekan Selangau dan Tatau...

**Tuan Pengerusi:** Lubok Antu bangun.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Nanti dulu. I jawab ini. Pekan Selangau dan Tatau, kementerian memang ada cadangan untuk membina balai bomba di Tatau dalam Rancangan Malaysia Ke-8 dan kita akan ambil perhatian tentang sama ada pekan Selangau atau pekan Tatau ini yang sesuai. Saya boleh berbincang dengan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Jawah anak Gerang:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendengar jawapan dari Timbalan Menteri berkenaan dengan pinjaman sejuta diberi kepada rumah panjang. Jadi, telah dikatakan oleh kawan saya dari Selangau, satu pintu RM5,000. Itu tidak mencukupi. Saya duduk di sini ingin mendengar jawapan. Macam manakah jawapan yang akan diberikan oleh Timbalan Menteri, tiada ada jawapan, ada ataupun tidak. Ini sejuta ini tidak cukup.

**Tuan Pengerusi:** RM5,000 satu pintu tidak cukup ya.

**Tuan Jawah anak Gerang:** Ya. RM5,000 satu pintu pun tidak cukup. Tiada jawapankah.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Sebastian Ujang, Menteri Perumahan di Sarawak sudah berbincang dengan pegawai-pegawai kementerian termasuk saya sendiri sama ada cara untuk memberi peruntukan yang lebih bermaksud pinjaman bagi negeri Sarawak untuk dipinjamkan kepada penghuni-penghuni di rumah panjang tetapi buat masa sekarang ini belum diselesaikan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, tadi saya ada bawa perkara tentang pihak majlis daerah JBT akan mengenakan kenaikan cukai pintu mulai tahun depan 2001 dan kenaikannya sangat tinggi kerana mereka ambil kira penilaian pasaran atas harta-harta yang dalam kawasan majlis daerah JBT. Saya minta pihak kementerian akan dapat menolong tengokkan hal ini dan saya harap dapat penjelasan tengah hari

dan yang kedua, saya ada bawa tentang masalah tapak-tapak pelupusan sampah yang boleh dikatakan 98% tidak mengamalkan *sanitary landfill*. Apa tindakan yang dijalankan oleh pihak kementerian tentang hal ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okay, soalan kedua dahulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sebahagian dalam peruntukan yang kita minta untuk diluluskan oleh Dewan ini bagi jabatan kerajaan tempatan ialah untuk menaikkan taraf tapak-tapak pelupusan yang sedia ada sekarang kerana kita ambil maklum pandangan-pandangan dari Yang Berhormat terutamanya mengenai alam sekitar dan sebagainya. Kita rasa ada perlu tapak-tapak pelupusan sekarang yang disediakan dan dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan dinaikkan taraf dan sebahagian besar adalah satu amaun yang agak besar juga kita sediakan bagi menaikkan taraf tapak-tapak ini sampai ia boleh disebutkan *sanitary landfill*. Bagi soalan pertama itu, saya akan ambil perhatian dan beri penjelasan di masa yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, habiskah Yang Berhormat Habis dah? Saya takut Yang Berhormat sudah habis.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Inilah jawapan yang saya boleh dalam perbahasan ini sebab terlalu banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat telah.....

**Tuan Pengerusi:** Dah habis dah ya.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, telah memberi pandangan, teguran dan sebagainya. Oleh sebab itu, kalau ada yang saya lupa untuk jawab, saya ingin hendak memberitahu Yang Berhormat sekalian, kita akan ambil perhatian teguran-teguran dan cadangan Yang Berhormat dan sebagai panduan untuk kita jalankan tugas kita di kementerian. Sekian,terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM14,901,400 untuk Maksud B.14; RM20,401,800 untuk Maksud B.15; dan RM357,977,300 untuk Maksud B.16; di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan..

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh [Kangar]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 47(5). Sebab saya ada kepentingan kewangan dalam syarikat yang dibahaskan tadi, dan walaupun 47(5) adalah mengenai belah bahagian,

saya lebih selesa jika saya dikecualikan daripada terlibat dalam pengundian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Di dalam pengundian dengan bersuara, lazimnya tidak payahlah sampai begitu. Tetapi tidak mengapalah, kita masukkan dalam *Hansard* berkenaan dengan pengecualian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM14,901,400 untuk Maksud B.14; RM20,401,800 untuk Maksud B.15; dan RM357,977,300 untuk Maksud B.16; di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM14,901,400 untuk Maksud B.14; RM20,401,800 untuk Maksud B.15; dan RM357,977,300 untuk Maksud B.16; diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,751,986,720 untuk Maksud P.14; RM188,800,010 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,751,986,720 untuk Maksud P.14; dan RM188,800,010 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001.

**Maksud B.17 [Jadual] –**

**Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2001] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

**6.59 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya hanya sentuh .....

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berucap, janganlah berucap banyak-banyak sangat kerana sekiranya kita tidak boleh habis banyak dalam minggu ini, pada minggu hadapan kita tidak boleh lagi memanjangkan mesyuarat. Pada masa itu terpaksa saya menjalankan kuasa di bawah peraturan mesyuarat iaitu

*guillotine*. *Guillotine* itu, kita hadkan masa-masa mana yang patut habis di bawah satu kementerian, kita kena habis pada masa itu. Kita tidak pernah menggunakan kuasa *guillotine* lagi. Tetapi kali ini nampaknya, oleh sebab jatuh di dalam bulan puasa, nampaknya kita kena gunakan *guillotine* itu. Jika sekiranya Yang Berhormat boleh menjimatkan masa sedikit, kita tidak terpaksa menggunakan *guillotine*. Sila Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, saya hanya sentuhkan dua perkara. P.17, Butiran 00100 – Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN). Ini berkaitan dengan tugas operasi akan memberi latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada kaum belia di negara kita ini. Saya minta jasa baik daripada pihak kementerian, berapa jumlah permohonan pada tahun lalu dan tahun ini untuk menyertai kursus atau latihan kemahiran ini dan apa kriteria atau syarat-syarat tertentu kepada kaum belia untuk menyertai atau mengemukakan permohonannya. Sepanjang masa ini sejumlah peruntukan tahun lalu dan tahun ini diuntukkan dalam program latihan ini kepada kaum belia ini supaya dapat satu anggaran yang tepat. Dan juga oleh kerana kaum belia di negara kita ini termasuk kaum belia daripada masyarakat Cina, India dan Melayu di mana masalah sosial sentiasa berlaku di kalangan mereka.

Selain daripada masyarakat Melayu telah sentiasa berminat untuk menyertai latihan program ini, apa sebab kekurangan penyertaan masyarakat Cina dan India dari kalangan belia untuk menyertai program latihan ini. Adakah pihak kementerian telah mengkaji supaya belia dari masyarakat Cina dan India, bersama-sama dengan belia Melayu untuk menyertai sama latihan ini supaya mungkin dapat mengeratkan lagi hubungan. Dengan demikian, saya minta penjelasan, kajian terhadap kekurangan masyarakat belia Cina dan India dan khususnya masyarakat belia India sedang terlibat secara langsung dalam kes jenayah begitu serius mengikut laporan pihak polis. Apa pandangan daripada pihak kementerian untuk mengatasi gejala sosial yang dihadapi oleh kalangan belia terutama sekali masyarakat India di negara kita ini.

Butiran 030000 – Pembangunan Sumber Manusia dan 030300 – Pembangunan Ekonomi Belia. Pihak kementerian juga menggalakkan dan meningkatkan usahawan belia di negara kita. Jadi, berapa jumlah pinjaman pada pinjaman perniagaan setiap permohonan berjaya dan apa jenis perniagaan telah digalakkan daripada pihak kementerian untuk latihan usahawan. Ini penting, sebab kalau dikatakan perniagaan



yang tidak sama, ini mungkin akan ketinggalan. Maka saya minta pihak kementerian memberi penjelasan berkenaan dengan apa jenis perniagaan telah digalakkan dalam latihan ini. Dan, berapa jumlah – bolehkah huraikan kuota bumiputera dan bukan bumiputera di dalam pinjaman perniagaan ini supaya kalangan belia dapat tahu dan syarat-syarat tertentu untuk mengemukakan permohonannya. Setakat ini bagaimana sambutan daripada kalangan belia sepanjang pinjaman perniagaan untuk latihan keusahawanan dijalankan oleh pihak kementerian.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sipitang.

**7.04 mlm.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah B.17 – 020100 – Pembangunan Belia, 020200 – Pembangunan Sukan. Dan, di bawah P.17 – 00906 di bawah Program Pembangunan Ahli Sukan iaitu Skim Kumpulan Ahli Sukan dan Butiran 00908 – Program Pembangunan Ahli Sukan – Program Latihan/ Bakat. Saya mengumpulkan sekali gus, Tuan Pengerusi.

Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah program ini telah pun dikaji untuk mencapai matlamatnya. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpuas hati dengan program yang ada sekarang ini untuk melahirkan ahli-ahli sukan negara. Adakah kajian dan penilaian terhadap program ini dibuat dan apakah perancangan jangka panjang khususnya di sini iaitu di bawah Program Pembangunan P.17 – 00906 – Program Pembangunan Ahli Sukan, Skim Kumpulan Ahli Sukan iaitu untuk melahirkan se kumpulan ahli sukan yang berwibawa dan berbakat untuk negara kita.

Butiran-butiran ini perlu diberi penekanan dan saya rasa perlu disusun semula dan mencadangkan semua program yang dicadangkan semua program yang ada sekarang ini perlu dianalisis semula. Badan penilai yang ada, kalau adalah sekarang perlu diubah dari segi struktur dan ditambah peranannya. Kalau belum ada, saya mencadangkan supaya ia ditubuhkan untuk membuat penilaian ini.

Tuan Pengerusi, pakar-pakar sukan dan Kementerian Belia dan Sukan salah faham tentang persediaan ataupun faktor-faktor yang menjurus ke arah kejayaan belia dan sukan negara itu sendiri. Pada pandangan saya, persediaan-persediaan yang

berikut iaitu persediaan yang pertama perlu diambil perhatian, yang pertama sekali mengenal pasti ahli sukan. Ahli sukan yang berbakat hendaklah dikenal pasti dari awal dan dididik serta diasah bakatnya seawal-awal mungkin. Kita faham konsep ini.

Misalnya, di negara China, ahli gimnastik dikenal pasti dan dilatih di peringkat tadika lagi. Ahli sukan iaitu Tiger Wood, pemain golf sensasi pada masa ini yang menang semalam di Thailand dengan 25 pukulan di bawah *par* telah mula berkecimpung dalam golf sejak umur tiga tahun lagi dan diasah, dididik hingga menjadi seorang pemain profesional. Mengenal pasti, melatih dan membentuk disiplin kesukanan hendaklah berdasarkan bakat, juga ada unsur-unsur yang ada sekarang ini yang tidak sihat, misalnya pemilihan ini memilih ahli keluarga ataupun orang-orang tertentu perlulah dihapuskan.

Persediaan yang kedua, Tuan Pengerusi, iaitu jurulatih. Satu barisan jurulatih yang berkelayakan perlu disediakan untuk memberi latihan kepada belia-belia. Pelatih-pelatih tempatan perlu diwujudkan dan diberi pendedahan sebanyak mungkin supaya boleh kita bekalkan pelatih atau jurulatih ke seluruh negara.

Tuan Pengerusi, persediaan ketiga, kemudahan latihan. Kemudahan untuk berlatih seperti mini stadium di setiap daerah perlu diwujudkan. Saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, dahulu kita katakan perlu ada mini stadium setiap daerah tetapi nampaknya cerita ini senyap sekarang. Ini adalah untuk memberi kemudahan berlatih kepada ahli-ahli sukan di setiap daerah. Contohnya, jelapang untuk latihan acara 100 meter, 200 meter sekarang ini kita berlatih di padang track rumput. Tetapi bila kita berlawan di track bitumen dan ini janggal. Di kampung berlatih pakai kaki ayam, bila bertanding dia pakai kasut yang ada duri, *spike*. Jadi, ini kita kena selaraskan.

Persediaan yang keempat, iaitu fizikal dan tubuh badan. Bentuk fizikal dan tubuh badan anak-anak. Perkara ini amat penting terutama sekali acara sukan yang perlu saiz badan dan juga kekuatan otot. Kita mungkin boleh berlawan dengan pemain-pemain antarabangsa di gelanggang yang berlainan. Misalnya, badminton yang tidak perlu sentuhan badan ataupun bermain bowling yang tidak perlu bersentuhan badan. Program-program yang ada sentuhan badan perlu kita lihat. Program ini adalah program besar dan perlu komitmen kerajaan dan program jangka

panjang dan menyeluruh perlu dibuat. Tetapi ia perlu diaturkan kalau mahu berjaya dalam sukan ini jangka panjang.

Perkara ini perlu dibuat kajian di negara maju dan membuat analisa keadaan di negara kita. Kita mesti sesuaikan dengan keadaan negara kita. Faktor genetik adalah satu yang sukar diubah iaitu memang sudah ada tetapi faktor makanan merupakan faktor utama yang mengubah saiz dan kekuatan otot.

Sebagai contoh, Jepun dahulu, Tuan Pengerusi pun tahu semasa Perang Dunia Kedua, orang Jepun ini kontot-kontot, pendek-pendek. Tetapi setelah Perang Dunia Kedua, mereka telah mengubah dari segi makanan. Sekarang orang Jepun telah tinggi, badannya besar. Kalau kita lihat sukan gusti Jepun, Sumo, badannya pun boleh besar begitu. Dalam masa 40 tahun sahaja mereka telah menukar bentuk badan ini dan kita berharap dengan saiz ini kita boleh melawan pemain-pemain sukan antarabangsa. Jadi, orang-orang Jepun sekarang ini telah pun maju ke hadapan dalam bidang sukan ini.

Begitu juga di Malaysia, dahulu saiz datuk saya pendek, bapa saya pun pendek. Saya lebih tinggi daripada bapa saya sekarang. Anak-anak kita pun begitu. Ini oleh kerana makanan. Inilah faktor yang perlu dikaji. Sebagai seorang doktor perubatan, saya doktor perubatan, kandungan protin dalam makanan adalah penting. Apakah kajian telah dibuat untuk kita ini.

Saya mencadangkan supaya satu pola pemakanan anak-anak kita perlu dikaji kalau kita ingin maju dalam sukan ini. Mungkin ada yang memikirkan ini bercanggah dengan budaya kita orang Melayu, kalau pagi makan nasi lemak, telur. Di asrama dahulu kita makan nasi berlauk, nasi sepinggan tetapi lauk sepotong kecil sahaja. Jadi, karbohidret banyak, protin sedikit. Tetapi sekarang dunia sudah berubah, kita mesti banyak makan protin. Kalau dibandingkan pengguna protin di Malaysia oleh orang Malaysia satu bulan lebih kurang satu kilogram sahaja dibandingkan dengan negara Barat ataupun Australia, New Zealand mereka menggunakan tujuh, lapan kilogram protin dalam masa seminggu. Memang protin itu mahal tetapi ini diubah.

Jadi, terutama sekali anak-anak kita yang tinggal di asrama penuh yang disediakan makanan dengan baik ataupun di asrama-asrama, mereka hendaklah melebihi makan protin. Sekarang ini sudah ada protin yang telah diolah, misalnya

dalam bentuk *sausage*, dengan izin, atau pun protin daripada sayuran dan sebagainya yang senang dihidangkan. Kalau kita buat ini secara serentak di seluruh negara dalam masa 20 tahun akan datang, kita akan ada kumpulan anak muda yang mempunyai otot badan yang baik, barulah kita boleh bermain rugby, main bola sepak yang ada konteks dengan pemain-pemain Barat ini.

Yang kelima, yang terakhir, iaitu persediaan mental. Kebanyakan atlet kita tidak bersedia dari segi mental. Mungkin sudah kalah sebelum ke gelanggang. Jadi, sebelum perlawanan kita perlu ada kaunseling. Kita bentuk ahli-ahli kaunseling untuk memberi kaunsel kepada mereka ini.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan melalui program Butiran 0906 ini duit ini kita bagi, kita buat supaya satu panel untuk mengkaji program jangka pendek dan jangka panjang sukan negara. Saya mencadangkan bahawa kementerian-kementerian yang berikut terlibat:-

- (i) Kementerian Belia dan Sukan yang memikir tentang sukan;
- (ii) Kementerian Pendidikan, terdiri soal makanan anak-anak kita di sekolah dan juga di asrama. Cara sistem pendidikan kita perlu diterapkan;
- (iii) Kementerian Kesihatan di mana ahli-ahli pakar pemakanan (*dietition*), dengan izin, dan juga cara persediaan mental perlu diterapkan;
- (iv) kumpulan wakil-wakil badan sukan negara yang terlibat; dan
- (v) Yang kelima, individu profesional yang pakar dalam bidang sukan.

Jadi, adalah diharapkan dengan penubuhan jawatankuasa ini kita boleh bersedia sebagai negara maju mempunyai ahli sukan yang berbakat yang mempunyai badan yang tegap, pemikiran yang bersedia. Kita tidak boleh *ad-hoc*, bila ada badminton tahun ini, ada program tahun 2006, pelatih empat, lima, orang. Kita tidak ada *pool of youngsters*, dengan izin, ataupun sekumpulan belia di mana kita ingin memilih di seluruh negara untuk melatih sukan-sukan tertentu.

Selagi kita tidak membuat itu kita akan ketinggalan dalam acara-acara individu misalnya larian 100 meter, pecut 100 meter, 200 meter kerana kita pendek,

orang satu langkah, kita tiga langkah. Jadi, kita tidak boleh. Cuma yang tidak perlu contact badan, squash bolehlah, badminton, bowling dan sebagainya. Tetapi rugby, bola sepak agak sukar kalau kita tidak bersedia.

Jadi, dengan persediaan ini saya rasa melalui peruntukan ini kita bagi peruntukan untuk membuat, istilah di sini pun 'skim kumpulan ahli sukan', kita boleh melahirkan sekumpulan ahli sukan yang berwibawa. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Parit Buntar.

**7.15 mlm.**

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh masih juga tentang Institut Kemahiran Belia Negara P.17 – Butiran 00100. Saya dapati di sini daripada perangkaan di sini, Tuan Pengerusi, pada tahun 1999 ada 15,000 yang diproses permohonan. Tahun 2000 – 14,000 yang diproses dan tahun 2001 – 14,500. 14,500 kalau hendak dibagikan kepada 14 IKBN yang bertaburan di seluruh negara, saya tidak tahulah nampaknya bilangannya terlalu kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan ialah lebih kurang RM122 juta itu.

Jadi, yang pertama sekali kenapa bilangannya begitu kecil, orang yang memohon untuk menyertai IKBN ini 15,000 tahun 1999, 14,000 tahun 2000 dan yang memohon ini bukan semuanya dapat. Kalau misalnya saya lihat pula perangkaan tahun 1999, bilangan yang dilatih ada 2,310 orang, tahun 2000 – 2,480 orang. Kalau misalnya 2,310 orang dibagi dengan 14 tempat, satu tempat hanya dapat dalam 165 orang sahaja, mungkin saya tak jumpa hendak cari perangkaan di sini yang menggambarkan sebenarnya bilangan yang telah dilatih setiap tahun. Pada hal perbelanjaan yang begitu besar, ini tidak termasuk perbelanjaan maintenance RM122 juta yang begitu besar yang diberikan kepada IKBN-IKBN.

Tidakkah nanti IKBN ini akan menghadapi ataupun sedang atau telah menghadapi persaingan dengan Giat MARA dan pelbagai lagi program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan pelbagai kementerian yang lain, yang juga mempunyai program khusus untuk memajukan belia khususnya bahagian latihan kemahiran ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua, tentang soal latihan. Saya lihat di sini banyak betul butiran tentang latihan ini B.17 misalnya 030100, 030200, 040100, 050100 yang banyak menyentuh tentang latihan. Dalam mana-mana latihan pun, rasa saya benda yang paling biasa ditekankan dalam mana-mana buku kita baca ialah ASK. 'A' itu stands for attitude, dengan izin, 'S' adalah berkaitan dengan skills dan 'K' itu adalah knowledge. Maksudnya knowledge ialah ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga pembinaan sikap.

Saya ingin hendak tahu tentang begitu banyaknya yang kita belanjakan untuk membina latihan di kalangan anak-anak muda kita ini. Setakat mana latihan yang telah diberikan perhatian kepada latihan tentang sikap ini.

Saya memang maklum bahawa di antara perkara yang paling sukar untuk dibina ialah tentang sikap. Misalnya kalau latihan tentang knowledge ini, tentang vokasional, knowledge tentang teknikal ini saya rasa memang mudah. Dan memberikan mereka kemahiran tentang skills dan knowledge tentang kemahiran apa juga sama ada mesin, sama ada hal-hal mengenai teknikal itu memang mudah.

Tetapi hendak membentuk sikap manusia sebab yang saya dengar tentang anak-anak kita yang lepasan daripada IKBN ini, kadang-kadang rapuh sedikit sikap mereka itu, daya tahan itu rapuh sedikit, kadang-kadang mereka dihantar ke industri-industri misalnya, kalau panas sedikit misalnya ataupun gaji lambat naik sedikit, kadang-kadang biasanya mereka surut ke belakang ataupun undur ke belakang. Ini di antara sebenarnya tentang latihan sikap yang kurang mantap yang saya fikir, yang diberikan kepada golongan belia ini.

Jadi, saya hendak minta pihak kementerian kalau dapat menjelaskan, apakah bentuk latihan sikap itu dari segi kurikulumnya, dari segi syllabusnya, dari segi pengajarannya, kalau misalnya mereka mengikuti latihan setahun ataupun dua tahun, berapa banyak komponen sikap dalam latihan itu. Siapakah pelatih-pelatih sikap, apakah sebenarnya kelulusan-kelulusan para pelatih yang melatih tentang sikap ini, apakah pakej-pakej, modul-modul latihan sikap ini. Sebab kalau ini tidak diberikan penekanan, kita ajar anak kita misalnya hal-hal mengenai jentera, dia hanya dapat bersama dengan jentera, tetapi jentera dapat digerakkan tetapi minda dan hatinya tidak bergerak untuk menggerakkan jentera itu.

Yang pentingnya bukan jentera itu, yang pentingnya ialah manusia. Dalam manusia, yang pentingnya ialah bukan hanya tentang ilmu dan kemahiran dalam manusia itu, yang penting ialah tentang sikap dan sebab itu, dalam mana-mana negara, saya rasa memang menghadapi masalah tentang pembinaan sikap ini tetapi Malaysia dengan pengalaman yang begitu luas, yang begitu lama tentang IKBN ini, sudah tentulah mengadakan, memperolehi, telah pun menemui satu formula yang dapat dipertahankan, yang dapat diterapkan bagi menentukan anak-anak kita mendapat latihan khusus untuk membina daya tahan dan daya juang mereka bila mereka masuk ke dalam pasaran buruh nanti.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, ialah tentang kemudahan sukan. Saya hendak menyentuh sedikit P.17 – Butiran 00617 dan 00618 iaitu Kemudahan Sukan di Bandar Jengka, yang saya rasa tempatnya tidak berapa besar, orang pun tidak berapa ramai tetapi diperuntukkan RM28.1 juta anggarannya. Dan Kompleks Sukan Muadzam Shah juga merupakan satu kawasan yang very 'sparsely' populated, dengan izin. Saya bimbang kalau ini juga akan menjadikan satu gajah putih nanti dan kita nampaknya membina tentang banyak kompleks itu dan kompleks ini, rata-ratanya kajian yang dibuat menunjukkan kompleks-kompleks ini yang ditujukan kepada mana-mana golongan masyarakat di Malaysia yang penggunaannya kadang-kadang begitu minimum, oleh disebabkan yang pertama, kurang penduduk; yang kedua, soal accessibility; yang ketiga, soal kemudahan-kemudahan yang disediakan, yang keempat, masih lagi tentang sikap masyarakat itu sendiri. Sikap untuk bersukan, sikap untuk beriadah yang di kalangan besar masyarakat kita, masyarakat desa, masyarakat kota bukan merupakan rutin harian mereka.

Tuan Pengerusi, saya fikir kalau dapat dilihat semula sebenarnya peruntukan pada saya yang agak tinggi, yang diberikan kepada Bandar Jengka dan Muadzam Shah, yang kita ketahui macam saya sebutkan tadi, bilangan manusia yang tidak begitu ramai dan saya kluatir nanti, tambahan pula menambah lagi gajah-gajah putih yang memang banyak pun telah dibina di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa begitu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baram.

**7.23 mlm.**

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Pengerusi, Maksud B.17. Saya ingin sentuh tentang Butiran 00600 – Kompleks Sukan. Kita sedar bahawa Kementerian Belia dan Sukan memang berhasrat untuk membina satu masyarakat belia yang bersepadu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju dalam bidang ekonomi dan sosial dan pembinaan serta masyarakat yang cergas dan budaya sukan ke arah pembangunan dan perpaduan negara.

Bagi mencapai objektif tersebut, kerajaan kita telah melihat bahawa kerajaan telah menyediakan beberapa program seperti Rakan Muda dan juga kemudahan-kemudahan sukan, kompleks di merata tempat termasuk gymnasium, gelanggang sukan, padang-padang bola sepak dan lain-lain.

Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan seperti ini bukan hanya di Semenanjung sahaja tetapi juga di negara Sarawak dan Sabah termasuk banyak kawasan di negeri Sarawak. Di kawasan saya di Baram kita belum lagi mempunyai kompleks sukan, di daerah saya di Baram walaupun kita sudah menentukan tapak tempat kompleks sukan itu dibina semenjak tahun 1994 tetapi kompleks ini belum lagi nampak dibina dalam masa yang akan datang. Kekurangan kemudahan sukan seperti ini akan menjejaskan semangat kesukanan di antara belia-belia kita di Baram.

Saya ingin tahu adakah Kementerian sedar atas perkara ini kerana belia kita di pekan Marudi tidak ada kompleks sukan di mana mereka boleh menjalankan aktiviti belia dan sukan. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian dan tindakan seterusnya atas perkara ini dari segi pemberian peruntukkan bagi mempercepatkan pembinaan kompleks sukan ini di pekan Marudi dan juga di pekan Long Lama. Belia-belia di kawasan Baram telah lama menunggu pembinaan kompleks sukan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 016000 Pusat Rekreasi dan Sukan Air Kebangsaan. Negara kita adalah sebuah negara yang kaya dengan alam semula jadi dan mempunyai beberapa batang sungai yang boleh dikenalpasti dan dibangunkan menjadi pusat rekreasi dan sukan air seperti regatta, jet ski, sukan air,



renang, pertandingan memancing dan lain. Di kawasan saya Baram, kita mempunyai Sungai Baram yang panjangnya 250 batu dan luasnya di pekan Marudi lebih kurang setengah kilometer.

Semenjak tahun 1899 dahulu iaitu 100 tahun dahulu, Baram Regatta menjadi satu pesta air, rekreasi dan sukan air yang terkenal di Sarawak dan Borneo. Pesta ini mempunyai sejarah yang menarik kerana ia menandakan pertama kalinya berbagai kaum kita di Baram berhenti bertengkar di antara satu sama lain dan seterusnya mencapai keadaan politik yang aman dan damai. Semasa Regatta ini diadakan setiap kali ramai pihak dari luar negeri termasuk peminat regatta dari negara Brunei yang datang untuk mengambil bahagian dalam pesta ini.

Malangnya, pesta air Baram Regatta ini tidak dapat kita kelolakan dalam beberapa tahun yang sudah kerana kekurangan peruntukan. Saya minta Kementerian mengkaji, pesta air regatta Baram dan White Water Rafting dengan izin supaya ianya boleh dijadikan sebuah pesta negara yang perlu disokong oleh Kementerian Belia dan Sukan setiap tahun ataupun sekurang-kurangnya sekali dalam dua atau tiga tahun kerana pesta ini sangat diminati oleh orang ramai termasuk belia-belia. Dengan ucapan yang demikian, saya memohon menyokong, Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya melihat bahawa nisbah mereka yang diberi pinjaman daripada mereka yang telah diberi latihan dalam program ini merupakan satu nisbah yang kecil. Saya ingin tahu dari kementerian, adakah kementerian berpuas hati dengan pencapaian mereka yang diberi pinjaman ini berdasarkan kepada objektif program ini diadakan. Saya yakin Tuan Pengerusi bahawa peruntukan sebanyak RM1.918 juta ini merupakan satu peruntukan yang agak besar dan lebih ramai belia yang mendapat manfaat daripada program yang dijalankan ini. Saya ingin sarankan agar nisbah ataupun manfaat kepada belia lebih ramai diperolehi di kalangan belia daripada program yang dijalankan oleh kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu daripada sebilangan besar belia-belia yang mengikuti kursus dan tidak dapat diberi pinjaman bererti tidak dapat dipraktikkan apa juga kursus-kursus keusahawanan yang telah dipelajari oleh mereka di mana sebahagian besar daripada peserta-peserta ini diajukan dipanjangkan. Saya

melihat bahawa daripada beberapa buah kementerian negara ini terdapat beberapa program yang melibatkan belia dan juga keusahawanan. Umpamanya daripada Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga memberikan kursus-kursus yang serupa ini kepada belia-belia. Adakah mereka yang tidak berjaya untuk diberi pinjaman dapat dipanjangkan oleh kementerian ini kepada kementerian-kementerian yang lain yang juga menganjur kursus-kursus, program-program yang serupa. Adakah usaha di pihak kementerian untuk memanjangkan senarai peserta-peserta kursus yang tidak berjaya diberi pinjaman untuk diberi galakan pinjaman daripada kursus-kursus, program-program lain yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang penyelarasan Rakan Muda di bawah B.17, Butiran 020000 - Pembangunan Belia dan Sukan dan juga bekalan di bawah Butiran 020300 – Penyelarasan Rakan Muda. Saya melihat bahawa Program Rakan Muda merupakan salah satu lagi program besar yang dikendalikan oleh kementerian ini dan jika dikira daripada peruntukan yang diperolehi daripada Program Rakan Muda ini ianya mencapai kepada lebih daripada RM38 juta untuk tahun hadapan ini sahaja. Dan jika kita selidik prestasi Rakan Muda di tahun-tahun yang sudah, tentu sekali banyak rungutan, banyak teguran yang telah dikemukakan kepada kementerian. Saya ingin tahu, adakah dalam proses untuk mengadakan program-program Rakan Muda alaf baru yang akan dilancarkan awal tahun hadapan ini telah mengambil kira setiap teguran-teguran terhadap program yang telah dirancang oleh kementerian.

Saya melihat bahawa ada usaha oleh kementerian untuk membawa persatuan-persatuan belia dalam meja rundingan untuk merumuskan satu program yang berdasarkan kepada kehendak dan keperluan kepada belia-belia tanah air. Saya ingin tahu, sejauh mana penglibatan persatuan-persatuan belia ini melalui Majlis Perundingan Belia yang telah diadakan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri. Berapa banyak persatuan belia yang telah dilibatkan dalam Majlis Perundingan Belia di kedua-dua peringkat ini.

Dan saya ingin tahu adakah daripada perbincangan di dalam Majlis Perundingan Belia ini telah membuahkan satu program yang lebih khusus yang lebih dapat mendekati kehendak dan juga keperluan belia tanah air kita pada ketika ini.

Kerana jika kita lihat Program Rakan Muda yang lalu banyak yang telah dipersoalkan tentang sama ada ianya telah menepati sasaran, telah menepati kehendak belia itu sendiri kerana banyak program yang diadakan oleh kementerian dalam Program Rakan Muda yang lalu lebih diibaratkan sebagai memenuhi kehendak kementerian. Tetapi kehendak belia itu sendiri tidak dapat dicapai.

Saya ingin cadangkan agar daripada Majlis Perundingan Belia ini dapat dirumuskan satu bentuk program yang lebih spesifik agar ianya memenuhi kehendak belia tanah air. Dan agar ianya juga menepati kepada betapa besarnya peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Program Rakan Muda ini pada keseluruhannya. Saya ingin cadangkan agar kementerian mengadakan satu jawatankuasa untuk menilai selepas Program Rakan Muda alaf baru ini dilancarkan tahun hadapan agar satu jawatankuasa di peringkat kementerian diwujudkan untuk menilai setiap prestasi aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dijalankan dan akan dijalankan oleh kementerian sepanjang tahun hadapan. Kita melihat ini agar bentuk program yang tidak menepati kepada sasaran kehendak belia di '*scrap*' off agar tidak banyak peruntukan dibazirkan untuk meneruskan program-program yang kita fikir tidak memberi manfaat pada jangka masa panjang bagi perkembangan mental dan juga pencapaian belia-belia tanah air.

Tuan Pengerusi, ada keluhan lagi bahawa Program Rakan Muda yang lalu hanya menumpu kepada belia-belia di bandar, sedangkan kalau kita lihat masalah belia ini tidak sahaja tertumpu di kawasan bandar sahaja. Di kawasan-kawasan luar bandar, masalah-masalah sosial seperti pengambilan gam, ubat batuk dan *pill ecstasy*, dengan izin, penagihan dadah juga berlaku di kalangan anak-anak muda luar bandar. Dan keciciran pendidikan, *drop-outs* daripada sekolah, dengan izin, Tuan Pengerusi juga berlaku begitu besar di kalangan belia-belia di luar bandar.

Jadi, saya ingin tahu adakah Program Rakan Muda alaf baru ini telah mengambil kira semua aspek ini dan memberi penekanan yang menyeluruh kepada belia-belia bermasalah, baik di bandar dan juga di luar bandar. Saya kira jika ini dilakukan, kita akan membentuk satu generasi yang lebih baik dan lebih patriotik kepada negara dan juga bangsa.

Saya mengalu-alukan rancangan Program Rakan Muda alaf baru oleh kementerian ini tetapi pemantauan dari segi pelaksanaannya haruslah tepat kepada sasaran. Kita tidak inginkan bahawa peserta yang begitu ramai telah diumumkan oleh kementerian tetapi jika kita selidik peserta-peserta yang mengikuti kursus ini, merupakan peserta-peserta yang sama mengikut satu program yang berlainan. umpamanya ada peserta yang menyertai program sukan tahan lasak dan juga merupakan peserta yang mengikuti disiplin silat, disiplin sukan-sukan yang lain yang telah dianjurkan dalam Rakan Muda ini. Perkara seperti ini tidak harus berulang dalam merumus aktiviti dan juga menapis peserta-peserta untuk rancangan Rakan Muda alaf baru yang akan dilancarkan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu dua komen tentang dua butiran yang telah saya sentuh dan saya ingin perhatian dan juga tekanan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Arau dulu ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Membuat gaya mengangkat takbiratul ihram]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, hendak pergi sembahyang. Tidak apalah.

**7.38 malam.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya diberi peluang untuk membincangkan dan turut membahaskan Maksud B.17 – Kementerian Belia dan Sukan.

Kita tahu bahawa masyarakat belia adalah merupakan satu golongan masyarakat yang besar dalam negara kita dan mereka adalah merupakan rakyat yang akan menentukan masa depan negara. Saya melihat kepada peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan iaitu Belanja Mengurus diperuntukkan sebanyak RM166,472,500 dan Belanja Pembangunan secara langsung ialah RM194,808,090 dan daripada pinjaman RM10 juta dan jumlah keseluruhannya ialah RM371,280,590.

Apabila saya membandingkan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan, saya dapati bahawa peruntukan ini tidak jauh bezanya dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi jauh daripada kementerian-kementerian yang mempunyai kumpulan sasar yang besar.

Sebenarnya saya ada mempunyai rasa kebimbangan. Adakah peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan iaitu dua komponen yang penting yang merangkumi belia dan juga sukan yang diperuntukkan ini mencukupi untuk kita memenuhi keperluan dan juga memenuhi kehendak kumpulan sasar. Kalau kita menyebut belia, belia adalah mereka yang berumur 15 ke-40 tahun. Ini merupakan satu kumpulan masyarakat yang besar. Hari ini kalau kita lihat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan, saya bimbang ada di antara mereka yang dalam lingkungan umur 15 ke-40 tahun itu ketinggalan. Misalnya, mereka yang bekerja di kilang, mereka yang berada di jabatan-jabatan.

Sebagai contoh, saya boleh berikan Jabatan Polis. Saya dapat aduan daripada pegawai-pegawai polis yang muda-muda ini, mereka juga ingin bersukan tetapi tidak ada peruntukan yang disalurkan melalui jabatan-jabatan berkenaan. Mungkin ada lagi jabatan-jabatan lain yang merasakan bahawa keperluan untuk mereka beriadah, beraktiviti persatuan dan bersukan ini tetapi tidak dapat dipenuhi oleh kementerian ini.

Saya ingin memohon kepada pihak kementerian supaya mengkaji dari segi peruntukan yang diberikan kalau dibandingkan dengan populasi di negara kita kepada kumpulan yang berumur 15 ke-40 tahun ini, adakah peruntukan itu boleh *justified*, dengan izin, keperluan dunia dan keperluan semasa hari ini kerana kita tahu bahawa cabaran masa depan lebih besar. Saya beranggapan bahawa kepentingan kementerian ini untuk menentukan kumpulan belia yang akan kita asuh supaya mereka dapat menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020100 – Pembangunan Belia. Pada masa yang lalu, dengan adanya persatuan-persatuan belia, kita telah dapat melihat sebahagian daripada pemimpin-pemimpin negara lahir daripada persatuan-

persatuan belia. Yang besar dalam negara kita, kita ada Majlis Belia, Persatuan Belia MAYC, Persatuan Belia 4B dan beberapa persatuan-persatuan belia yang lain. Tetapi sejak diadakan Rakan Muda, saya dapati bahawa persatuan-persatuan belia ini menjadi lesu. Dan kita juga berhadapan dengan masalah-masalah *politic king* di dalam persatuan belia.

Saya ingin memohon kepada pihak kementerian supaya soal-soal ini dapat diberi perhatian kerana kita hendak melihat persatuan belia ini dapat bergerak cergas sebagaimana pada masa yang lalu dan kita mengharapkan supaya daripada persatuan-persatuan belia ini, akan lahir pemimpin-pemimpin sebagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, saya rasa daripada Persatuan Belia 4B, Yang Berhormat Noh, kalau saya tidak silap.....

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** [*Menganggukkan kepala*]

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** .....lahir daripada didikan dan asuhan Persatuan Belia. Tetapi hari ini kita bimbang persatuan belia yang ada hari ini sama ada tidak dibantu dengan peruntukan yang memadai, tidak diasuh dengan kursus-kursus ataupun asuhan-asuhan kepimpinan yang mencukupi, kebimbangan kita kepada kelesuan persatuan-persatuan belia ini harus diberi perhatian.

Saya juga memohon kepada pihak kementerian untuk memberi perhatian kepada belia-belia yang saya sebutkan tadi, berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Kalau kita sebutkan 15 hingga 40 tahun, bererti mereka yang terdiri daripada kumpulan sasar ini berada di sekolah dan di universiti. Kita dapati bahawa penuntut-penuntut di universiti hari ini, mereka begitu ingin mengetahui apakah yang berlaku di luar daripada kampus mereka dan kekurangan ataupun *vacuum*, dengan izin, daripada kementerian ini tidak mendekati pelajar-pelajar di peringkat universiti, kadang-kadang diambil peluang oleh pihak yang lain mendekati pelajar-pelajar kita, membawa maklumat-maklumat tidak tepat mengenai pembangunan negara sehingga usaha-usaha untuk meneruskan perjuangan untuk menentukan negara kita akan dapat terus maju sebagaimana yang dijana pada masa lepas, kemungkinan akan terguat kerana *gap* ini ataupun kekurangan ini tidak dapat diisi oleh kementerian ini.

Saya tidak tahu adakah kementerian ini merasakan ini tanggungjawab kementerian ataupun kementerian ini merasakan bahawa ini tanggungjawab orang

lain. Kalau tanggungjawab orang lain, pihak manakah, badan manakah, agensi manakah, kementerian manakah yang akan mengisi kekurangan ini dan saya berharap untuk mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dan ingin mendapat makluman daripada pihak kementerian apakah program-program yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mendekati kumpulan-kumpulan belia yang menjadi sebagai inti pati kepada pembangunan pada masa akan datang yang mana mereka hari ini berada di universiti-universiti sama ada universiti tempatan ataupun di universiti-universiti IPTA, swasta dan sebagainya.

Jadi, kalau kita lihat di bidang itu sahaja, kita melihat bahawa tanggungjawab kementerian ini adalah besar dan apa yang saya persoalkan tadi dari segi peruntukan yang diberi dengan tanggungjawab kepada belia dengan cabaran pada masa akan datang, adakah peruntukan ini dapat memenuhi keperluan-keperluan yang mencabar pada hari ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 020200 Pembangunan Sukan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, apabila kita menyebutkan soal pembangunan sukan ada dua perkara yang harus kita perhatikan. Yang pertamanya, adalah untuk kita melahirkan atlet-atlet negara yang boleh mengharumkan nama Malaysia dan yang keduanya sukan sebagai cara hidup. Kepada kedua-dua persoalan ini, kita dapati bahawa agak mengecewakan kerana baru-baru ini apabila kita mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik walaupun kementerian menyatakan ada pencapaian-pencapaian dicapai oleh negara kita tetapi tidak memberangsangkan, tidak membanggakan dan kita harus melihat pada masalah ini dengan cara yang lebih terperinci di manakah kesilapan dan di manakah kekurangan yang kita hadapi sehingga kita tidak dapat melahirkan ahli-ahli sukan yang boleh membanggakan.

Kalau dikaji dari segi keperluan-keperluan kewangan, keperluan-keperluan badan yang mengasuh ahli-ahli sukan ini, saya dimaklumkan di peringkat sekolah sendiri mereka menghadapi masalah. Saya banyak mendapat laporan daripada guru-guru yang terlibat dalam sukan. Mereka terpaksa mengorbankan bukan sahaja masa, tenaga tetapi wang ringgit mereka sendiri untuk memajukan sukan di sekolah masing-masing. Ini juga adalah merupakan satu perkara yang kita harap supaya kementerian dapat memberikan perhatian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Demikian juga kepada sukan sebagai cara hidup. Saya mendapat banyak pandangan daripada belia-belia kita di luar bandar, saya rasa juga belia-belia di bandar di mana kemudahan-kemudahan sukan, rekreasi dan riadah begitu kurang sekali. Kemudahan-kemudahan yang kurang ini menyebabkan belia-belia kita mencari jalan keluar dengan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dilakukan sendiri, kadang-kadang menimbulkan masalah sosial kepada negara. Jadi kita berharap supaya pihak kementerian sebagaimana yang saya pernah dimaklumkan di dalam soal jawab Parlimen semasa saya menjadi Ahli Dewan Negara, dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah pun membuat kajian untuk menilai dan meneliti keperluan-keperluan sukan di luar-luar bandar dan perancangan sedang dibuat tetapi saya rasa perancangan itu daripada beberapa tahun sampai hari ini kita belum lagi melihat pembangunannya. Kita berharap supaya kompleks-kompleks ataupun pusat-pusat riadah dapat didirikan atau dapat diadakan di negara kita supaya belia-belia kita dapat menggunakan tempat-tempat riadah ini sebagai kemudahan untuk mereka melibatkan diri dalam soal-soal kesukanan ini.

Saya juga mendapati bahawa peruntukan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada Jabatan Belia dan Sukan begitu terhad. Contohnya, apabila kita mengadakan Program Larian 2006, Program Sukan Untuk Semua, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita di peringkat Ahli Parlimen terpaksa meng'support', dengan izin, ataupun membantu peruntukan untuk menjayakan program-program tersebut. Begitu juga dengan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, kita terpaksa membantu peruntukan untuk menjayakan program tersebut kerana kementerian sendiri, jabatan sendiri tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi, agak malanglah sehinggakan jamuan mesyuarat pun tidak dapat dibantu oleh jabatan. Saya menyebutkan perkara ini bagi saya cukup rasional membuat pertimbangan kerana saya melihat peruntukan ini pun memang merupakan satu peruntukan yang agak susah untuk kementerian membuat pengagihan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai Butiran 020300 Penyelarasan Rakan Muda. Program Rakan Muda ini telah pun dilaksanakan hampir empat tahun



ataupun lima tahun - 1994, ya, enam tahun program ini telah dilaksanakan. Banyak pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh berbagai-bagai pihak. Kita berterima kasih kepada pihak kementerian kerana menjalankan kajian dan telah pun mengadakan ataupun menjalankan program selepas dikaji selidik akan menjalankan program baru yang akan dilahirkan oleh kementerian. Kita berharap supaya kementerian mengadakan program terbaru yang akan dilancarkan tidak lama lagi akan mengkaji dan akan menilai semula pandangan-pandangan yang telah pun diberikan oleh berbagai pihak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Kita berharap supaya kekurangan atau kelemahan yang berlaku dalam kita mengadakan atau menjalankan Program Rakan Muda dengan peruntukan begitu besar, dengan penghasilan yang ada kelemahan-kelemahan tertentu akan dapat diatasi.

Dua perkara lagi, Tuan Pengerusi, dalam penggulungan ini yang ingin saya sebutkan, pertamanya mengenai Majlis Sukan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan panjang sangat, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya juga rasa kecewa kerana Majlis Sukan yang sepatutnya bertanggungjawab kepada stadium-stadium negeri-negeri, saya dapati hari ini walaupun bangunannya dibina dengan peruntukan berjuta-juta ringgit tetapi keadaan stadium amat menyedihkan kerana jawapan yang diberikan adalah kekurangan peruntukan. Jadi kita harap pihak kementerian juga akan dapat memberikan perhatian kepada perkara ini.

Dalam Program Pembangunan Usahawan hari ini kita telah beralih kepada ICT, Pembangunan Komputer/Teknologi Maklumat. Kita berharap supaya kementerian dengan beberapa kegagalan semasa kita mengadakan Program Pembangunan Usahawan akan dapat membuat kajian dan akan dapat memberikan perhatian khusus kepada pembangunan IT di kalangan generasi muda.

Dengan itu saya juga turut menyokong peruntukan yang diberikan. Terima kasih

*[Beberapa orang Ahli bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Jeli.

**7.54 mlm.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Assalamualaikum w.b.t. dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Ulama besar Islam di abad ke-20 memberi pesan supaya kita sentiasa berdoa kalau boleh secara harian. Tuan Pengerusi pun seorang ustaz, memang dia pernah dengar doa ini dan dia pun baca doa ini, Insya-Allah *[Membaca sepotong doa dalam bahasa Arab]*

"Ya Allah ya Tuhanku, Kau berilah kekuatan tubuh badan aku, kemudian baru Dia kata, Kau berilah kekuatan penglihatan aku, kemudian barulah Dia kata memberi kekuatan kepada pendengaran aku."

Ini menunjukkan betapa pentingnya kepada kekuatan kesihatan tubuh badan. Oleh kerana kita membicarakan masalah sukan, sukan selalu dikaitkan dengan kekuatan jasmani, kekuatan tubuh badan.

Seterusnya saya pergi kepada B.17 dan P.17 Kementerian Belia dan Sukan. Di bawah Butiran 020000 Pembangunan Belia dan Sukan yang melibatkan peruntukan lebih kurang RM34.5 juta. Hendak dikatakan besar atau tidak peruntukan pengurusan ini, Wallahualam. Tetapi apa yang jelas negara kita mengharapkan apakah jenis-jenis sukan yang cuba dipopularkan oleh kementerian. Oleh kerana kita sedar bahawa dari sudut fizikal sememangnya orang-orang Asia lebih kecil berbanding dengan orang-orang Eropah ataupun Amerika Syarikat. Justeru itu, kita mesti sesuaikan sukan-sukan yang kita rasa mampu, mampu untuk kita menjadi pendahulu kepada jenis-jenis sukan ini. Umpamanya sukan tenis, Andre Agassi bukanlah seorang yang bertubuh besar, Michael Cheng bukanlah seorang yang bertubuh besar, mana-mana sukan yang tidak melibatkan pertembungan fizikal maka sukan-sukan ini adalah sesuai untuk mereka yang bertubuh agak kecil sedikit.

Kalau kita perhatikan umpamanya sukan badminton, sukan ping pong yang mana sukan ini dimonopoli oleh pemain-pemain daripada China dan berbagai-bagai lagi jenis sukan yang kita boleh *identifikan*, dengan izin, untuk menjadikan negara kita popular. Sebab itu saya rasa dari sudut kementerian tidak berapa jelas tentang sukan-sukan yang ingin dipopularkan. Sepatutnya Kementerian Belia dan Sukan

dengan hubungan mesra, hubungan baik dengan Kementerian Pendidikan tentukan sekolah-sekolah kerana sekarang ini kita dapati banyak sekolah-sekolah yang bakal didirikan tidak boleh memuatkan padang bola, banyak sekarang ini tapak-tapak yang kecil, tapak-tapak yang tidak mencukupi menyebabkan padang bola tidak boleh diwujudkan, tidak boleh dibina. Kenapa semua sekolah perlu diadakan padang bola kerana kita lihat semakin hari permainan bola sepak kita bukan semakin maju tetapi semakin mundur hinggalah Nepal pun saya tidak tahu berapa biji padang bola dia ada, pernah mengalahkan pasukan bola sepak negara kita, Malaysia.

Sebab itu kita lihat umpamanya di dalam permainan badminton, permainan badminton yang mempopularkan badminton ini bukannya Kementerian Belia dan Sukan, mereka hanya menanggung selepas daripada kejayaan. Mereka hanya mempopularkan lagi selepas daripada kejayaan dicapai oleh keluarga Sidek. Yang mempopularkan sukan badminton di negara kita adalah keluarga Sidek. Kita tidak boleh menafikan ini. Sebab itu bila mana kita menjadi johan atau beberapa kali kita menjadi naib johan Piala Thomas kesemuanya boleh dikatakan lebih daripada separuh pasukan badminton kita pada waktu itu diwakili oleh keluarga Sidek seolah-olah pasukan Sidek vs Indonesia, Pasukan Sidek vs Indonesia.

Jadi ini dengan sendirinya menunjukkan kepada kita bila mana keluarga Sidek sudah tidak ada, badminton kita semakin jauh daripada genggamannya Piala Thomas. Inilah kajian-kajian yang perlu kita jalankan. Walaupun kita ada akademi badminton di Kampung Pandan tetapi saya tidak melihat potensi, prestasi masing-masing pemain yang lama yang kita hantar kepada pertandingan-pertandingan antarabangsa. Pemain-pemain perseorangan sudah berusia lebih daripada 30 tahun. Bahkan apa yang kita lihat umpamanya dari sudut *coach*, dari sudut jurulatih-jurulatih badminton misal kata, ataupun pingpong misal kata, pingpong kita pernah mengambil johan dunia pingpong Jian Jialiang daripada Cina dan juga badminton kita pernah mengambil umpamanya *coach* seperti Morten Frost Hansen pemain perseorangan yang terbaik untuk satu dekad. Untuk beregu pula kita baru mengambil Park Joo Bong tetapi masih kita tidak boleh berbangga dengan prestasi walaupun kita mengambil pengurus yang terbaik di dunia hari ini.

Sebab itu saya minta selepas daripada ini dalam masa tiga tahun atau empat tahun lagi kita sudah kenal pasti sukan yang boleh mempopularkan negara kita. Sukan-sukan itu semestinya sukan yang bukan sukan yang berbentuk lasak, bukan sukan yang berbentuk pertembungan fizikal tetapi sukan yang jauh renggang di antara satu pesaing dengan persaingan kita.

Satu lagi saya hendak mencadangkan kalau boleh ini saya minta maaf teman-teman semua, Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat PAS, kalau boleh pertubuhan-pertubuhan sukan ini janganlah diterajui oleh pemimpin-pemimpin politik, kerana kalau tengok mana-mana ada, kita tengok dengan sendiri, bukan kita hendak kata tetapi kita tengok Yang Berhormat bagi Sri Gading pun kena setuju dengan saya ini. Mana-mana pertubuhan yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin UMNO terutama menteri-menteri UMNO, Timbalan-timbalan UMNO asyik hendak bergaduh macam pertandingan pemilihan Jawatankuasa Pemilihan UMNO.

Jadi saya minta mulai sekarang kalau boleh semua pihak memberi perhatian sama ada pemimpin PAS kah, pemimpin MCA kah, pemimpin MIC kah, jangan dibenarkan..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekejap lagi, ...untuk menerajui pertubuhan-pertubuhan sukan, kerana nanti pertubuhan sukan ini akan jadi pertubuhan politik. Sukan kita bukan semakin maju, bahkan semakin mundur.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Hendak berilah ini. Minta harap kementerian mengambil pertimbangan hal ini. Ada sedikit sahaja satu ayat sahaja. Sedikit sahaja ayahanda Sri Gading jangan bimbang. Jadi kita minta umpamanya kalau kita tengok sukan boling. Sukan boling tidak diterajui oleh mana-mana pemimpin politik. Dia diterajui oleh seorang profesional, Dr. K.S. Nathan Tengok bagaimana pencapaian sukan boling. Sekarang ini sukan yang betul-betul meletakkan imej sukan negara di peta dunia setakat ini yang boleh kita bangga ialah

sukan boling. Sukan lain saya tidak tahu, saya tidak nampak walaupun sudah membaca banyak bab-bab sukan ini. Sila, silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita bersetuju kadang kala kepimpinan di persatuan yang menyebabkan satu-satu jenis sukan itu merosot. Tetapi saya kurang bersetuju dengan sahabat saya daripada Jeli hendak melarang secara keseluruhannya orang-orang politik memegang jawatan di dalam badan-badan sukan. Ada sebenarnya orang-orang politik yang berjaya, macam Yang Berhormat bagi Larut pegang Perak, johan bola sepak baru-baru ini. Jadi tidak berapa tepatlah kalau kita larang orang-orang politik. Memang ada di kalangan pemimpin-pemimpin sukan yang menyebabkan kegagalan tetapi ada juga orang yang bukan politik, dia menggagalkan juga. Ini bukan soal politik ataupun tidak.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tidak ada pertanyaan saya jawab sepoi-sepoi bahasa. Jadi saya hendak minta umpamanya kita menyebabkan Menteri Belia dan Sukan dalam keadaan serba salah. Kalau mana-mana orang-orang pertubuhan politik, terutama yang memegang jawatan-jawatan menteri memegang pertubuhan-pertubuhan sukan tertentu menyebabkan Menteri Belia dan Sukan dalam keadaan serba salah untuk membuat keputusan yang baik. Umpamanya apa yang berlaku dalam Persatuan Badminton Malaysia, pergaduhan di antara Nusa Mahsuri dengan Persatuan Badminton sehinggakan pemain-pemain terbaik Nusa Mahsuri boikot. Sehingga menyebabkan Menteri Belia dan Sukan pada waktu sukar untuk membuat keputusan yang baik kerana kadang-kadang, maklum sahaja kita harus menerima hakikat kalau buat kasar nanti pengundian dalam parti nanti aku tidak dapat undi dia. Ini jelas, ini jangan kita main-main, kalau bertindak kasar dengan dia, dia ini menteri lagi, dia ini pertubuhan sukan, aku tidak hendak.... Bahasa "aku" ini boleh Tuan Pengerusi? *[Ketawa]* Nanti aku tidak dapat undi dalam pemilihan parti nanti. Saya minta itu tolong ambil perhatian, pertama.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Allah hu-khbar. *[Ketawa]* . Jadi selepas itu kita hendak tengok sedikit misal kata sekarang ini Yang Berhormat

Timbalan Menteri, yang di bawah Kepala P.17, Butiran 01800 - Penyediaan Sukan Komanwel.

Saya dapati anggarannya lebih kurang RM2 juta tetapi disediakan peruntukan RM11.76 juta, kenapa diperlukan peruntukan sebesar ini lagi, sedangkan Sukan Komanwel telah berlalu. Bukankah Sukan Komanwel telah selesai pada tahun 1998. Masyarakat diberitahu badan yang mengendalikan sukan ini untung besar. Tetapi macam mana dia perlukan peruntukan sebanyak ini lagi, yakni penambahan sebanyak 600% daripada peruntukan cadangan.

Di samping itu saya pun agak terkejut bila mana melihat di dalam buku peruntukan ini cadangan asal untuk mengendalikan Sukan Komanwel berjumlah RM990 juta rupa-rupanya. Bila sampai waktu pelaksanaan, perbelanjaan sebenar ia melebihi RM1.1 bilion. Saya hendak tanya sedikit, selepas daripada sukan ini selesai apakah berbaloi untuk mengadakan Sukan Komanwel ini dengan perbelanjaan yang melebihi RM1.1 bilion, apakah hasil positif dan hasil-hasil yang *economic* dengan membelanjakan peruntukan sebanyak ini.

Apakah yang kerajaan lihat setakat hasil-hasil yang *economic* yang diperolehi setelah kita menganjurkan Sukan Komanwel sebesar ini. Satu lagi boleh Tuan Pengerusi, sedikit sahaja ini. Ini ada sedikit berita sensasi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan kepada point Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Berita sensasi ini, kita melihat berita sensasi ini, saya hendak bawa di bawah Kepala 010000 – Pengurusan dan 010100 – Pengurusan Ibu Pejabat. Kedua-dua ini melibatkan peruntukan RM29 juta dan juga RM 12 juta, yakni tentang hasrat dan cita-cita negara kita untuk menganjurkan Sukan Asia 2006. Maka dianjurkan Larian Rakyat yang mana saya pun terlibat dalam Larian Rakyat ini untuk menyokong hasrat negara kita menganjurkan Sukan Asia tahun 2006. Walau pun sempit-sempit lutut, tetapi tidak apa kerana negara kita berhajat untuk berjaya menjadi *host* kepada Sukan Asia 2006. Saya hendak membuat satu perbandingan untuk kita fikir dan kaji.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjangkah Yang Berhormat masa sudah berlebih banyak ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya hendak tanya di dalam Dewan sekarang ini kenapa Qatar ini penduduknya 0.5 juta lebih kurang dan kalau kita tengok kemudahan sukan ini tidak ada, dia baru berjanji dengan perwakilan-perwakilan hendak membuat peralatan-peralatan sukan. Satu lagi kalau kita tengok saiz besarnya negeri Qatar ini kalau dalam peta dunia titik sahaja. Kemudian dia tidak ada sukan-sukan yang popular dan tidak melibatkan wanita-wanita. Kalau ada pun Qatar ini Talal Mansor pelari 100 meter sekarang Jepun sudah atasi dan satu lagi Hamad Khalifa pelari 800 meter. Kenapa, kenapa, walhal pada ketika itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berada di Qatar tiba-tiba dalam pemilihan, kita telah dituduh oleh akhbar-akhbar luar negara kita menggunakan wang secara berleluasa. Kita kena saman, minta tolong saman bersihkan nama kita ini di kaca mata dunia. Pergi kepada tribunal antarabangsa, saya cukup malu orang tuduh negara kita menggunakan wang tetapi dalam keadaan macam itu pun kita masih kalah di tangan Qatar yang belum ada kesempurnaan sukan. Minta sama-sama kita fikir.

Wallahulalam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Waalaikum salam. Yang Berhormat bagi SibU.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh satu, dua perkara sahaja. Di bawah B.17 Kementerian Belia dan Sukan Butiran 020100 – Pembangunan Belia.

Tuan Pengerusi, kita sedar sekarang mengenai satu cabaran yang serius iaitu generasi muda mereka mempunyai satu kebudayaan untuk menjadi agresif atau mereka tidak memberi penghormatan kepada orang tua di rumah atau kepada guru-guru di sekolah. Kebudayaan tradisi hilang, tradisi kebudayaan keluarga, mereka tidak begitu hormat iaitu saya ingin bertanya di bawah butiran ini, program pembangunan belia adakah program atau seminar akan diadakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membina kesedaran sivik di antara generasi muda. Saya fikir ini adalah sama penting daripada melatih mereka mencapai kecemerlangan di dalam bidang sukan, kerana kementerian ini adalah Kementerian Belia dan Sukan. Iaitu saya haraplah kementerian memberi perhatian sama berat untuk meningkatkan nilai

moral, disiplin dan kesedaran sivik untuk generasi muda kita semasa kita memberikan program melatih sukan supaya mereka boleh mencapai kecemerlangan di dalam bidang sukan. Ini tentang pembangunan belia.

Berikutnya ialah tentang Butiran 020300 – Penyelarasan Rakan Muda. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana mewujudkan Program Rakan Muda. Tetapi saya nampak aktiviti-aktiviti program ini semua diadakan oleh kementerian sendiri. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri adakah rancangan untuk Kementerian Belia dan Sukan adakan program-program Rakan Muda bersama dengan persatuan-persatuan, dan sekolah-sekolah dan tadi Yang Berhormat dari Arau mengatakan mungkin jabatan-jabatan kerajaan kerana saya difahamkan di negara kita NGO begitu ramai dan di dalam NGO banyak mengandungi bahagian belia atau pemuda.

Saya fikir kalau kementerian ini memberi peruntukan atau bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan atau NGO-NGO tertentu, paling penting sokong Barisan Nasional ya. [Ketawa] Saya fikir ini mungkin lebih berkesan kalau aktiviti-aktiviti ini hanya diadakan oleh kementerian sendiri. Ini usul sayalah.

Tuan Pengerusi, satu tajuk ialah 030100 Pentadbiran Latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia. Saya nampak pencapaian Olimpik tidak begitu baik, mungkin ada dua perkara yang kurang diberikan perhatian oleh kementerian. Tadi Yang Berhormat bagi Arau pun ada kata dan saya fikir kalau kita menyiasat sistem pembangunan sukan di negara-negara yang cemerlang seperti USA, negeri China atau Australia, mereka telah wujudkan satu institusi sukan supaya ahli-ahli sukan dia boleh dilatih di dalam institusi dan mencapai kecemerlangan di pertandingan antarabangsa. Selepas itu, mereka boleh mencari satu kehidupan atau bekerja contohnya, *as a trainer* dengan izin. Itu *specialisation* di dalam bidang sukan

Saya fikir di negara kita banyak persatuan sukan. Mereka sentiasa kata mereka mempunyai kekurangan kewangan, tiada bantuan dari kerajaan. Penderma-penderma kepada persatuan ini pun tidak mendapat fasilitas tax incentives untuk penderma-penderma. Oleh itu saya haraplah semua persatuan sukan akan diberikan kemudahan insentif cukai supaya mereka boleh menerima derma daripada sektor swasta.



Itulah cadangan saya dan saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Selangau.

**8.10 mlm.**

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh tiga perkara sahaja dengan secara ringkas.

Pertama mengenai dengan Maksud Bekalan 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Butiran 030300 Pembangunan Ekonomi Belia dan juga berkenaan dengan Butiran 040600 Program Pembangunan Produk Usahawan Belia serta juga 00116 Institut Kemahiran Belia Negara bagi negeri Sarawak.

Saya telah difahamkan bahawa lebih kurang 300,000 murid-murid atau lepasan sekolah sama ada tamat tingkatan lima atau enam tiap-tiap tahun telah tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka kepada pengajian tinggi seperti ke peringkat universiti. Jadi, saya ingin tahu walaupun banyak usaha oleh Kementerian Belia dan Sukan, apakah langkah-langkah atau usaha-usaha Kementerian Belia dan Sukan kepada belia-belia kita ini yang tidak dapat menyambung pelajaran mereka ke peringkat universiti.

Saya rasa Kementerian Belia dan Sukan mempunyai dasar yang konkrit supaya belia-belia kita ini dilatih dengan kemahiran yang cekap seperti training di latihan vokasional atau bidang teknikal kerana kita telah melihat kepada negara-negara yang membangun seperti Amerika Syarikat atau di Eropah misalnya, negara-negara yang telah mencapai perindustrian di mana belia yang menggunakan tenaga mahir atau pekerja mahir itu diperlukan.

Oleh kerana negara kita sekarang, kalau tidak silap, lebih 1 juta bagi buruh-buruh asing yang bekerja di negara kita sama ada di kilang elektronik dan kilang kelapa sawit dan sebagainya. Jadi, kita mahu anak-anak belia kita mempunyai skil atau kemahiran yang tertentu. Belia kita ialah harapan bangsa, kita harap mereka akan sebagai bakal atau pemimpin di masa hadapan yang mempunyai tenaga atau skil yang begitu mahir.

Saya juga ingin menyentuh perkara berkenaan dengan Kompleks Sukan bagi negeri Sarawak yang diberi kepada peringkat negeri atau daerah. Tuan Pengerusi, di

kawasan saya Selangau misalnya, sebuah daerah kecil di Tatau, tidak mempunyai padang yang luas atau kompleks sukan di sana. Kalau saya tidak terlupa, beberapa tahun yang lampau kerajaan atau BDA dari Bintulu berjanji untuk membina kompleks sukan di kawasan tersebut atau di daerah kecil tersebut tetapi pada hari ini pun belum dilaksanakan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan bilakah pelaksanaan atau kompleks sukan itu akan dibina di kawasan daerah Tatau iaitu di kawasan Parlimen saya.

Yang kedua, saya ingin hendak tanya juga berkenaan dengan pekan Selangau, di pekan saya tidak ada padang sukan, tidak ada kompleks sukan dan sebagainya. Jadi, saya minta, sama ada Kementerian Belia dan Sukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dapat merancang atau membina kompleks sukan dan padang sukan di pekan Selangau.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, iaitu berkenaan sukan di peringkat sekolah. Saya telah bersetuju dengan rakan-rakan saya, di mana bila sekolah itu mengadakan sukan, ramai daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), memohon derma atau sumbangan daripada wakil rakyat, tetapi wakil rakyat tidak dapat beri banyaklah dan kebanyakan sekolah misalnya di luar bandar menghadapi banyak masalah berkenaan dengan alat-alat sukan tidak cukup, kadang-kadang bola pun dia minta dengan wakil rakyat. Jadi, saya minta peruntukan khas daripada Kementerian Belia dan Sukan disalurkan kepada sekolah-sekolah supaya alat-alat sukan diberi lengkap kepada murid-murid kita sebab merekalah harapan bangsa kita supaya mereka dilatih daripada kecil lagi. Apa yang dikata oleh seorang pujangga, "*hendak melentur buluh mesti daripada rebungnya*".

Kita jangan ingat kepada orang yang panjang kaki itu dapat lari dengan cepat, kalau kita banding dengan binatang tupai, di mana tupai itu walaupun kakinya pendek dia cepat daripada manusia. [Ketawa] Yang sebenarnya latihan, kalau latihannya dari kecil kita jangan putus asa walaupun setakat ini kita tidak dapat apa-apa dari games Olimpik tetapi kita harap kita jangan putus asa supaya kita start, mulai daripada sekarang untuk buat latihan kepada anak-anak muda kita supaya mereka bukan setakat jaguh kampung tetapi sebagai sukan bertaraf dunia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta laluan. Selangau, minta sikit pantun Iban – macam mana kaki pendek, kaki panjang [*Ketawa*]

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Boleh, apa itu? [*Disampuk*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pantun Bahasa Iban.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Saya ni tidak dapat berpantun bukan macam kawan saya di sebelah itu tempoh hari. Jadi, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Gelang Patah, lepas ini Menteri menjawab.

**8.19 mlm.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.17 – Kementerian Belia dan Sukan. Dalam Butiran 020200 tentang Pembangunan Sukan. Di sini saya ingin ambil peluang ini minta pihak Kementerian Belia dan Sukan agar mengadakan perancangan yang lebih sempurna untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan bersukan antara rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini kerana daripada tinjauan yang dijalankan oleh pihak tertentu bahawa setakat ini, di negara kita ini cuma 11% rakyat yang terlibat dalam sukan.

Jika kita kata budaya suka bersukan, seseorang itu jika dia ada terlibat dalam sukan ialah sekurang-kurangnya tiap-tiap minggu tiga hari dia ada ambil bahagian sekurang-kurangnya 20 minit tiap-tiap hari, sekurang-kurangnya satu minggu tiga kali baru boleh dikatakan dia benar-benar bersukan. Dan, kita semua sedia maklum bahawa jika seseorang itu minat dalam sukan dia akan mempunyai otak yang cergas, badan yang sihat. Dan, bila badan sihat, itu adalah satu kekayaan dan adalah satu kejayaan dan bagaimana kita dapat memupuk semangat suka bersukan ini, saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan agar dalam rancangan-rancangan memperbanyakkan kemudahan sukan di kampung-kampung, di taman-taman perumahan dan di tempat-tempat riadah kerana pada masa sekarang kita tahu semua projek perumahan sekurang-kurangnya 10% keluasan tanah projek perumahan akan dirisabkan untuk kegunaan riadah dan tanah lapang.

Saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan agar boleh bincang dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan jika boleh saya ingin

ambil peluang ini untuk buat satu cadangan, kemungkinan untuk menjimatkan wang kerajaan, wang rakyat iaitu pihak Kementerian Belia dan Sukan jika dapat kerjasama bersama-sama mengadakan rancangan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mereka ada mewujudkan KRT, mereka juga ada pusat-pusat aktiviti. Dan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mereka melalui KEMAS, ada pusat aktiviti. Jika, ketiga-tiga kementerian ini dapat bekerjasama mewujudkan satu pusat sukan dan pusat aktiviti bersama, kemungkinan besar kita akan dapat menjimatkan wang rakyat. Kita pun perlu kerjasama daripada pihak kerajaan negeri.

Semasa Kementerian Belia dan Sukan memperkenalkan program Rakan Muda, memang pada masa itu pihak Kementerian Belia dan Sukan meminta tiap-tiap kerajaan negeri supaya dapat di tiap-tiap daerah memberikan tanah seluas 15 ekar untuk membina pusat-pusat aktiviti Rakan Muda. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan, setakat ini berapa negeri yang benar-benar ada kerjasama dan berapa tempat seperti di daerah-daerah dalam negara kita ini yang mana pihak kerajaan negeri memberikan kerjasama, memberikan tanah seluas sekurang-kurangnya tiap-tiap tempat 15 ekar untuk mewujudkan pusat aktiviti Rakan Muda.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin bahas adalah tentang Butiran 020100 iaitu Pembangunan Belia. Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa pada masa ini kita dapati bahawa ada golongan-golongan belia ada mempunyai keghairahan mengejar teknologi maklumat dan mereka boleh dikatakan tiap-tiap hari gila berinteraksi melalui skrin komputer. Ini adalah satu gejala sosial yang baru di kalangan golongan belia. Gejala sosial ini boleh dikatakan sudah mula melanda masyarakat kita sehingga golongan belia amat kurang membabitkan diri dalam khidmat kesukarelaan. Ini satu perkara yang serius kerana jika golongan belia kita kurang minat dalam perkhidmatan sosial, kemungkinan kita akan menghadapi masalah untuk melatih belia-belia kita supaya mereka akan menjadi pemimpin di persatuan-persatuan yang terlibat dalam perkhidmatan sosial seperti Bulan Sabit Merah (St. John Ambulance Brigade) dan lain-lain.

Ini kerana melalui perkhidmatan sosial, kita akan dapat membimbing seorang belia itu kepada semangat kesukarelaan, dan bila mereka dibimbing dalam semangat kesukarelaan, dan melalui penyertaan dalam persatuan-persatuan sukarela ini mereka dapat bergaul dengan belia-belia yang lain dan kerana mereka melibatkan diri dalam aktiviti ini yang bermakna, mereka akan dapat melatih diri sendiri membentuk akhlak yang mulia dan akan mempunyai keyakinan diri dalam segala perjuangan dalam kehidupan belia itu. Jika tiap-tiap hari mereka cuma minat dalam bidang komputer sahaja hingga tidak melibatkan diri dalam perkhidmatan sosial ini akan mendatangkan masalah kepada masyarakat kita.

Oleh yang demikian, saya harap....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung.

**Tuan Chang See Ten:** Saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan apakah rancangan untuk membimbing belia-belia kita supaya mereka benar-benar minat dalam perkhidmatan sosial dan apa rancangan yang terkini yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Timbalan Menteri menjawab.

**8.28 mlm.**

**Timbalan Menteri Kementerian Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkanlah saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat yang tunjuk minat dan memberikan saya dan kementerian saya pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang bernas mengenai program-program Kementerian Belia dan Sukan.

Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Serdang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat lapan buah Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang sedang dibina untuk menampung keperluannya yang semakin meningkat di kalangan belia. Selain dari itu....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh sambung besok Timbalan Menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli  
Yang Berhormat, persidangan kita ditangguhkan hingga besok pukul 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.*

**Oktober 2000**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S.,  
S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri  
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A.,  
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P.,  
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato'  
Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S.,  
S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo  
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri  
Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala  
Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul  
Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
D.U.B.C.(T). (Pekan)

- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)



- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Nga n Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)

- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)

- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji  
Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad,  
P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin  
Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAIPEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat  
**Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan**

#### **Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

#### **Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

## **JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

**Monarita binti Mohd. Hassan**

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**



## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2001

**Jawatankuasa :**

**Jadual -**

Maksud B.1 hingga B.13

(Halaman 24)

Maksud B.14, B.15, dan B.16

(Halaman 78)

Maksud B.17

(Halaman 168)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2001

**Jawatankuasa :**

Maksud P.7 dan P.8

(Halaman 24)

Maksud P.14 dan P.16

(Halaman 78)

Maksud P.17

(Halaman 168)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 80)